

Bil. 11

**Isnin
8 Ogos 2022**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAAH SEBAGAI AHLI DEWAN	
- Dua Orang Ahli Mengangkat Sumpah	(Halaman 1)
PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA	
- Mengalu-alukan Pelantikan Ahli Dewan Negara	(Halaman 1)
- Mengangkat Sumpah di Luar Dewan	(Halaman 2)
- Memperkenankan Akta-akta	(Halaman 3)
- Perutusan Daripada Dewan Rakyat	(Halaman 3)
URUSAN MESYUARAT	(Halaman 5)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 6)
USUL:	
Usul di Bawah Peraturan Mesyuarat 6(1)	(Halaman 32)
Waktu Mesyuarat dan Urusan	
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 39)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perhutanan Negara (Pindaan) 2022	(Halaman 32)
Rang Undang-undang Agensi	
Kawalan Sempadan Malaysia (Pembubaran) 2021	(Halaman 64)
Rang Undang-undang Kehadiran Wajib	
Pesalah-pesalah (Pindaan) 2021	(Halaman 81)
Rang Undang-undang	
Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020	(Halaman 93)

AHLI HADIR

1. Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negara, Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim (Dilantik)
2. “ Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Dato' Sri Dr. Haji Mohamad Ali bin Haji Mohamad (Dilantik)
3. “ Datuk Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin, PMW [Menteri Kanan Pendidikan] (Dilantik)
4. “ Tuan Haji Idris bin Haji Ahmad [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)] (Dilantik)
5. “ Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad [Timbalan Menteri Pengajian Tinggi] (Dilantik)
6. “ Datuk Lim Ban Hong [Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri] (Dilantik)
7. “ Dato' Dr. Mah Hang Soon [Timbalan Menteri Pendidikan I]
8. “ Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim (Sarawak)
9. “ Dato' Haji Ahmad bin Yahaya (Kedah)
10. “ Dato' Ajis bin Sitin (Pahang)
11. “ Tuan Aknan a/l Ehtook (Dilantik)
12. “ Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah (Dilantik)
13. “ Datuk Dr. Azhar bin Ahmad (Dilantik)
14. “ Tuan Haji Aziz bin Ariffin (Perlis)
15. “ Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan (Dilantik)
16. “ Datuk Haji Bashir bin Haji Alias (Dilantik / Wilayah Persekutuan Labuan)
17. “ Datuk Bobbey Ahfang Bin Suan (Sabah)
18. “ Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai (Dilantik)
19. “ Puan Fadhlina binti Dato' Sidek (Pulau Pinang)
20. “ Dato' Haji Husain bin Awang (Terengganu)
21. “ Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid (Perak)
22. “ Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan (Johor)
23. “ Datuk John Ambrose (Dilantik)
24. “ Puan Noraini binti Idris (Sabah)
25. “ Dato' Juhanis binti Abd Aziz (Pahang)
26. “ Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)

AHLI HADIR (samb/-)

27. Yang Berhormat Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin (Dilantik)
28. “ Datuk Wira Koh Nai Kwong (Melaka)
29. “ Puan Lim Hui Ying (Pulau Pinang)
30. “ Datuk Lim Pay Hen (Johor)
31. “ Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim (Dilantik)
32. “ Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh (Dilantik)
33. “ Datuk Mohan a/l Thangarasu (Dilantik)
34. “ Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad (Kelantan)
35. “ Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya (Dilantik/ Wilayah Persekutuan Putrajaya)
36. “ Tan Sri Dato’ Seri Mohd Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad (Dilantik)
37. “ Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali (Dilantik)
38. “ Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip (Dilantik/ Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)
39. “ Dato’ Dr. Nelson a/l Renganathan (Dilantik)
40. “ Dato Dr. Nuing Jeluing (Sarawak)
41. “ Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh (Terengganu)
42. “ Dato’ Wira Othman bin Aziz (Kedah)
43. “ Datuk Paul Igai (Dilantik)
44. “ Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi (Dilantik)
45. “ Datuk Razali bin Idris (Dilantik)
46. “ Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol (Dilantik)
47. “ Tuan Robert Lau Hui Yew (Dilantik)
48. “ Tuan Seruandi bin Saad (Perlis)
49. “ Dato’ Shamsuddin bin Haji Abd. Ghaffar (Perak)
50. “ Puan Susan Chemerai Anding (Dilantik)
51. “ Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee (Dilantik)
52. “ Dato’ Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu (Dilantik)
53. “ Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff (Kelantan)
54. “ Datuk Nicole Wong Siaw Ting (Dilantik)
55. “ Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri (Dilantik)
56. “ Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa (Dilantik)

AHLI TIDAK HADIR

1. Yang Berhormat Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Kewangan] (Dilantik)
2. “ Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Timbalan Menteri Perpaduan Negara] (Dilantik)

**AHLI TIDAK HADIR
(DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

1. Yang Berhormat Dato' Sri Ti Lian Ker [Timbalan Menteri Belia dan Sukan] (Dilantik)
2. “ Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian (Dilantik)

HADIR BERSAMA

1. Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri] (Gombak)
2. “ Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Menteri Kanan Pertahanan] (Sembrong)
3. “ Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Menteri Pengangkutan] (Ayer Hitam)
4. “ Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri [Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya] (Batang Sadong)
5. “ Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Menteri Wilayah Persekutuan] (Arau)
6. “ Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)] (Masjid Tanah)
7. “ Datuk Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas)] (Kuala Kangsar)
8. “ Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Timbalan Menteri Kewangan I] (Paya Besar)
9. “ Datuk Mohamad Alamin [Timbalan Menteri Pendidikan II] (Kimanis)
10. “ Datuk Haji Awang bin Hashim [Timbalan Menteri Sumber Manusia] (Pendang)
11. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan] (Jasin)
12. “ Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Mohamed Said [Timbalan Menteri Dalam Negeri I] (Kuala Krau)
13. “ Datuk Ali anak Biju [Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli] (Saratok)

HADIR BERSAMA (*samb/-*)

14. Yang Berhormat Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat] (Rantau Panjang)
15. " Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd. Muttalib [Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan] (Maran)
16. " Dato' Dr. Haji. Noor Azmi bin Ghazali [Timbalan Menteri Kesihatan I] (Bagan Serai)
17. " Datuk Muslimin bin Yahaya [Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi] (Sungai Besar)

DEWAN NEGARA**Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Nor Yahati binti Awang

Setiausaha Dewan Negara

Muhd Sujairi bin Abdullah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Adlina Aisyah binti Ahmad Rusli

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Monarita binti Mohd Hassan

Azhari bin Hamzah

Halijah binti Mat Sin

Rosna binti Bujairomi

Alzian binti Baharudin

Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Siti Norlina binti Ahmad

Noraidah binti Manaf

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Liyana binti Ahmad

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Nor Effazimmah binti Maliki

Nur Annisa binti Hamid

Herdawati binti Mohd Amir Abbu

Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim

Nur Hazwanie binti Mohd Rozali

Yoogeswari a/p Muniandy

Muhamad Fazal bin Mahat

Nor Aizafasya binti Zainal

Ahmad Syahril bin Haji Sikari @ Sik'ari

Nik Muhammad Ismail bin Karim	Muhammad Firdaus bin Ahmad
Azmir bin Mohd Salleh	Izzul Syazwan bin Abdul Halim
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa	Maryam binti Azinuddin
Nor Kamsiah binti Asmad	Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili
Aifarina binti Azaman	Nurul Syakirah binti Ibrahim
Noorfazilah binti Talib	Suhaila binti Sariffuddin
Farah Asyraf binti Khairul Anuar	Siti Fatimah Nurain binti Mohamad
Julia binti Mohd. Johari	Nor Afina binti Mohamed Rashid
Syahila binti Ab Mohd Khalid	Muhamad Shafiq bin Ahamad
Ismalinda binti Ismail	Muhammad Akmal bin Md Yusoff
Hazliana binti Yahaya	Nur Azmina binti Jamaluddin
Amir Arshad bin Ab Samad	Wan Nur Faliqha binti Wan Hazani
Hizamihatim Maggisa bin Juara	Anisah Sahirah binti Hamzah

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KEDUA
Isnin, 8 Ogos 2022
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

MENGANGKAT SUMPAAH SEBAGAI AHLI DEWAN NEGARA

Setiausaha: Mengangkat sumpah dua orang Ahli.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, Ahli-ahli Yang Berhormat dan para hadirin sekalian, Majlis Mengangkat Sumpah pada hari ini mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 4(1), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara dan mengikut Jadual Keenam, Perlembagaan Persekutuan.

Dengan hormatnya, saya menjemput Ahli Yang Berhormat berikut untuk mengangkat sumpah di hadapan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

DUA ORANG AHLI MENGANGKAT SUMPAAH

1. Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen
2. Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim

[Upacara Mengangkat Sumpah tamat]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN AHLI DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum*, selamat pagi dan salam sejahtera.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan pelantikan Ahli-ahli Dewan Negara yang telah mengangkat sumpah sebentar tadi iaitu:

- (i) Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen, berkelulusan Diploma Perguruan Maktab Perguruan Raja Melewar. Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan MCA Negeri

Johor (Lantikan Semula) (Pilihan DUN Johor) (Berkuat kuasa mulai 26 Jun 2022 hingga 25 Jun 2025); dan

- (ii) Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perniagaan Antarabangsa Dalam Kewangan, *University of San Francisco, California, USA*. Timbalan Pengerusi Majlis Perbandaran Padawan (Lantikan Baharu) (Pilihan DUN Sarawak) (Berkuat kuasa mulai 22 Julai 2022 hingga 21 Julai 2025) [*Tepuk*]

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat berdua, galaslah tanggungjawab ini dengan sebaik mungkin dan tunaikan segala sumpah yang telah dilafazkan sebentar tadi dengan penuh amanah kerana Dewan Negara ketika ini sedang melalui fasa transformasi yang memerlukan penglibatan dan penyertaan aktif para Senator nya secara menyeluruh agar peranan Dewan yang mulia ini dalam memperjuangkan suara rakyat menjadi tersohor serta berkesan.

■1010

Saya sering mengulangi pernyataan bahawa antara sumpah dengan perbuatan, antara sumpah dengan pelaksanaan, antara sumpah dengan gara-gara politik, hendaklah sentiasa tidak ada yang memerlukan *negativity* atau perkara-perkara yang menjatuhkan nama baik Dewan yang mulia ini.

Jika sumpah jawatan itu dilaksanakan mengikut apa yang tertera dalam Perlembagaan, akan kuranglah para pemimpin yang menjadi penjenayah, akan kuranglah para pemimpin yang memuslihatkan keadaan di bawah, dalam kalangan masyarakat dan rakyat. Akan kuranglah keadaan di mana kita akan dicap oleh rakyat sebagai tidak bertanggungjawab.

Diingatkan semula bahawa, kita sebagai para Senator merupakan pemimpin di dalam rumah gelas. Perbuatan kita dilihat oleh rakyat dan dinilai oleh mereka. Setiap perkataan kita, mereka mendengar dan mereka beri penilaian. Apakah tidak sampai masanya bagi kita pada masa ini untuk melihat semula ini sebagai cerminan kepada wajah-wajah politik dan wajah-wajah pimpinan kita sendiri?

Saya berasa bangga oleh sebab dengan pelantikan kedua-dua Ahli Yang Berhormat baharu ini, kita didatangi oleh pemimpin dari Sarawak yakni Profesor Dato Sri Dr. Sim Kui Hian, *Deputy Premier of Sarawak...* [*Tepuk*] Semoga dengan tradisi bahawa wakil kerajaan negeri sampai untuk bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini, diteruskan. Ini merupakan sesuatu yang memberi markah tinggi kepada Dewan yang mulia ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan kata-kata itu, kita mulakan Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Parlimen Keempat Belas Tahun 2022.

[Upacara Mengangkat Sumpah tamat]

MENGANGKAT SUMPAAH DI LUAR DEWAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Majlis iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah semasa Majlis Mesyuarat dalam tangguhan, serta mengikut Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh yang dinyatakan seperti berikut:

- (i) Pada 25 April 2022, Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh (lantikan baharu, lantikan Yang di-Pertuan Agong); dan

- (ii) Pada 17 Jun 2022, Yang Berhormat Senator Datuk Nicole Wong Siaw Ting (lantikan baharu, lantikan Yang di-Pertuan Agong).

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin memperingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat dan semua pihak berkuasa tentang Perkara 45, cerai dua, Perlembagaan Persekutuan, dan saya bacakan, "*Ahli-ahli yang akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong hendaklah orang yang pada pendapatnya telah memberikan perkhidmatan awam yang cemerlang atau telah mencapai keunggulan dalam profesion perdagangan, perindustrian, pertanian, aktiviti kebudayaan atau perkhidmatan sosial atau yang mewakili ras minoriti atau berkebolehan mewakili kepentingan Orang Asli*".

Sebab saya bacakan ini ialah pelantikan Senator ke Dewan mulia ini, kerap kali tidak dinyatakan apa kepakarannya, apa latar belakangnya dan kenapa Yang di-Pertuan Agong melantiknya dengan menggunakan bahasa pada pendapatnya. Apakah telah sampai masanya bagi Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini untuk menelurkan idea supaya nilai-nilai dan juga latar belakang kepada Senator itu dijadikan sebagai panduan kepada lantikan yang akan datang?

Jika para hakim dilantik mengikut panel dan juga sifat-sifat tertentu, apa salahnya jika Senator masa depan diketahui latar belakangnya, kepakarannya dan tuntutan Perkara 45, cerai dua. Setiausaha, sila.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Kelima, Parlimen Keempat Belas yang telah berlalu seperti berikut:

- (i) Akta Perbekalan Tambahan (2021) 2022;
- (ii) Akta Kerja (Pindaan) 2022;
- (iii) Akta Kawalan Bekalan (Pindaan) 2022;
- (iv) Akta Perlembagaan (Pindaan) (No.2) 2022;
- (v) Akta Syarikat Labuan (Pindaan) 2022;
- (vi) Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan (Pindaan) 2022; dan
- (vii) Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan (Pindaan) 2022.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha Dewan Negara membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membaca Perutusan]

"4 Ogos 2022

Perutusan Daripada Dewan Rakyat kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. D.R 1/2022 – Rang Undang-undang Perhutanan Negara (Pindaan) 2022;
2. D.R 21/2021 – Rang Undang-undang Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (Pembubaran) 2021;
3. D.R 19/2021 – Rang Undang-undang Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah (Pindaan) 2021;
4. D.R 3/2022 – Rang Undang-undang Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (Pindaan) 2022;
5. D.R. 8/2022 – Rang Undang-undang Kawalan Padi dan Beras (Pindaan) 2022;
6. D.R 18/2021 – Rang Undang-undang Antigangguan Seksual 2021 (dengan pindaan di peringkat Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis) di Dewan Rakyat;
7. D.R 2/2022 – Rang Undang-undang Racun (Pindaan) 2022;
8. D.R 10/2022 – Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2022;
9. D.R 11/2022 – Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2022;
10. D.R 20/2022 – Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022;
11. D.R 13/2022 – Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 2022;
12. D.R 14/2022 – Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2022;
13. D.R 12/2020 – Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020;
14. D.R 15/2022 – Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No.3) 2022 (dengan pindaan di peringkat Jawatankuasa Pilihan Khas);
15. D.R 16/2022 – Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 2022;
16. D.R 28/2022 – Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 2022;
17. D.R 21/2022 – Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2022;
18. D.R 22/2022 – Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2022;
19. D.R 24/2022 – Rang Undang-undang Zon Bebas (Pindaan) 2022;
20. D.R 26/2022 – Rang Undang-undang Cukai Pelancongan (Pindaan) 2022;

■1020

21. D.R 27/2022 – Rang Undang-undang Levi Pelepasan (Pindaan) 2022;
22. D.R 31/2022 – Rang Undang- Cukai Jualan (Pindaan) 2022;
23. D.R 23/2022 – Rang Undang-undang Levi Kenderaan Barang-barang (Pindaan) 2022;
24. D.R 25/2022 – Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pindaan) 2022; dan
25. D.R 32/2022 – Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2022.

Yang ikhlas,

t.t

Yang di-Pertua Dewan Rakyat"

Tuan Yang di-Pertua: Demikianlah perutusan yang telah disampaikan menerusi ucapan dibuat oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat kepada Dewan Negara. Silakan.

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Lim Ban Hong]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 66(2), saya mohon memaklumkan supaya rang undang-undang yang tersebut dalam perutusan itu dibacakan Kali Yang Kedua, dan Ketiganya di Mesyuarat ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Akan tetapi dalam masa sama, saya ingin memohon pertimbangan Ahli-ahli Yang Berhormat. Ada 25 rang undang-undang Ahli-ahli Yang Berhormat diminta untuk menimbang, memproses, berhujah bagi meluluskan atau sebaliknya. Adakah ini berpatutan dengan tugas Ahli-ahli Yang Berhormat di sini?

Saya mengesyorkan supaya apa-apa yang bertembung dengan tanggungjawab asas itu hendaklah disesuaikan dengan kuasa Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 89. Sama ada kita perlu menambah harinya ataupun menambah masanya. Biasanya, menambah masa.

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat diminta biasanya menambah masa sampai tengah malam. Sebaliknya, jika ditambah hari lebih baik, lebih berkesan, dan pemikiran akan bertambah jelas. Itu pandangan saya dari kerusi ini. Jika tidak, sentiasa hanya membaca apa skrip yang diberi. Ini tidaklah begitu patut dan saya mohon Ahli-ahli Yang Berhormat, mulai kini menjadi Ahli yang inovatif dalam pemikiran sebagai para Senator.

Untuk itu, saya sebutkan dalam hal yang penting dan setiap Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri haruslah berekonomi dalam penyampaiannya dan pada masa yang sama, kita juga menimbangkan apa yang patut untuk disahkan sebagai dokumen kita masa depan.

Ahli Yang Berhormat, lanjutan penerimaan daripada Dewan Rakyat yang telah dibacakan oleh setiausaha sebentar tadi, Dewan yang mulia ini dikehendaki memutuskan sejumlah 25 rang undang-undang.

Dengan yang demikian, saya telah meneliti dan memutuskan bahawa demi kepentingan rakyat, kesemua rang undang-undang ini hendaklah diputuskan oleh Dewan ini dalam kadar yang saya sebutkan sebentar tadi dan silalah beri pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat bagaimana terbaik kita memberi kesesuaian ke arah Dewan Rakyat itu.

Disyorkan Ahli-ahli Yang Berhormat dapat menggunakan kebijaksanaan mengisi waktu yang ada dan diberi ruang kepada nas, prinsip serta kehendak kita dalam perbahasan setiap rang undang-undang dikemukakan.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, merujuk kepada masalah kekurangan cip semikonduktor global yang berterusan. Mohon penjelasan berkenaan usaha kementerian dalam mengembangkan industri semikonduktor tempatan.

Tuan Yang di-Pertua: Diharap diiktiraf agihan masa seperti yang telah diedarkan.

Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee dan Tuan Yang di-Pertua.

Isu kekurangan cip semikonduktor di pasaran global bermula sejak tahun 2018 ekoran situasi geopolitik pada ketika itu. Penutupan sempadan di seluruh dunia bagi menangani penularan pandemik COVID-19 telah menyumbang kepada gangguan rantaian bekalan semikonduktor di pasaran global.

Pembukaan semula sempadan dan sektor-sektor ekonomi seluruh dunia susulan peralihan ke fasa endemik COVID-19 telah menyebabkan peningkatan secara mendadak ke atas penggunaan cip semikonduktor. Peralihan teknologi komunikasi, aplikasi Teknologi Industri 4.0 dalam industri e-mobiliti serta penggunaan peranti elektrik dan elektronik juga telah menyebabkan peningkatan permintaan cip semi-konduktor.

Malaysia merupakan antara negara utama dalam rantaian semikonduktor global. Pada masa ini, Malaysia menyumbang kira-kira tujuh peratus daripada perdagangan semikonduktor dunia. Semikonduktor merupakan penyumbang terbesar kepada eksport E&E negara, mewakili 62 peratus daripada nilai keseluruhan eksport produk E&E.

Dalam memastikan industri semikonduktor tempatan kekal berdaya saing sebagai sebahagian daripada rantaian bekalan global, MITI telah melaksanakan pelbagai inisiatif merangkumi pemberian insentif fiskal berbentuk pengecualian cukai secara taraf perintis atau elaun cukai pelaburan, pemberian pakej galakan istimewa di bawah dana khas pelaburan strategik, pelaksanaan program pembangunan pembekal tempatan serta insentif khusus menggalakkan pembangunan ekosistem semikonduktor.

Di samping itu, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), agensi di bawah MITI, dengan kerjasama Persatuan Industri Semikonduktor Malaysia melalui Nexus Produktiviti Elektrik dan Elektronik juga turut mengambil langkah dalam menyokong perkembangan industri E&E melalui pembangunan bakat masa hadapan. Antara program yang dilaksanakan program peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula tenaga kerja untuk jurutera dan juruteknik yang menganggur serta program *Academy in Factory*.

Pemeteraian memorandum kerjasama pada 10 Mei 2022 di antara Malaysia dan Amerika Syarikat dalam rantaian bekalan semikonduktor yang berdaya tahan menyumbang kepada usaha MITI dalam merangka pelan tindakan pengukuhan rantaian bekalan semikonduktor yang berdaya tahan, terpelihara dan mampan. Kerjasama ini membuktikan pengiktirafan Amerika Syarikat terhadap Malaysia sebagai salah sebuah negara pengeluar semikonduktor utama di dunia di mana Malaysia merupakan rakan dagang pembekal semikonduktor utama kepada pasaran Amerika Syarikat dengan menyumbang sebanyak 24 peratus keperluan Amerika Syarikat.

Usaha-usaha ini, Tuan Yang di-Pertua, dijangka dapat memperkukuhkan lagi pertumbuhan industri semikonduktor tempatan yang akan diterjemahkan kepada peningkatan pelaburan dalam sektor ini. Sepanjang tahun 2021, MITI melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah meluluskan 94 projek dengan jumlah pelaburan sebanyak RM148 bilion dalam industri E&E. Sebanyak 64 peratus daripada jumlah ini iaitu bersamaan RM95 bilion jumlah pelaburan adalah daripada projek-projek baharu dan pembesaran oleh syarikat-syarikat multinasional seperti *Infenion, Fuji Electric, Intel, Nexperia, AT&S* dan lain-lain.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin mengumumkan bahawa bagi pertanyaan lisan, tiga minit diuntukkan bagi Yang Berhormat Menteri untuk menjawab dan hal ini telah pun disempurnakan, lebih kurang. Pertanyaan tambahan pula hanya 30 saat untuk diajukan oleh Yang Berhormat yang ingin bertanya, dan 1 minit 30 saat untuk Yang Berhormat Menteri menjawab.

Saya akan membenarkan dua soalan tambahan atau, pada timbangan, untuk mencapai tahap yang munasabah. Oleh itu, dipersilakan penyوال tadi yang mengemukakan.

Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Syarikat Taiwan, Foxconn telah menandatangani satu MOU dengan syarikat DNex Berhad anak syarikatnya bagi menghasilkan cip 28 dan 40-nanometer. Apakah perkembangan tersebut bagi pelaburan ini?

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini satu perkembangan yang positif di mana pihak MIDA dan Kementerian Kewangan sedang meneliti beberapa insentif khusus untuk pelaburan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dan ia dalam perbincangan. Saya percaya perkara ini dapat diberikan pertimbangan oleh Kementerian Kewangan dalam menarik pelaburan-pelaburan baharu kerana hasrat kita pada hari ini adalah untuk memperkenalkan insentif yang lebih inovatif dalam menarik pelaburan yang berteknologi tinggi dan berkualiti untuk negara kita. Terima kasih.

■1030

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kembali. Silakan.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah rancangan kerajaan dalam membantu pemain industri semikonduktor tempatan dalam usaha mengautomasikan proses pembuatan cip, dengan izin, *to intensify automation of the chip industry* di negeri kita. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat, di MIDA dan juga MITI kita ada beberapa insentif khusus untuk menggalakkan pemain-pemain tempatan mengadaptasikan automasi, robotik dan teknologi-teknologi baharu. Sebagai contoh, kita ada *Smart Automation Grant* (SAG) untuk memastikan pemain-pemain tempatan dapat segera beralih kepada teknologi-teknologi ini bagi memenuhi permintaan MNCs yang kini bersetuju untuk melabur di negara kita.

Selain daripada itu, seperti yang saya nyatakan tadi kita juga mempunyai beberapa bentuk insentif untuk menggalakkan pembangunan pembekal tempatan serta insentif khusus bagi penggalakan pembangunan ekosistem semikonduktor yang ingin saya sebutkan di sini dalam bidang-bidang tertentu, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *integrated circuit (IC) design, IC packaging design, embedded system design*, dan juga *test and engineering design* untuk E&E *cluster* yang dimaksudkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kembali. Dewan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang datang sendiri menjawab soalan-soalan bagi kementerian beliau.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang.

2. Dato' Haji Husain bin Awang minta Menteri Kanan Pertahanan menyatakan, sejauh mana perancangan serta pelaksanaan jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang telah dilaksanakan hasil daripada pembentangan Kertas Putih Pertahanan pada tahun 2019.

Menteri Kanan Pertahanan [Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kerana Yang Berhormat Menteri Pertahanan datang untuk bagi jawapan bagi kementerian beliau.

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua yang saya kasihi. Yang Berhormat Senator, menjawab soalan Yang Berhormat.

Demi memastikan Kertas Putih Pertahanan benar-benar efektif semua pemegang taruh atau *stakeholders* mesti berada dalam nada yang sama, terkoordinasi dan bergerak seiring dalam mencapai matlamat yang telah pun ditetapkan.

Maka, antara langkah awal apabila saya masuk ke kementerian ini ialah untuk memastikan Kertas Putih Pertahanan ini selari dengan semua dasar dan polisi-polisi sedia ada di MINDEF dan di ATM. Dasar-dasar yang berkaitan dengan ATM yang perlu saya selaraskan di peringkat awal sudah tentunya Strategi Ketenteraan Negara 2.0 untuk ATM dan bila mengikut kepada perancangan perkhidmatan *Army 4nextG* merupakan perancangan Tentera Darat Malaysia, Program Transformasi 15 ke-5 untuk Tentera Laut Diraja Malaysia dan CAP55 untuk Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Dasar-dasar dan polisi di bawah MIDNEF pula yang perlu diselaraskan di bawah Kertas Putih Pertahanan ini meliputi Pelan Tindakan 2022 secara jangka masa pendek atau pendekatan jangka masa pendek iaitu untuk tahun 2022. Untuk jangka masa sederhana pula ia diselarikan untuk melaksanakan perancangan ini di bawah Pelan Strategik MINDEF 2021-2025.

Semua polisi ini penting untuk diselarikan bagi memastikan ketiga-tiga cabang perkhidmatan dapat memiliki aset yang mereka mahu dan perlukan demi mempertahankan kedaulatan tanah air dan pada masa yang sama ia dapat dilaksanakan secara lebih terancang, dapat diselarikan dan tindakan yang menyeluruh di bawah Kertas Putih Pertahanan.

Kembali kepada Kertas Putih Pertahanan tiga tonggak strategi pertahanan telah pun kita ambil kira yang termaktub di bahawa KPP ini:

- (i) Cegah Rintang Berpadu;
- (ii) Pertahanan Menyeluruh (HANRUH); dan
- (iii) Perkongsian Berwibawa.

Tiga perkara tonggak ini perlu juga diselarikan bersama-sama dengan Kertas Putih Pertahanan dan saya hendak berikan jaminan dan keyakinan kepada Dewan yang mulia ini bahawa pendekatan awal kita supaya Kertas Putih Pertahanan ini kita teruskan tetapi ia mesti juga diselarikan dengan polisi-polisi dan pendekatan-pendekatan yang ada di MINDEF dan ATM supaya ia lebih efektif, lebih terselaras, dan dapat perancangan yang lebih rapi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kembali. Tambahan?

Dato' Haji Husain bin Awang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Dalam Kertas Putih Pertahanan ada terkandung berkenaan perolehan aset bagi tempoh 2021 sehingga 2030. Namun, apa yang berlaku dalam skandal LCS yang sedang heboh sekarang, saya dengan tegas menyatakan rasa amat kesal dengan pendedahan seperti... *[Disampuk]* Dalam Laporan PAC.

Tuan Yang di-Pertua: Skandal mana? Yang Berhormat, sebutkan skandal mana?

Dato' Haji Husain bin Awang: Bagaimana nasi sudah menjadi bubur. Berbilion-bilion Ringgit wang negara dibelanjakan tetapi sampai sekarang satu kapal pun masih belum siap.

Persoalan saya, apa langkah penyelesaian yang diambil oleh MINDEF dalam hal ini sedangkan di awal dahulu lagi Panglima Tentera Laut ketika itu Tan Sri Dr. Abdul Aziz Jaafar telah pun mengutus surat teguran dan pendirian TLDM mengenai tatacara perolehan LCS yang bermasalah. Terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat dan saya tumpukan jawapan saya khusus kepada isu LCS yang telah pun saya maklumkan lebih awal di mana isu LCS ini berkisar hari ini daripada Laporan PAC dan saya telah nyatakan bahawa pertama, ia perlu diteruskan. Ia perlu diteruskan bersandarkan kepada keperluan Tentera Laut Diraja Malaysia dan ia ada kaitan rapat dengan perancangan dan polisi mereka 15 ke-5. Ini merupakan sesuatu pertimbangan yang diperlukan oleh TLDM.

Kedua ialah pertimbangan untuk memastikan bahawa vendor-vendor yang sedia ada, ratusan juga yang sebahagian besarnya merupakan mereka daripada golongan veteran. Tidak perlu digulung tikar dan projek ini perlu diteruskan mengambil kira kebajikan mereka. Itu satu.

Ketiga, saya telah pun membuat kenyataan bahawa siapa yang salah tetap salah. Sekiranya ada penyelewengan, ada salah guna kuasa, SPRM pun telah membuat kenyataan bahawa siasatan sedang berjalan dan tindakan-tindakan terhadap pihak-pihak berkenaan telah pun diambil. Itu kita serahkan kepada SPRM untuk ambil tindakan yang seterusnya.

Perkara yang keempat Tuan Yang di-Pertua, berhubung kait dengan LCS ini ialah bagaimana kita dapat melihat ke hadapan untuk memastikan kapal-kapal yang dijanjikan sampai kepada TLDM. Mereka yang salah tetap dibawa ke muka pengadilan dan ini saya hendak maklumkan kepada Dewan bahawa ini merupakan sesuatu yang telah pun mendapat keputusan Kabinet tempoh hari.

Kerjasama kita kepada PAC telah *total* di mana kita telah berdepan dengan PAC lebih daripada 15 kali. Bukan sahaja dalam konteks semasa saya MENHAN, perancangan kita ke depan dalam masa enam bulan, tiga bulan yang saya akan laporkan kepada Kabinet sedang rancak berjalan.

Alhamdulillah, kalau benda ini sudah belunggu bertahun-tahun hari ini sekurang-kurangnya kita telah pun- seperti dasar-dasar kita, melibatkan semua *stakeholders*, TLDM, MINDEF, EPU, MOF dan Kabinet sendiri untuk mencuba memastikan pokok tadi, untuk pastikan kapal kita sampai kepada TLDM. Cara bagaimana kita dapat bela vendor-vendor dan veteran-veteran kita dapat mendapat hasilnya.

■1040

Saya tahu banyak kelemahan- saya pun juga kecewa, ramai kecewa. Akan tetapi kita mesti lihat ke hadapan dengan mencari keadilan, memastikan kapal ini dapat dibekalkan kepada TLDM dan cari jalan yang terbaik untuk memastikan ia tidak berulang pada masa-masa yang akan datang. Terima kasih.

Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip: Yang Berhormat Menteri, boleh Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Wira Othman bin Aziz: Satu soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Yang Berhormat.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pertahanan. Saya bersetuju dengan jawapan, dan jawapan sangat tertib dan saya juga ingin menambah satu soalan. Sebab dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tak tersebut jangka masa. Okey, kita teruskan pembinaan kapal tetapi jangka masa, berapa lama daripada sekarang? Dahulu tak ada jangka masa, sekarang ada

persoalan lagi tak timbul-timbul. Jadi untuk ke hadapan, kita bina, kita pastikan kapal itu sampai tetapi berapa lama? Mohon penjelasan, terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Razali. Satu soalan yang perlu kita jawab. Cuma saya tidak mampu jawabnya sekarang kerana kita diberikan enam bulan selepas keputusan Kabinet untuk memobilisasikan usaha untuk menghidupkan semula projek ini.

Ia melibatkan *engagement* dengan vendor di Perancis, ia melibatkan *engagement* kita dengan agensi-agensi perbankan. Akan tetapi untuk Dewan ini, saya boleh nyatakan bahawa sekurang-kurangnya dalam masa setahun dua ini saya harap bahawa jelas kapal pertama akan dapat kita siapkan. Saya akan laporkan kepada orang ramai jadual berperingkat-peringkat kapal-kapal yang telah pun dijanjikan kepada TLDM ini dan saya akan maklumkan kepada Kabinet apa yang telah kita lakukan untuk memastikan ia kali ini *insya-Allah* mengikut apa yang telah pun diadualkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip: Boleh lagi soalan Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali... [Ketawa]

3. **Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali** minta Menteri Kanan Pendidikan menyatakan, jumlah pelajar yang tidak layak mendapat sijil termasuk yang tidak menduduki peperiksaan atau gagal dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2021 serta apakah tawaran atau peluang yang diberikan oleh kerajaan terhadap mereka.

Timbalan Menteri Pendidikan II [Datuk Mohamad bin Alamin]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali atas soalan yang telah diajukan pada pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memastikan calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mendapat Sijil SPM bagi membolehkan mereka melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi atau menceburi alam pekerjaan. Bagi peperiksaan SPM tahun 2021, seramai 10,681 orang calon tidak hadir menduduki peperiksaan. Manakala seramai 45,526 orang calon yang menduduki peperiksaan SPM 2021 tidak layak mendapat sijil kerana gagal mata pelajaran Bahasa Melayu atau Sejarah atau kedua-duanya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, bagi membantu calon tersebut, mereka boleh menduduki peperiksaan SPM ulangan (SPMU) yang dilaksanakan pada setiap tahun. SPMU menawarkan tiga buah mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Sejarah dan Matematik. Untuk tahun ini SPMU akan dilaksanakan pada bulan September.

Selain daripada itu calon juga boleh menduduki peperiksaan SPM sebagai calon persendirian pada tahun-tahun berikutnya. Keputusan bagi peperiksaan ini boleh digabungkan dalam satu- sijil peperiksaan sahaja melalui perkhidmatan *Patching* Sijil Peperiksaan SPM.

Calon yang telah memperoleh Sijil SPM kali pertama mulai tahun 2009 layak untuk memohon perkhidmatan ini. Dengan cara ini calon masih berpeluang untuk mendapatkan Sijil SPM atau memperbaiki keputusan mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali: Baru-baru ini laporan di dada akhbar pada akhir bulan Jun menyatakan anggaran seramai 90 ribu orang pelajar yang tiada Sijil SPM kerana berhenti sekolah dan gagal dalam dua subjek yang Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu tadi, Bahasa Melayu dan juga Sejarah. Dua subjek ini satu subjek teras

yang sangat penting dan tanpanya Sijil SPM mereka tiada dan menyebabkan ruang dan peluang pekerjaan untuk anak-anak ini menjadi lebih kecil.

Perubahan sistem peperiksaan yang berlaku dalam sistem peperiksaan di peringkat sekolah juga telah meletakkan SPM sebagai satu peperiksaan yang sangat penting pada ketika ini. Soalan saya, apa perancangan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam mengurangkan jumlah pelajar yang gagal dalam dua subjek teras ini dan sebentar tadi ada 10 ribu yang tidak hadir, bagaimana pula kementerian melihat tentang perkara ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jumlah 2,600 bukan 10 ribu....

Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali: Ya, Tuan Yang di-Pertua, minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Mohamad bin Alamin: Terima kasih Yang Berhormat. Angka yang disebutkan Yang Berhormat Senator tadi- 90 ribu itu- itu merupakan angka kumulatif. Setiap tahun itu ia bertambah-tambah. Akan tetapi untuk tahun 2021 sahaja 10,600 lebih dan kita di pihak kementerian akan mengambil langkah-langkah yang perlu ke arah untuk membuat *post-mortem* ataupun kajian tentang sebab-sebab kenapa berlakunya para pelajar yang tidak menduduki peperiksaan SPM ini.

Saya kembali kepada soalan tambahan Yang Berhormat Senator, Kementerian Pendidikan Malaysia setakat hari ini telah melepasi seramai 56,518 orang murid calon SPM tahun 2022 yang akan datang ini. Kita tak mahu lagi mereka akan menghadapi masalah jadi kita akan membuat intervensi yang perlu kepada calon-calon seramai 56,518 orang ini.

Jadi dalam sehubungan ini kita juga telah membuat beberapa program. Seramai 800 orang murid berprestasi rendah yang telah dikenal pasti dalam kedua-dua mata pelajaran ini kita telah membuat satu program daripada 23 hingga 27 Mei baru-baru ini bertempat di Pulau Pinang, Perlis, Kedah dan Perak Utara untuk membuat intervensi dan kita memberi bimbingan kepada pelajar. Keduanya kita juga membuat program yang sama daripada 27 Jun hingga 1 Julai tahun ini yang bertempat di Sarawak. Kita juga ingin membantu kepada para pelajar dan memberi mereka intervensi yang diperlukan supaya mereka benar-benar faham tentang dua subjek teras yang cukup penting ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga akan memberikan bimbingan kepada guru-guru khusus yang mengajar Bahasa Melayu dan juga Sejarah ini. Kita telah arahkan kepada *School Improvement Special Coach (SISC) Plus* yang ada di setiap Pejabat Pendidikan (PP) di seluruh negara supaya turun ke setiap sekolah dan pergi guru-guru, selepas ini mereka faham. Kita beri intervensi juga, bimbingan kepada guru-guru ini supaya mereka dapat memberikan pengajaran dan bimbingan kepada para pelajar khususnya yang akan menduduki peperiksaan mata pelajaran Bahasa Melayu dan juga Sejarah ini.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Sudah panjang Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Mohamad bin Alamin: *Last* sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Ekonomi kan perkataannya.

Datuk Mohamad bin Alamin: Ya. Pemerkasaan Ketua Panitia di 608 buah sekolah kita kenal pasti. Kita juga akan memberikan mereka bimbingan yang sepatutnya supaya murid-murid yang bakal menduduki peperiksaan di dua subjek ini Tuan Yang di-Pertua benar-benar faham *insya-Allah*. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tambah satu lagi, silakan.

Dato Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah inisiatif jangka panjang yang telah dimulakan oleh KPM bagi meningkatkan mutu perkhidmatan guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris untuk SPM di

sekolah-sekolah menengah harian biasa terutamanya sekolah luar bandar dan pedalaman? Sekian, terima kasih.

■1050

Datuk Mohamad bin Alamin: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sedikit terkeluar daripada soalan. Walau bagaimanapun, saya ambil maklum dan saya akan bagi jawapan bertulis kepada Yang Berhormat Senator dan langkah-langkah kementerian yang telah diambil dan yang akan diambil untuk guru-guru Bahasa Inggeris tadi. *Insyaa-Allah*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip.

Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip:

*Dari Arau pergi ke Tumpat,
Bawa bekal berupa ketupat;
Tolong jawab dengan cepat,
Soalan saya nombor empat.*

Terima kasih.

4. **Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, langkah penyelesaian serta keselamatan bagi mengatasi masalah banjir dan pokok tumbang di ibu negara setiap kali hujan lebat sehingga mengundang ancaman nyawa kepada orang ramai.

Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]: *Assalamualaikum* Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi, pejuang Bahasa Melayu yang hebat. Saya persembahkan jawapan kepada soalan yang hebat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah dan akan melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk tindakan khas dalam tempoh interim bagi tujuan menangani banjir kilat di Kuala Lumpur dengan segera mengikut Pelan Tindakan Tebatan Banjir Kilat Kuala Lumpur 2022.

Antara tindakan serta-merta yang telah dan akan diambil di kawasan yang terlibat dengan banjir kilat ialah dengan memastikan kelancaran air ke lubang saluran air ke longkang, kerja pengorekan kolam-kolam takungan banjir dan penyelenggaraan sungai dan parit induk turut dilaksanakan dan guni-guni pasir juga telah dipasang di kawasan rendah limpahan air sungai. DBKL menempatkan petugas lebih daripada 400 orang sukarelawan berdaftar dan jentera trak penunda serta 100 orang warden trafik DBKL untuk mempertingkatkan kawalan dan perjalanan trafik di kawasan titik panas banjir kilat dengan kerjasama polis trafik Kuala Lumpur.

Selain itu, DBKL telah dan akan melaksanakan pelbagai projek mitigasi banjir merangkumi tindakan jangka pendek, sederhana dan panjang berdasarkan keperluan dan kesesuaian di lokasi-lokasi titik panas banjir yang telah dikenal pasti dan juga berdasarkan cadangan langkah mitigasi banjir yang dicadangkan oleh pihak perunding mengikut Pelan Induk Saliran Dan Pengurusan Air Hujan Kuala Lumpur.

Untuk mengatasi masalah pokok tumbang, DBKL telah melaksanakan kerja-kerja pemeriksaan dan cantasan pokok secara berkala bagi mengenal pasti pokok yang berisiko dan bermasalah.

Penyelenggaraan secara berkala ini dilakukan dengan pemantauan *arboris* bertauliah mengikut pusingan penyelenggaraan berdasarkan kawasan parlimen. DBKL juga membuat penilaian pokok berisiko tahap tiga pada pokok besar yang dikenal pasti di

sekitar Kuala Lumpur dengan menggunakan alat khas iaitu *resistor graph*, dengan izin, untuk menentukan tahap pereputan pada pokok.

Sebanyak 85 batang pokok daripada sejumlah 900 batang pokok di pusat bandar telah dikenal pasti bermasalah melalui penilaian tahap tiga. Pokok besar yang dikenal pasti bermasalah ini telah ditebang dengan segera bagi mengelakkan kemalangan dan risiko kepada orang awam. Pemeriksaan ini akan diteruskan dari semasa ke semasa untuk mengenal pasti pokok yang berisiko di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur.

Pokok-pokok yang ditebang ini akan digantikan dengan pokok lain bergantung kepada keluasan ruang penanaman. Jika keluasan ruang penanaman tidak sesuai untuk ditanam pokok, ia akan digantikan dengan pokok tumbuhan renek. Perancangan penanaman semula pokok di Pusat Bandar Kuala Lumpur dibuat berdasarkan garis panduan Pelan Pengurusan Pokok Rendang Kuala Lumpur. Terima kasih.

Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, dalam- ada dua isu, isu banjir dan isu pokok. Isu banjir ini sama ada kita setuju atau tidak selalunya berpunca daripada kelemahan perancangan dan pembangunan. Saya baru-baru ini tengok satu dokumentari bagaimana Kerajaan Belanda mengekang dan membendung masalah banjir di tempat mereka dengan projek yang dinamakan *Room for the River*, dan di Tokyo pun dah pakai kaedah yang sama. Jadi, soalan saya adakah kerajaan bersedia untuk mengguna pakai kaedah ini bagi mengekang banjir di Kuala Lumpur.

Satu lagi pasal pokok ini, saya nak secara spesifik Yang Berhormat Menteri, minta pegawai catat bahawa terdapat pokok-pokok besar yang telah pun perlu di-*trim* dahannya di kawasan belakang BHP Seri Wahyu di Sri Petaling. Saya mohon itu secara spesifik. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Terima kasih kepada soalan-soalan yang telah dibentangkan. Kedua, sebab Yang Berhormat suruh pegawai catat, pegawai akan mencatat dengan hebatnya dan tindakan akan diambil serta-merta. Selewat-lewatnya esok kita akan melihat perubahan yang besar akan berlaku. Akan tetapi ini adalah berdasarkan kompelin Yang Berhormat.

Kemudian yang pertamanya ialah, berhubung dengan tebatan banjir yang dilaksanakan di bandar-bandar besar di dunia ini. Di Tokyo, walaupun baru ini ada banjir sikit saja, di Bangkok, Singapura, Seoul, Shanghai, Stockholm dan juga di Holland. Tuan Yang di-Pertua, saya ditakdirkan masa muda-muda dulu, belajar di Holland selama dua tahun setengah. Jadi, saya melihat sendiri dan hati saya menjerit-jerit bagaimana saya boleh buat sama seperti di Holland.

Tuan Yang di-Pertua: Apa, hati menjerit? Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, tidak dengar.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Sebab pegawai-pegawai bandar raya telah pun dihantar ke Holland dan juga di beberapa buah tempat termasuk Tokyo sendiri dan *insya-Allah* perancangan jangka panjang telah dimasukkan pembinaan *storage*, dengan izin, di bawah tanah. Kita akan bina *storage* ini di dua buah tempat yang boleh memudahkan kita buat iaitu di bawah sungai ataupun di bawah jalan raya sebab ia tidak ada bangunan. Ini akan dilaksanakan dan masuk perancangan, kita telah melantik perunding di peringkat dalaman, perunding di peringkat luar dan juga peringkat antarabangsa akan dilantik dan semuanya akan jadi kenyataan Yang Berhormat dalam bulan September.

Kalau pilihan raya masa dekat-dekat itu sebenarnya kita telah pun laksana. Ini jangka panjang. Ini yang terakhir yang kita buat untuk...

Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip: Yang Berhormat Menteri, maknanya dalam bajet akan datang ini benda ini boleh dimasukkan?

Tuan Yang di-Pertua: Jangan berdebat. Berdebat tidak boleh.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: *Hat* yang ini Tuan Yang di-Pertua saya nak maklum kabinet setelah banjir kilat yang berlaku yang dahsyat dua tiga bulan yang lepas, Kabinet telah arahkan supaya bandar raya...

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat Menteri, sudah panjang sangat tu

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Sudah panjang sangat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Ya. Bandar raya akan membelanjakan peruntukan yang sedia ada dan Kerajaan Pusat akan menggantikannya kemudian. Terima kasih.

Datuk Dr. Azhar bin Ahmad: Soalan tambahan, soalan tambahan, Putrajaya.

Puan Nuridah binti Mohd Salleh: Tuan Yang di-Pertua, sini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila ya.

Datuk Hishamudin bin Yahaya: Soalan tambahan saya, apa jaminan keberkesanan terhadap tindakan atau langkah yang dinyatakan tadi kerana semua ini melibatkan perbelanjaan wang rakyat yang besar seperti menempatkan khemah-khemah serta kakitangan di *hotspot* sekitar kawasan banjir yang seperti tiada penghujungnya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Penghujungnya ialah jangka pendek. Bila banjir berlaku, orang tuduh kata banjir kilat berlaku dan pegawai tidak ada. Sekarang pegawai ada dan banjir kilat tidak berlaku. Empat kali hujan lebat Tuan Yang di-Pertua, telah diuji. Kita baru-baru ini empat kali hujan lebat, dan syukur *alhamdulillah*, banjir tidak berlaku.

Soalan ini telah pun dibangkit di Dewan Rakyat baru-baru ini, dan hari ini disambung di Dewan Negara- saya nak beritahu pegawai itu akan terus berada di sana mengikut giliran dan sukarelawan yang kita lantik kita bayar elaun, bukan kita bagi percuma. Mereka akan terus berada di sana dalam keadaan hujan yang tidak menentu dan *insya-Allah* mereka bukan buat kerja mengikut waktu pejabat.

Ini kerja tambahan yang kita bagi kepada mereka untuk mereka sendiri merasai bahawa kita berkhidmat untuk Wilayah Persekutuan dan mereka kena merasai tentang denyut jantung, nadi orang bandar raya. Mereka ada masalah, pegawai bandar raya yang bergaji ini turun ke bawah untuk bersama dengan rakyat. Jadi, saya harap Yang Berhormat semua faham bahawa bila kita menempatkan mereka ialah untuk jangka pendek. Bila jangka pendek ini selesai, dalam masa seminggu ini selesai, kita akan masuk jangka sederhana.

Jadi, pegawai dapat dikurangkan sebab peralatan yang kita pasang di sana mampu bergerak secara automasi dengan sendiri dan *insya-Allah* banjir kilat- saya tidak boleh kata 100 peratus banjir kilat dapat diselesaikan di Kuala Lumpur. Pada 3 hari bulan yang lepas, sebuah media elektronik telah menyiarkan cerita lama berhubungan banjir kilat di Kuala Lumpur, banjir kilat tidak berlaku. Apa yang berlaku banjir kilat ialah di sebuah kampung di Kuala Lumpur di Bentan Utara di Indonesia. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh.

5. Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh minta Menteri Kewangan menyatakan, tempoh jangkaan ekonomi negara berada dalam situasi inflasi serta sejauh manakah kebenaran mengenai jangkaan ekonomi negara sedang menuju ke arah "*hyperinflation*".

Tuan Yang di-Pertua: Nombor 5. *Alhamdulillah.*

Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh.

■1100

Tuan Yang di-Pertua, tekanan inflasi pada tahun 2022 merupakan fenomena global selaras dengan harga minyak mentah Brent yang kekal melebihi USD100 setong semenjak hujung Mac 2022. Gangguan rantaian bekalan dunia yang telah menjejaskan bekalan baja dan makanan ternakan juga telah meningkatkan harga makanan dengan mendadak.

Sebagai sebuah ekonomi yang terbuka, negara Malaysia tidak terkecuali daripada tekanan inflasi global. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, kenaikan harga barangan khususnya produk siap dan barangan perantara yang diimport sukar untuk dielakkan sepenuhnya sehinggalah tekanan daripada faktor luaran ini kembali stabil.

Ahli Yang Berhormat, namun begitu, kerajaan sentiasa prihatin terhadap peningkatan kadar inflasi yang menimbulkan keresahan dalam kalangan rakyat dan perniagaan serta terus memantau perkembangan ekonomi global semasa.

Kadar inflasi di Malaysia pada Jun 2022 mencatat pada kadar 3.4 peratus, didorong oleh kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol 6.1 peratus, pengangkutan 5.4 peratus, serta restoran dan hotel 5.0 peratus. Pada bulan yang sama, Ahli Yang Berhormat, kadar inflasi di beberapa buah negara maju dan serantau seperti Amerika Syarikat dan juga *United Kingdom* melebihi sembilan peratus, Thailand melebihi tujuh peratus, serta Singapura dan Filipina melebihi enam peratus.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai langkah telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi mengawal peningkatan harga barangan dan perkhidmatan keperluan asas termasuk kawalan harga ke atas barangan dan perkhidmatan terpilih, khususnya melalui pemberian subsidi harga bahan api dan makanan terpilih serta rebat elektrik untuk pengguna domestik.

Tuan Yang di-Pertua, langkah tersebut telah membantu memastikan kadar inflasi di Malaysia bagi bulan Jun tahun ini pada tahap yang sederhana berbanding negara-negara lain. Langkah ini seterusnya dapat mengelakkan hiperinflasi iaitu apabila kadar inflasi kekal pada tahap yang sangat tinggi dari satu bulan ke-satu bulan sehingga boleh menghakis nilai mata wang sesebuah negara. Selain itu, dasar fiskal dan dasar monetari negara kita semasa juga kekal akomodatif dalam memastikan inflasi negara kita berada tahap yang terkawal.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Terima kasih jawapan Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya ialah kenaikan OPR sebanyak 25 - mata asas kepada 2.25 peratus mendatangkan kegusaran kepada rakyat secara umum.

Sejauh mana, kementerian memberi kefahaman kepada kepentingan kenaikannya? Apakah kerajaan ada jaminan kenaikan OPR ini tidak melebihi kadar tiga peratus seperti mana yang sebelumnya semasa COVID-19? Terima kasih.

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Hajah Nuridah binti Mohd Salleh kerana membangkitkan perkara yang amat penting iaitu Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang sering kali disalahtafsirkan.

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, sebelum pandemik, kita berada pada kadar 300 - mata asas, iaitu 3.0 peratus dan Bank Negara Malaysia melalui *Monetary Policy Committee* (MPC) telah menurunkan sehingga ke paras yang terendah dalam sejarah negara kita sebanyak 125 - mata asas iaitu 1.25 kepada 1.75.

Sudah pasti, Yang Berhormat, apabila petunjuk-petunjuk ekonomi negara ini berada dalam keadaan yang baik, kadar pengangguran daripada 5.25 peratus pada Mei 2020 kepada 3.9 peratus, kita lihat FDI negara kita sudah bertambah baik, sudah pasti Bank Negara Malaysia mengambil keputusan untuk meningkatkan Kadar Dasar Semalaman sebanyak 25 - mata asas. Namun demikian, Yang Berhormat, kerajaan melalui Kementerian Kewangan memantau adakah kesan ini memberi kesan kepada jumlah bayaran balik pinjaman kepada rakyat.

Cuma, apabila kurangkan sebanyak 125 - mata asas dan apabila kita naikkan 25 - mata asas, setakat hari ini 50 peratus mata asas. Jadi ini sebenarnya- betul, ada meningkatkan sedikit. Akan tetapi, kalau hendak dibandingkan sebelum pra-pandemik, ia masih berada dalam keadaan yang terkawal.

Cuma persoalannya, bagaimana kita hendak memberi pendedahan kepada rakyat supaya kadar OPR ini tidak disalahertikan. Kementerian Kewangan melalui Bank Negara Malaysia sedang mempergiatkan usaha untuk memahamkan rakyat melalui tindakan-tindakan kita di media massa dan media sosial. Terima kasih Ahli Yang Berhormat.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri. Kita juga kadang-kadang tengok, *netizen* dan juga media sosial ini kata kononnya hendak membandingkan Malaysia hendak menjadi Sri Lanka. Sedangkan, untuk berhutang ini, negara perlu tertakluk kepada Artikel 98(1) Perlembagaan negara, kemudian Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 dan Dewan pada tahun 2021 telah meluluskan kenaikan tahap hutang ke-65 peratus daripada KDNK.

Apa langkah kerajaan hendak bagi penerangan, contohnya, daripada segi tahap hutang luar negara pada ketika ini, paras hutang berbanding KDNK, dan berapa peratus hutang dibayar dalam denominasi Ringgit Malaysia? Ini untuk penjelasan rakyat yang kurang faham. Terima kasih.

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz atas persoalan supaya memberi ruang dan peluang kepada Kementerian Kewangan untuk memberi sedikit penjelasan.

Untuk makluman Yang Berhormat, *International Monetary Fund* (IMF) tidak pernah menyatakan Malaysia mengalami masalah ekonomi yang akan mengakibatkan negara Malaysia mufli. Sebaliknya, IMF yakin dengan prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Pada April tahun ini, IMF telah menyuarakan keyakinan KDNK negara pada tahun 2022 akan berkembang pada kadar 5.75 peratus. Manakala agensi penarafan antarabangsa- Standard and Poor's (S&P) juga telah menyemak semual prospek penarafan Malaysia daripada negatif, Tuan Yang di-Pertua, sekarang telah diunjurkan negara kita berada pada kadar stabil pada Jun 2022 dengan kadar pertumbuhan 6.1 peratus.

Ahli Yang Berhormat juga ada bertanyakan berkaitan bagaimana kadar hutang kepada KDNK negara. Ahli Yang Berhormat, soalan ini amat penting kerana kerajaan hari ini terus menguruskan kewangan negara secara berhemah, mengawal tahap hutang daripada segi kemampuan. Setakat hari ini, kadar hutang kepada KDNK di Malaysia hanya berada pada tahap 63 peratus. Kalau saya hendak bandingkan, Ahli Yang Berhormat, dengan Jepun, Jepun mempunyai kadar hutang kepada KDNK sebanyak 263 peratus. Kalau kita hendak lihat jiran kita Singapura, kadar hutang kepada KDNK 133 peratus.

Cuma, seperti mana Yang Berhormat pun sedia maklum sebagai bekas Timbalan Menteri Kewangan, nisbah bayaran khidmat hutang- *debt-service ratio* kepada hasil

negara Malaysia pada ketika ini adalah pada- tahun lepas pada kadar 16.3 peratus. Bermakna, setiap RM1, sebanyak 16.30 sen kita bayar kepada *debt service charges*.

Akan tetapi, melalui anggaran Bajet 2022, kita jangkakan kita akan meningkat ke-18 peratus. Bermakna dengan nilai RM1, sebanyak 18 peratus kita akan bayar untuk hutang. Kalau kita hendak lihat negara-negara lain, kita boleh lihat.

Cuma, yang paling pentingnya, Yang Berhormat, kalau kita boleh melihat daripada segi ETR- ini juga, Yang Berhormat, ramai orang beritahu bahawa negara kita ini kena sampai 24 peratus, Tuan Yang di-Pertua, daripada segi cukai pendapatan syarikat. Itu menyebabkan syarikat tidak berminat dengan Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun kita meletakkan 24 peratus kepada cukai pendapatan syarikat, tetapi kadar cukai efektif atau *effective tax rate* (ETR) hanya berada pada kadar 15 peratus. Maknanya, kita juga melakukan pelbagai inisiatif bantuan kepada syarikat supaya mereka hanya bayar benda yang patut atau benda yang sepatutnya mereka bayar sahaja.

Dengan kata itu, maknanya kita sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, negara kita berada dalam keadaan yang baik dan, *insya-Allah*, momentum ini akan kita teruskan bagi memastikan kebajikan negara dan rakyat dapat kita pelihara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

6. Datuk John Ambrose minta Perdana Menteri menyatakan, penambahbaikan pengurusan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) bencana di setiap peringkat bagi memastikan bantuan dan sumbangan dapat disalurkan sesegera yang mungkin kepada mangsa-mangsa yang terlibat.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) [Datuk Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose.

Bagi memastikan pengurusan bencana negara pada masa akan datang dapat berjalan dengan baik dan mengatasi kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti berikutan kejadian banjir besar pada Monsun Timur Laut 2021/2022 yang lepas, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 3 Februari 2022 telah bersetuju dengan lapan langkah strategik jangka masa pendek, sederhana dan panjang.

■1110

Tidak perlu saya sebut di sini Yang Berhormat, telah menjadi pengetahuan umum sebab telah diumumkan. Akan tetapi lebih penting apa yang telah berlaku setelah pengumuman itu dibuat daripada segi pra bencana, persediaan tindak balas bencana dan juga persediaan pasca bencana. Daripada segi pra bencana, Arahan Majlis Keselamatan Negara (Arahan MKN No. 20) berhubung mekanisme pengurusan bencana telah dikemas kini dan dalam peringkat semakan perundangan.

Kedua, Dasar Pengurangan Risiko Bencana (DRR) dalam peringkat akhir penyediaan dan ia menggariskan prinsip dan teras dengan matlamat untuk mengurangkan risiko bencana untuk panduan dan rujukan utama setiap pihak di setiap peringkat pengurusan bencana. Kementerian, agensi yang disarankan untuk membuat penetapan sebanyak lima peratus daripada perbelanjaan mengurus dan pembangunan bagi tujuan pengurusan bencana pada masa akan datang.

Keempat, mempergiatkan penganjuran latihan dan simulasi pengurusan bencana ke segenap peringkat yang menekankan aspek tindak balas meliputi elemen taktikal seperti pengarahannya di tempat kejadian dan komunikasi inter-agensi.

Kelima, melaksanakan program *Community-based Disaster Risk Management* (CBDRM) dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, badan-badan bukan kerajaan, *academia* dan sebagainya di seluruh negara untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap bencana serta peranan mereka sebagai *initial responder*. Seramai 10 ribu orang peserta dari pelbagai lapisan telah dilibatkan semenjak program ini dijalankan dari bulan Julai 2022.

Melaksana perolehan sebanyak 320 unit bot fiber berserta enjin treler dan jaket keselamatan untuk setiap daerah dengan anggaran kos sebanyak RM4.8 juta. Ia akan dibahagi dua unit kepada setiap daerah.

Memantapkan lagi hebahan amaran bencana kepada orang awam menerusi Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Untuk persediaan tindak balas bencana pula, memantapkan pengurusan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah serta Pusat Kawalan Operasi Bencana serta koordinasi tindak balas dan bantuan termasuk penyelarasan NGO, sukarelawan, adalah lebih teratur, tersasar dan tidak ada tindihan. Latihan pengukuhan, peranan komander operasi bencana di pos kawalan tempat kejadian bagi penyelarasan aset dan sumber manusia.

Memantapkan lagi peranan Pusat Kawalan Bencana Negara daripada aspek perkongsian maklumat berkaitan bencana dengan jalinan kerjasama strategik bersama Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia.

Akhir sekali, saya mohon izin sedikit sahaja lagi Tuan Yang di-Pertua. Ketiga, penyelarasan pasca bencana yang terakhir, penambahbaikan mekanisme penyelarasan pasca bencana meliputi bantuan awal pembersihan dan bantuan-bantuan pasca bencana kepada mangsa termasuk bantuan kewangan. Ini termasuk meningkatkan kerjasama di antara daerah, negeri dan juga di pusat dan juga NGO-NGO. Kerajaan secara berterusan memastikan sebarang birokrasi diketepikan bagi menjaga kebajikan mangsa-mangsa bencana. Agensi pengurusan bencana telah meningkatkan semua *efficiency* di semua peringkat.

Akhir sekali, tempoh masa yang diambil bagi agihan bantuan kepada mangsa-mangsa bencana bergantung kepada perancangan yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri dan bantuan-bantuan Keluarga Malaysia telah dipermudahkan, dipercepatkan pemberiannya kepada mangsa. Terima kasih.

Datuk John Ambrose: Soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya yang sedikit sahaja lagi kerana berapa sudah bot-bot yang kena dibagi kepada setiap kawasan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri cakap dua buah bot di semua daerah banjir di seluruh Malaysia atau di tempat yang selalu banjir?

Datuk Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seperti yang saya sebut tadi, cadangan bagi pembekalan bot fiber mengikut daerah. Dua unit bot fiber ini untuk setiap daerah Yang Berhormat, namun tertakluk kepada kesesuaian mengikut negeri. Maknanya sekiranya berlaku banjir begitu kuat sekali di kawasan itu, semestinya dua buah bot fiber itu tidak mencukupi. Kita akan menghantar bot-bot tambahan tetapi ia bukannya secara *permanent* atau secara tetap. Ketika ia diperlukan di tempat-tempat lain pula ia akan dihantar ke daerah-daerah yang memerlukan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Soalan tambahan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Adakah bantuan dan sumbangan kepada mangsa-mangsa yang terlibat sebelum ini diserahkan oleh Kerajaan Pusat ataupun melalui kerajaan negeri? Pada pandangan saya perlu diselaraskan bersama dengan kerajaan negeri supaya lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan sahaja. Pada pandangan itu dalam hal lain.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam. Ini pengagihan bantuan mengikut aliran ataupun SOP yang telah kami sediakan sebelum ini. Ia seperti ini Yang Berhormat, bermulanya berlakunya bencana itu, kita akan mengumpulkan semua maklumat di peringkat daerah, di peringkat PKOB.

Setelah itu, ia akan disalurkan pula ke peringkat negeri dan disaringkan semula di peringkat negeri. Kemudian disalurkan pula kepada pihak ICU dan ICU akan menyerahkan kepada NADMA dan MOF akan menyerahkan peruntukan tersebut kepada NADMA untuk disalurkan semula ke peringkat negeri, negeri akan agihkan kepada daerah-daerah yang terlibat. Ya, sekarang diefisienkan lagi untuk dipastikan supaya semua komuniti mesti bergiat sama iaitu ketua-ketua kampung Yang Berhormat sendiri, Ahli-ahli Parlimen dan juga semua KRT yang terlibat dalam bencana tersebut supaya setiap maklumat tidak ada pertindihan.

Setiap maklumat akan tepat dan tidak orang yang tidak patut menerima bantuan itu diberi dan yang mangsa pula ditinggalkan. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair.

7. Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair minta Menteri Kesihatan menyatakan, anjakan yang diinspirasikan daripada penglibatan Malaysia selaku Naib Pengerusi Lembaga Eksekutif Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), dan sejauh mana penglibatan tersebut mampu mendorong negara kita ke arah pewujudan rangkaian kesihatan awam yang berkeupayaan tinggi dalam merawat penyakit-penyakit kronik.

Timbalan Menteri Kesihatan I [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bertanyakan tentang dua perkara iaitu anjakan inspirasi oleh Malaysia semasa WHA dan juga kesan ke Malaysia untuk menangani penyakit-penyakit kronik.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Eksekutif Pertubuhan Kesihatan Sedunia merupakan perhimpunan berkala yang dihadiri oleh Menteri-menteri Kesihatan dan ketua-ketua pengarah serta pakar-pakar dalam bidang kesihatan bertujuan untuk membincangkan tentang status kesihatan dunia dan hala tuju penyelesaiannya.

Jadi, selaku Naib Pengerusi, Malaysia telah dipilih daripada enam buah rantau itu secara bergilir-gilir setiap tahun dan pada tahun 2022-2023 Malaysia dipilih sebagai Naib Pengerusi. KKM dan WHO telah menjalinkan kerjasama strategik dalam pembangunan kesihatan dan modal insan bagi meningkatkan keupayaan dan liputan perkhidmatan penjagaan kesihatan kepada masyarakat. Selaku Naib Pengerusi Lembaga Eksekutif mewakili rantau Pasifik Barat, penglibatan Malaysia amat penting bagi memastikan pendirian Malaysia berhubung isu-isu kesihatan Malaysia diketengahkan dan diambil perhatian bagi memastikan kepentingan Malaysia terjamin.

Selain itu, Malaysia berpeluang untuk mempertahankan isu-isu sensitif dan perkara-perkara berbangkit yang menjadi keutamaan kepada Dasar Kesihatan Negara. Dengan penglibatan Malaysia secara aktif dalam mesyuarat-mesyuarat antarabangsa seperti di WHA, Malaysia semasa menghadiri Persidangan Kesihatan Sedunia Ke-75 pada bulan Mei baru-baru ini telah menggesa WHO untuk menjadikan sains tingkah laku atau *behavioral science* sebagai satu agenda dalam perbincangan peringkat tertinggi WHO.

Sebenarnya kita di Malaysia ini telah lama mengamalkan sains tingkah laku ini. Sejak tahun 1991 kita telah mengadakan contohnya Kempen Gaya Hidup Sihat iaitu Cintailah Jantung Anda. Itu satu perkara.

Kemudian diikuti oleh banyak lagi program seperti Doktor Muda, KOSPEN, COMBI, yang terkini merupakan Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) untuk menggunakan sains tingkah laku ini untuk menyelesaikan masalah-masalah penyakit terutamanya masalah penyakit kronik. Akan tetapi inilah yang kita sedang usahakan sekarang ini.

Selain itu sebagai Naib Pengerusi Lembaga Eksekutif, Malaysia turut terpilih untuk menyertai program hab pemindahan teknologi mRNA. Inisiatif untuk mewujudkan *hub* pemindahan teknologi MRNA ini dicetuskan sebagai strategi untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran vaksin mRNA dan untuk menggalakkan keselamatan kesihatan serantau.

Malaysia telah diberi pengiktirafan juga untuk menerajui perbincangan berhubung dengan sains tingkah laku tadi di peringkat WHO iaitu persidangan meja bulat yang mana seterusnya membawa perkara ini dibawa sebagai resolusi pada Mesyuarat Lembaga Eksekutif dan Persidangan Kesihatan Sedunia yang ke-76 pada tahun 2023.

Dengan peranan ini, Malaysia berpeluang memperluaskan rangkaian kerjasama dalam kalangan negara-negara anggota dan bersama-sama mengenal pasti kolaborasi yang bersesuaian bagi sektor kesihatan awam untuk dilaksanakan di rantau ini. Terima kasih.

■1120

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Soalan tambahan Tan Sri. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah KKM telah menyediakan pelan bersepadu bersama dengan kementerian yang berkaitan bagi mempersiapkan negara menghadapi krisis kesihatan luar jangka yang disebabkan perubahan iklim serta pencemaran udara yang turut dibimbangi oleh WHO? Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan sains tingkah laku ini juga, seperti yang saya maklumkan tadi. Terkini ialah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 11 November tahun lepas. Ini pendekatan secara yang dikatakan *whole of nation*. Maknanya semua terlibat. Semua kementerian, semua agensi, pihak swasta, NGO dan juga rakyat sekali. Terutamanya diterajui oleh KKM dan juga oleh KPKT. Jadi, apa- yang mempunyai empat teras itu- kita menjaga pembudayaan hidup sihat, pemeraksanaan perkhidmatan kesihatan, pengawalan kesihatan sendiri dan penjagaan kebersihan persekitaran.

Ini saya rasa bersangkutan dengan apa Yang Berhormat cuba tanya tadi, iaitu apa yang kita hendak buat? Ini yang kita hendak buat perancangan 10 tahun yang mana kerajaan telah memberi penekanan dalam RMKe-12 dan juga untuk meningkatkan literasi rakyat di negara kita ini. Jadi pelbagai masalah. Kalau kita cakap fasal persekitaran, kita bercakap juga tentang *climate change* seperti yang disebut tadi, perubahan iklim dunia umpamanya yang disebabkan oleh pelepasan karbon, disebabkan oleh persekitaran yang tidak baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Sekali lagi kita mahu mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan dilantik sebagai Naib Pengerusi Lembaga Eksekutif WHO. Soalan saya ialah, hendak memohon Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kalau merujuk kepada Yang Berhormat Menteri, lebih baik nama penuhnya disebut dan tidak hanya *initial* ataupun tanda huruf.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Oh, minta maaf, Khairy Jamaludin.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, betul.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Memohon Yang Berhormat Timbalan Menteri nyatakan, adakah kementerian mempunyai sebarang cadangan dalam menjadikan Malaysia sebagai satu hab kajian dan pembangunan bagi kesihatan awam terutama di rantau Asia Tenggara? Ini kerana, dengan penglibatan organisasi-organisasi dan kepakaran antarabangsa yang terkemuka ini.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat daripada jawatan atau Naib Pengerusi Lembaga Eksekutif WHO ini, kita diberi peranan yang besar. Malah kita diberi peluang yang lebih. Kalau orang lain minta untuk menjadi hab umpamanya *transfer mRNA* tadi, kita dapat dahulu. Malah untuk mesyuarat yang akan datang, jika ada perbincangan yang memerlukan penglibatan banyak negara- jika Malaysia, kita menamakan negara kita untuk menjadi ahli kita diberi peluang yang lebih. Jadi ini membawa maksud- sebab kita katakan tadi, sains tingkah laku tadi adalah untuk mengatasi masalah kesihatan awam seperti mana Yang Berhormat tanya tadi.

Di negara kita hari ini kita ada beberapa masalah. Masalah penyakit kronik, masalah penyakit-berjangkit, masalah penyakit tidak berjangkit dan masalah mental. Ini masalah-masalah yang melanda negara kita ini dan kaedah- peluang yang diberikan ini, yang telah dibawa dengan cukup baik oleh Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Khairy Jamaludin dan juga Tan Sri Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham. Mereka telah membawa dengan baik di WHA Geneva pada bulan Mei lepas. Persembahan yang terbaik, yang saya kira telah menaikkan nama negara kita hari ini. Saya kira Tuan Yang di-Pertua, kita patut beri pujian kepada mereka yang telah memberikan persembahan yang terbaik hari ini.

Justeru itu, saya rasa kita di Malaysia ini sudah jelas bukan sahaja kita jaga kita, tetapi kita juga jaga dunia ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Datuk Mohan a/l Thangarasu.

8. Datuk Mohan a/l Thangarasu minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, apa solusi atau pampasan yang akan diberikan kepada pembeli Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) yang terbengkalai, manakala pembeli terpaksa menanggung beban bayaran bulanan kepada bank dan apakah punca projek perumahan ini siap lambat daripada tarikh yang dijanjikan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam Keluarga Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan tahniah kepada dua orang Ahli Yang Berhormat Senator yang baharu dilantik sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Perbadanan Malaysia (PR1MA) kini mempunyai 61 buah projek dengan jumlah 49,281 unit yang berada dalam pelbagai peringkat pembinaan seperti berikut: 36 projek iaitu 28,321 unit telah siap dibina, 25 projek iaitu 18,696 unit sedang dalam pembinaan dan 2,296 unit lagi dalam perancangan.

Setakat ini tiada projek PR1MA yang dikategorikan sebagai projek terbengkalai, tiada ya Yang Berhormat Senator. Walau bagaimanapun, sehingga 20 Jun 2022, 22 fasa projek PR1MA telah dikategorikan sebagai projek sakit. Daripada jumlah tersebut, satu projek telah mendapat perakuan siap dan pematuhan CCC, manakala sembilan projek

lagi yang terdiri daripada 5,914 unit dijangka pulih pada tahun 2022 dan selebihnya pada tahun-tahun berikutnya.

Tuan Yang di-Pertua, PR1MA prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh pembeli yang terkesan dengan kelewatan projek-projek PR1MA. Lanjutan itu, PR1MA telah mengambil beberapa langkah proaktif bagi membantu pembeli-pembeli yang terkesan seperti berikut. Pertama, melaksanakan pembiayaan awal sebagai gantian tertentu ataupun LAD kepada pembeli PR1MA yang layak

Kedua, mengadakan sesi perjumpaan dengan wakil pembeli bagi projek-projek yang terkesan melalui HRC yang bertujuan untuk menjelaskan ataupun- HRC, Jawatankuasa Semakan Pembeli-pembeli Perumahan bertujuan untuk menjelaskan perkembangan semasa pembinaan projek. HRC juga bertujuan untuk mewujudkan komunikasi dua hala bagi membolehkan pihak pembeli memberi maklum balas dan pandangan kepada PR1MA

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, antara punca utama projek ini terlewat adalah; Pertama ialah kekangan kewangan oleh pihak kontraktor antaranya kontraktor menghadapi masalah kewangan untuk membiayai kos projek kerana peningkatan harga barang dan pihak kontraktor juga mengalami kesukaran untuk mendapatkan pembiayaan dari bank untuk membiayai kos pembinaan terutama semasa berhadapan dengan COVID-19.

Kedua, impak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kerja-kerja pembinaan terhenti akibat penutupan sementara tapak projek, kekurangan tenaga pekerja dan bahan bina di tapak pembinaan projek serta pengenalan syarat-syarat yang ketat.

Ketiga, masalah syarikat utiliti. PKP juga telah mengakibatkan kekangan bekalan bahan binaan untuk kegunaan syarikat utiliti dan seterusnya menyumbang kepada kelewatan penghantaran bahan-bahan tersebut ke tapak projek. Secara tidak langsung, ia memberikan kesan dan menyebabkan kelewatan kemajuan di tapak selain isu mendapatkan kelulusan CCC. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mohan a/l Thangarasu: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan. Kini kadar kos bahan pembinaan bangunan telah meningkat akibat inflasi. Persoalan saya adalah, siapa akan menanggung kos berlebihan tersebut sama ada pembeli, pemaju atau kerajaan?

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, kita ada perjanjian jual beli terhadap rumah-rumah PR1MA ini. Oleh sebab itulah, kita tahu bahawa kos yang biasanya, lazimnya dihadapi oleh kontraktor sendiri. Namun demikian, kita faham masalah-masalah yang dihadapi oleh kontraktor pembina ini.

Oleh sebab itulah, dalam konteks kerajaan memberikan pertimbangan ataupun prihatin kepada sama ada kontraktor dan pembeli, kita memberikan tempoh pengecualian di bawah [Akta 829] kepada kontraktor. Kita juga memberikan tempoh perubahan tarikh serahan pemilik kosong kepada kontraktor.

Sehingga kini, masih boleh memohon sehingga 12 Januari 2024. Ini antara pendekatan yang kita buat. Kita faham, memang kita tidak akan membebaskan kepada pembeli kerana SAP ataupun perjanjian jual beli dengan pembeli telah pun kita tetapkan.

■1130

Berbagai-bagai pendekatan lain yang kita berikan kepada bukan sahaja pembeli sebagai rakyat yang perlu kita berikan perumahan kepada mereka, tetapi juga kepada syarikat-syarikat perumahan yang melaksanakan projek-projek perumahan. Jadi, *win-win situation* kita laksanakan, oleh kerajaan dalam menangani isu masalah kenaikan harga barang, harga rumah dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali: Saya ingin bertanya, saya difahamkan projek perumahan PR1MA telah meletakkan kontraktor mendapat dia punya kos untuk membina itu berdasarkan jualan.

Namun, rata-rata mengatakan sukar untuk pembeli mendapatkan pinjaman daripada pihak perbankan, dari bank-bank kerana kuota yang diletakkan oleh bank adalah *limited*. Jadi soalan saya, apakah tindakan daripada peringkat PR1MA ataupun Kementerian untuk mengatasi masalah tersebut?

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Hj. Abd Muttalib: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator, sebenarnya baru-baru ini kita telah melancarkan program HOPE iaitu kempen pembelian rumah kepada masyarakat di negara kita dengan harapan bahawa, "Satu Keluarga Satu Rumah". Kempen ini telah memberikan berbagai-bagai pendekatan kepada pembeli dan juga kemudahan kepada kontraktor.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat bahawa kita tidak hendak membebankan pembeli-pembeli ini dalam membeli rumah-rumah ini. Oleh sebab itulah kita ada program-program i-Biaya, umpamanya. Mungkin Yang Berhormat perasan, bererti yang kita sudah lancarkan baru-baru ini. Jadi, mungkin kalau Yang Berhormat perlukan, saya per-*detail*-kan sedikit nanti kemudian. Mungkin saya jawab secara bertulis bagaimana program-program ini kita lakukan. Di mana kita menyediakan beberapa pendekatan yang boleh diberikan kepada pembeli-pembeli untuk mereka membeli rumah dengan melalui program-program i-Biaya ini.

Jadi, saya tidak ada maklumat *detail* Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator. *Insyah-Allah*, saya berikan kepada Yang Berhormat maklumat terperinci tentang apakah program-program bagi kita meringankan beban bukan sahaja kepada pembeli untuk memastikan mereka boleh membeli rumah dalam keadaan sekarang ini, yang kita hendak pastikan di mana 500 ribu buah rumah dalam Rancangan Malaysia Ke-12 ini, kita hendak pastikan akan kita agihkan ataupun kita tawarkan kepada masyarakat ataupun keluarga di negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah.

Dato' Arman Azha Abu Hanifah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Hari ini Dewan Negara,
Zoo Negara menaruh harapan;
Saya berdiri ingin bertanya,
Soalan sembilan mohon jawapan.*

Tuan Yang di-Pertua: Orang yang hendak jawab itu dekat sahaja, belakang.

9. Dato' Arman Azha Abu Hanifah minta Menteri Tenaga dan Sumber Asli menyatakan, bentuk intervensi yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk membantu Zoo Negara terutama daripada segi pembangunan fasiliti, perlindungan serta penyelidikan saintifik dan juga sumber makanan berkhasiat untuk haiwan-haiwan di sana dalam memastikan Zoo Negara terus kekal mampan berdepan dengan apa jua cabaran dan ketidaktentuan ekonomi.

Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli [Datuk Ali anak Biju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Zoo Negara dimiliki oleh *Malaysian Zoological Society* (MZS) yang merupakan sebuah badan bukan kerajaan (NGO). Zoo Negara diberi permit mengendalikan zoo secara tahunan oleh Jabatan PERHILITAN.

Kerajaan amat memahami bahawa kebanyakan Zoo dan Pameran Tetap (ZPT) telah terjejas akibat ketidaktentuan ekonomi.

Dalam usaha menangani isu ini, kerajaan melalui KeTSA telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membantu ZPT termasuk Zoo Negara menerusi kelangsungan operasi.

Antara bantuan yang telah diberikan kepada Zoo Negara adalah seperti berikut:

- (i) peruntukan berjumlah RM50.3 juta sejak Rancangan Malaysia Ketujuh bagi pembangunan infrastruktur;
- (ii) peruntukan di bawah Dana Prihatin Kebajikan Hidupan Liar berjumlah RM4.25 juta bagi tahun 2020 hingga 2021 dan RM359,447 bagi tahun 2022 bagi menampung kos operasi termasuk keperluan bekalan makanan hidupan liar, pengurusan, penjagaan dan ubat-ubatan;
- (iii) pemberian diskaun 15 peratus bil elektrik selama enam bulan kepada ZPT di Semenanjung Malaysia di bawah Pakej Rancangan Ekonomi serta pemberian diskaun 10 peratus bil elektrik di bawah pakej bantuan PERMAI, PEMERKASA, PEMERKASA+ dan PEMULIH bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2021;
- (iv) pengagihan daging dan ikan sejuk beku yang disita oleh agensi kerajaan dengan anggaran berat sejumlah 170 tan yang bernilai RM3.44 juta kepada ZPT termasuk Zoo Negara; dan
- (v) penyediaan bantuan teknikal dalam pengurusan penjagaan seperti khidmat nasihat dan bantuan kepakaran kakitangan serta pegawai veterinar Jabatan PERHILITAN dalam aktiviti pemindahan hidupan liar dan pemantauan tahap kesihatan.

Selain itu, usaha telah diambil untuk membangunkan model baharu ZPT dan mengkaji semula peraturan-peraturan berkaitan pengendalian ZPT di bawah Akta Pemeliharaan Hidupan Liar 2010 [*Akta 716*] melalui sesi konsultasi dengan ZPT, dan *Malaysian Association of Zoological Parks and Aquaria* (MAZPA). Inisiatif jangka panjang ini bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan ZPT kepada kerajaan, mengukuhkan operasi ZPT supaya lebih berdaya maju serta memastikan kebajikan hidupan liar sentiasa terpelihara. Sekian, terima kasih.

Dato' Arman Azha Abu Hanifah: Soalan tambahan. Terima kasih Timbalan Menteri. Saya hendak tanya, banyak agensi kerajaan dan GLC, kenapa hari ini kita lihat kerajaan dilihat sukar melibatkan agensi-agensi kerajaan dan juga GLC bagi membantu Zoo Negara ini, sedangkan Zoo Negara ini merupakan satu entiti yang penting untuk membawa imej negara kita? Jadi, apa corak dan bantuan daripada mereka ini bagi memastikan penyelidikan, fasiliti dan sokongan lain dirasai oleh Zoo Negara, khususnya untuk terus membawa imej negara dalam isu ini? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Ali anak Biju: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman, Zoo Negara diuruskan oleh *Malaysian Zoological Society*. Namun, menyedari Zoo Negara merupakan antara tarikan pelancongan yang membawa imej negara, kerajaan telah mula membantu seawal tahun 1996 sehingga kini, dengan menyalurkan dana sejumlah RM50.3 juta bagi menaik taraf fasiliti hidupan liar, fasiliti pengunjung termasuklah kerja-kerja penyelenggaraan kawasan supaya terus berdaya saing. Di samping itu, sebanyak RM4.6 juta bantuan kewangan telah disalurkan sepanjang tempoh PKP bagi skop perbelanjaan makanan dan ubatan.

Zoo Negara turut menerima sumbangan daripada pelbagai pihak seperti syarikat-syarikat dan organisasi swasta, GLC serta orang awam bagi membolehkan zoo diuruskan dengan baik dan kebajikan hidupan liar sentiasa terjaga. Sebanyak RM14.3 juta telah

berjaya dikutip bermula Mac 2020 hingga September 2021. Juga, agensi kerajaan telah memberi 72 tan daging dan ikan sejuk yang dianggarkan bernilai RM1.4 juta.

Bilangan pelawat Zoo Negara dari Januari hingga Jun, berjumlah lebih 156,000 orang pelancong. Manakala jumlah kutipan tiket bagi tempoh yang sama ialah RM4.33 juta.

Dengan jumlah kehadiran pelawat dan jumlah kutipan tiket ke Zoo Negara, menunjukkan Zoo Negara boleh terus menampung perbelanjaan pengurusan hidupan liar di zoo.

Walau bagaimanapun, kerajaan amat mengalu-alukan mana-mana agensi kerajaan atau syarikat GLC untuk terus bekerjasama dengan zoo atau mana-mana ZPT di seluruh Malaysia dalam apa-apa bidang terutamanya bidang pengurusan hidupan liar, penyelidikan atau pembangunan kapasiti modal insan. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Ahmad bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang yang diberi. Soalan tambahan saya ialah apakah inisiatif yang diambil untuk meningkatkan jumlah pelawat. Ini kerana jumlah pelawat juga memberi kesan kepada kutipan hasil.

Datuk Ali anak Biju: Terima kasih Yang Berhormat. Langkah yang diambil kerajaan untuk menambahkan jumlah pelawat kepada zoo-zoo adalah seperti menyarankan setiap zoo untuk mengaplikasikan platform teknologi digital dalam mempromosi dan memasarkan setiap aktiviti yang dijalankan.

Kedua, memberi pinjaman hidupan liar kepada zoo-zoo daripada stok berlebihan yang terdapat di Jabatan PERHILITAN.

Ketiga, kita bekerjasama dengan MAZPA di dalam memberi khidmat nasihat teknikal berkaitan kesesuaian *exhibit*- penjagaan hidupan liar, termasuk kepentingan landskap serta memberikan latihan pengurusan hidupan liar- kepada operator-operator zoo.

■1140

Namun begitu, zoo tersebut memang dialu-alukanlah untuk mempopularkan zoo mereka melalui aplikasi platform teknologi digital seperti yang saya sudah sebutkan tadi. Terima kasih.

10. Datuk Haji Bashir bin Haji Alias minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apa perkembangan terkini cadangan pembinaan projek Pelabuhan Bersepadu Labuan yang dirancang di kawasan Ranca-Ranca.

Menteri Pengangkutan [Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua yang budiman, arif lagi bijaksana.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan Pelabuhan baharu Bersepadu Labuan adalah bagi menangani kesesakan lalu lintas di laluan keluar dan masuk serta bagi menampung operasi penyimpanan kargo yang terhad di Pelabuhan Labuan. Dijangkakan dengan wujudnya pelabuhan baharu ini, peningkatan kargo di Labuan dapat ditingkatkan sehingga 200,000 TEU serta jumlah singgahan kapal mencapai 3,000 singgahan dalam tempoh 30 tahun.

Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan (MOT) telah menerima cadangan, atau dalam bahasa Inggerisnya *request for proposal* daripada pihak Lembaga Pelabuhan Labuan (LPL) berkenaan pembinaan Pelabuhan baharu Bersepadu Labuan di bawah Ranca-Ranca di Wilayah Persekutuan Labuan. Dalam hal ini, MOT telah pun meneliti dan memperhalusi cadangan daripada pihak LPL serta tiada halangan berkenaan dengan cadangan tersebut.

Turut dimaklumkan juga bahawa LPL telah mendapatkan kelulusan daripada Jawatankuasa Pembangunan dan Pelaburan LPL untuk membangunkan pelan induk

Pelabuhan Labuan serta sedang dalam tindakan LPL. LPL juga dalam proses untuk mempertingkatkan kecekapan pelabuhan, menggubal undang-undang kecil pelabuhan dan memperkemaskan prosedur pelabuhan bagi memastikan Pelabuhan Labuan sedia kekal berdaya saing.

Dalam pada itu, Kementerian Pengangkutan turut berpandangan bahawa kerjasama antara agensi-agensi kerajaan termasuk Perbadanan Labuan perlu diwujudkan supaya pembangunan pelabuhan dapat dilaksanakan selaras dengan perancangan pembangunan bandar dan industri di Wilayah Persekutuan Labuan. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Bashir bin Haji Alias: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah faktor yang mengakibatkan berlakunya kelewatan di dalam melaksanakan cadangan Pelabuhan Bersepadu Labuan memandangkan ia telah diumumkan pada tahun 2012? Berapakah jumlah anggaran kos pembinaan Pelabuhan Bersepadu tersebut?

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya telah dilantik sebagai Menteri Pengangkutan dan sejak hari itu, saya melihat bagaimana, melalui Lembaga Pelabuhan Labuan, kita boleh majukan Labuan. Kita sedar bahawa pada satu ketika ini, kita hendak jadikan ia sebagai sebuah institusi ataupun satu hab institusi kewangan yang terkemuka di rantau ini. Akan tetapi, disebabkan ada beberapa kekangan, maka ia tidak dapat dikembangkan seperti mana yang kita harap-harapkan.

Begitu juga pelabuhan. Dalam konteks pelabuhan, saya melihat mula-mula ia adalah kecil, dan saya sendiri melawat dermaga. Saya melihat daripada segi asas yang telah dibina di kawasan-kawasan pelabuhan ini, banyak perkara yang perlu kita lakukan. Oleh sebab itu, baru-baru ini kita dah luluskan satu cadangan untuk kita mengadakan satu kajian selama setahun dan kita hendak mulakan tahun depan di mana kita akan lihat bagaimana kita hendak melaksanakan. Dulu kita umumkan hendak bangunkan tetapi kita perlu ada perincian daripada segi itu. Oleh sebab itulah saya kata Lembaga Pelabuhan Labuan telah memberi kelulusan untuk kita mulakan.

Daripada segi kosnya berapa yang terlibat, sama-sama kita tunggu kajian ini. Kita akan rencanakan. Kalau hendak mencapai 200,000 TEU, jumlah fasa yang perlu kita lakukan. Jadi dalam keadaan ini, kita kena lihat secara terperinci komponen apa yang boleh kita buat. Terima kasih.

11. Dato' Haji Ahmad bin Yahaya minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan, strategi jangka panjang dalam memastikan tahap sara diri (SSL) berada pada tahap 100 peratus berikutan unjuran krisis bekalan makanan di peringkat global.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I [Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah mengenal pasti beberapa intervensi bagi menjamin sekuriti makanan negara pada jangka masa panjang dengan membangunkan dasar, pelan tindakan serta inisiatif seperti Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0), Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dari tahun 2021 hingga 2025 dan juga Pelan Tindakan Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (Pelan Tindakan DSMN) 2021-2025.

Antara tindakan yang diambil bagi menjamin sekuriti makanan negara adalah, yang pertamanya, pelaksanaan program SMART Sawah Berskala Besar yang menyasarkan peningkatan purata hasil padi per hektar daripada 3.5 tan metrik kepada 7.0 tan metrik dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 melalui pelbagai kaedah pelaksanaan seperti pertanian kontrak, sewaan dan sebagainya.

Keduanya, untuk menubuhkan Lembaga Ruminan Negara untuk meningkatkan kemapanan dan pertumbuhan industri ternakan serta hasil ruminan seperti daging dan juga tenusu yang dijangka akan beroperasi secara berfasa bermula pada tahun ini.

Seterusnya ketiga, untuk menyokong pemodenan dan pertanian pintar melalui kemudahan pembiayaan di bawah Program Modenisasi Rantaian Nilai Agromakanan yang berjumlah RM60 juta dan Program Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan sebanyak RM150 juta yang menawarkan dana pembiayaan untuk perolehan vesel moden dan peralatan yang berasaskan IR4.0 yang secara tidak langsung akan mengurangkan kebergantungan kita kepada tenaga kerja asing.

Keempat, untuk menggalakkan penyertaan golongan belia dalam bidang pertanian dan agromakanan melalui Program Agropreneur Muda dengan peruntukan bagi Rancangan Malaysia Ke-12 sebanyak RM100 juta iaitu sebanyak RM20 juta setahun dan Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan sebanyak RM106 juta untuk menaiktarafkan pusat bertauliah atau Institut Latihan Pertanian bagi tujuan pembelajaran.

Kelima, untuk mengkaji mekanisasi bagi mengurangkan kos minyak sawit mentah kepada syarikat pengilangan makanan ternakan sebagai inisiatif untuk mengurangkan kos makanan ternakan.

Keenam, memberi galakan insentif cukai bersasar kepada 1,000 buah syarikat yang terlibat dalam aktiviti pertanian dengan melanjutkan pelepasan cukai dari 10 tahun kepada 15 tahun.

Ketujuh, untuk menggalakkan pertanian bandar melalui Program Kebuniti 3.0.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan berpandangan bahawa pelaksanaan pelan tindakan ini dapat memberikan impak yang positif kepada sektor agromakanan negara dalam usaha kita untuk meningkatkan pengeluaran makanan serta tahap sara diri bagi menjamin sekuriti makanan negara terutamanya dalam aspek ketersediaan makanan.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip: Tuan Yang di-Pertua, boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Cuma, saya hendak tanya sedikit mengenai ayam ini. Kita tahu ayam ialah sumber protein yang penting dalam negara. Jadi, apakah rancangan kementerian dalam memastikan untuk *stockpile* ayam ini mencukupi supaya kita tidak menghadapi krisis bekalan ayam seperti yang sedang kita alami sekarang? Apakah rancangan jangka panjang kementerian? Mohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Satu soalan yang paling cukup terbaik yang telah menjadi isu penting pada ketika ini.

Sebenarnya suatu ketika dahulu semasa menghadapi COVID, kita menghadapi satu masalah. Selepas sahaja kita lepas daripada PKP, kita juga sedang menghadapi masalah tetapi bekalan ayam masih mencukupi pada ketika tersebut. Akan tetapi, apabila kita buka sahaja PKP, sektor ekonomi mula terbuka. Pada ketika tersebut, permintaan tiba-tiba meningkat. Hotel buka, kedai buka, orang kahwin dan juga semua sektor ekonomi terbuka. Pada ketika tersebutlah kita dapati keperluan ayam begitu mendadak sekali.

Alhamdulillah, walaupun kita dapat membekalkan ayam dengan mencukupi tetapi apabila permintaan terlalu tinggi satu ketika pada bulan Mei apabila kita menghadapi hari perayaan pada ketika tersebutlah, ayam mula berkurangan.

Apabila ayam berkurangan kerana untuk membekalkan ayam mengambil masa. Bukan sahaja untuk meningkatkan pembelaan dan juga untuk makanan, harga makanan yang semakin tinggi. Maka, penternak-penternak menghadapi kesukaran.

Jadi, kerajaan telah mengambil satu tindakan intervensi. Pertama, apabila kita mengetahui tentang masalah yang dihadapi oleh penternak-penternak dengan kenaikan harga makanan ternakan yang meningkat maka kita telah memberikan subsidi kepada mereka.

Kedua, untuk memastikan supaya *stockpile* kita sentiasa mencukupi pihak Lembaga Pertubuhan Peladang sedang mengambil satu tindakan dengan membeli ayam dan menyimpannya sebagai satu *stockpile*. Pada ketika ini, matlamat kita mahu melihat supaya kita dapat *stockpile* sebanyak 4,500 metrik tan tetapi kita hanya berkeupayaan menyimpan sebanyak 100 metrik tan sahaja pada ketika ini.

Ini kerana kita mendapati ayam pula bekalannya berlebih-lebihan. Jadi bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, walaupun satu ketika dahulu kita berkeupayaan untuk mengeksport ayam keluar negara tetapi kerajaan telah mengambil tindakan untuk memberhentikan eksport ini. Kita hanya membenarkan satu eksport yang kecil sahaja ke Singapura hanya untuk ayam berkala iaitu ayam kampung. Itu sahaja, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Mohd Radzi.

12. Tan Sri Dato' Seri Mohd Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, adakah kementerian sedar terdapat banyak pusat penjagaan kanak-kanak yang tidak berlesen dan juga berlesen yang tidak mempunyai sistem pengawalan penjagaan dan kakitangan yang berkeelayakan. Bolehkah kementerian menyatakan, berapa banyak pusat jagaan yang tidak berlesen dan yang berlesen. Bagi yang tidak berlesen apakah tindakan yang boleh diambil oleh kementerian.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff]: Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Tan Sri Dato' Seri Mohd Radzi atas soalan yang dikemukakan.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa komited dan memberi perhatian terhadap aspek kebajikan dan keperluan kanak-kanak di semua Pusat Jagaan dan Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA).

Penjagaan kanak-kanak di pusat jagaan dan TASKA tertakluk kepada Akta Pusat Jagaan 1993 dan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984. Bagi memastikan penjagaan yang berkualiti dan kakitangan yang berkeelayakan diambil bekerja di pusat jagaan berdaftar, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat mengenakan syarat-syarat di bawah seksyen 7, Akta Pusat Jagaan seperti berikut:

- (i) seksyen 7(b) untuk memastikan bahawa mana-mana orang yang diambil bekerja di pusat jagaan itu, sama ada dalam pengurusannya atau selainnya, orang yang layak dan sesuai, sama ada tentang umur atau selainnya, untuk mengambil bekerja di pusat jagaan itu;
- (ii) seksyen 7(c), untuk memastikan bahawa pusat jagaan itu akan dilengkapi secukupnya daripada segi kakitangan dan

secukupnya bilangan orang yang sesuai dan mempunyai kelayakan dan pengalaman yang sesuai.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui JKM telah melaksanakan penguatkuasaan pemutihan ke atas pengoperasian pusat jagaan. Hasil daripada tindakan tersebut didapati 677 buah pusat jagaan kanak-kanak dan 1,329 buah TASKA adalah tidak berdaftar.

Sejak tahun 2020 hingga kini, sebanyak 274 tindakan penguatkuasaan telah diambil di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 ke atas pusat jagaan yang melanggar peruntukan akta dan peraturan yang berkaitan. Dengan itu, setakat ini kita telah mengeluarkan 39 arahan bertulis, 12 buah pusat jagaan telah di lak, sembilan lagi pusat jagaan di kompaun, tiga buah pusat jagaan telah ditutup, 210 buah pusat jagaan dibatalkan pendaftaran dan sebuah pusat jagaan didakwa.

Bagi TASKA pula terdapat, tiga tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil ke atas TASKA yang tidak berdaftar iaitu lak atau disita di bawah seksyen 20A, kompaun di bawah seksyen 21A dan menjalankan pendakwaan di mahkamah di bawah seksyen 21. Tahun 2020 hingga Mei 2022, 13 buah TASKA tidak berdaftar telah diambil tindakan dengan jumlah kompaun berjumlah RM38,100.

Walau bagaimanapun, sehingga kini JKM telah mendaftar sebanyak 1,227 buah pusat jagaan kanak-kanak dan 2,964 buah TASKA di bawah peruntukan kedua-dua akta tersebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat soalan tambahan.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Soalan tambahan saya, adakah kerajaan berhasrat untuk membuka ruang kepada Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk turut sama menguruskan pusat penjagaan kanak-kanak di negara kita ini? Sekian.

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Terima kasih, Yang Berhormat atas soalan yang dikemukakan. Di bawah peruntukan undang-undang yang kita ada memang kita membuka ruang kepada NGO untuk bekerjasama dengan syarat kita mematuhi standard minimum yang telah ditentukan oleh JKM iaitu:

- (i) mestilah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS);
- (ii) mendapat sokongan daripada tiga buah agensi teknikal iaitu pihak berkuasa tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kesihatan dan Jabatan Tanah dan Survei Sarawak;
- (iii) mematuhi nisbah pengasuh dengan kanak-kanak;
- (iv) mestilah pengusaha dan pengurus penyelia mempunyai sijil asas asuhan kanak-kanak;
- (v) mematuhi ruang lantai sesuai iaitu 2.5 meter persegi bagi kanak-kanak di TASKA dan 3.5 meter bagi kanak-kanak di institusi;
- (vi) mempamerkan menu makanan dan peralatan yang selamat;
- (vii) menyediakan rekod-rekod; dan
- (viii) menjaga kebersihan serta syarat-syarat yang dikehendaki oleh JKM.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya jemput Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

13. Datuk Razali bin Idris minta Menteri Kewangan menyatakan, langkah untuk menyelamatkan ahli pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang mempunyai simpanan kurang daripada RM10 ribu, dan 55 peratus daripadanya merupakan golongan bumiputera, malah lebih membimbangkan, 79 peratus daripada ahli KWSP mempunyai simpanan kurang RM1,000 juga adalah dalam kalangan bumiputera.

Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris atas persoalan berkaitan KWSP.

Seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, tahap simpanan ahli KWSP adalah rendah dan sangat membimbangkan terutamanya setelah pelaksanaan empat fasiliti pengeluaran berkaitan COVID-19 iaitu i-Lestari, i-Sinar, i-Citra dan pengeluaran khas dan pengeluaran kadar caruman berkanun syer pekerja bagi tempoh 27 bulan, bermula April 2020 sehingga Jun 2022.

Secara keseluruhannya, Yang Berhormat Senator, impak program-program berkaitan COVID-19 di ke atas simpanan ahli dianggarkan sebanyak RM155 bilion iaitu terdiri daripada RM140 bilion amaun yang dikeluarkan oleh ahli di bawah keempat-empat program pengeluaran dan hampir RM10 bilion impak daripada program pengurangan kadar caruman berkanun syer pekerja.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat 30 Jun 2022, seramai 6.62 juta orang ahli atau 52 peratus daripada 12.78 juta keseluruhan ahli KWSP berumur di bawah 55 tahun mempunyai simpanan kurang daripada RM10 ribu. Daripada jumlah tersebut, 4.99 juta orang ahli atau 75 peratus merupakan bumiputera.

Pada masa yang sama, terdapat seramai 3.2 juta orang ahli berumur di bawah 55 tahun yang berada pada tahap simpanan amat kritikal iaitu kurang daripada RM1,000 di mana 2.58 juta orang ahli atau 81 peratus daripada mereka ahli bumiputera.

Sebagai perbandingan relatif, jumlah ahli bumiputera iaitu seramai 8.2 juta orang merupakan 64 peratus daripada 12.78 juta secara keseluruhan ahli KWSP yang berumur di bawah 55 tahun. Ini menunjukkan kebanyakan ahli bumiputera adalah tertumpu dalam kalangan ahli yang mempunyai tahap simpanan KWSP yang rendah berbanding kaum-kaum lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk membantu ahli menambah dan membina kembali simpanan persaraan mereka. KWSP menyediakan pelbagai saluran untuk memudahkan ahli mencarum ke dalam KWSP. Bagi ahli yang bekerja dan mempunyai majikan mereka boleh memilih untuk mencarum melebihi kadar caruman berkanun syer pekerja iaitu 11 peratus pada bila-bila masa. Selain itu, mereka juga boleh mencarum sendiri pada bila-bila masa tertakluk kepada amaun maksimum RM60 ribu setahun.

Bagi ahli yang bekerja tiada pendapatan tetap atau di luar tenaga buruh seperti pelajar dan suri rumah yang berumur di bawah 60 tahun turut boleh memilih untuk mencarum secara sukarela pada bila-bila masa mengikut kemampuan di bawah Program i-Saraan sehingga RM60 ribu setahun.

Sebagai inisiatif untuk menggalakkan golongan ini menyimpan di bawah i-Saraan, kerajaan memberi sumbangan sebanyak 15 peratus daripada jumlah caruman atau sehingga RM250. Bagi ketua isi rumah atau isteri kepada ketua isi rumah yang berumur di bawah 55 tahun dan berdaftar di bawah pangkalan data eKasih mereka turut boleh mencarum secara sukarela di bawah Program Kasih Suri Keluarga Malaysia yang sebelum ini dikenali sebagai Program i-Suri yang diperkenalkan bagi menggalakkan wanita daripada isi rumah berpendapatan rendah untuk menyimpan demi hari tua mereka.

■1200

Di bawah program ini, ahli yang mencarum sekurang-kurangnya RM5 sebulan atau RM60 setahun adalah layak untuk menerima inisiatif daripada kerajaan sebanyak RM40 sebulan atau RM480 sebulan ke dalam akaun KWSP mereka. KWSP juga menitik

berat kepentingan ke atas kesedaran dan pengetahuan mengenai perancangan kewangan dan persaraan dalam mengimbangkan keperluan kewangan untuk hari ini dan kepentingan persaraan pada masa hadapan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memang Tuan Yang di-Pertua kemudahan yang bersifat luar biasa seperti i-Lestari, i-Sinar dan i-Citra berikutan COVID-19. Akan tetapi walau bagaimanapun, ada sedikit kelegaan di situ. Di penghujung hayat mereka menjadikan lebih rentan dan juga tiada perlindungan sebab kebiasaannya mereka sudah tua, 75 ke atas.

Jadi soalan saya, bagaimanakah kedudukan aliran tunai KWSP bagi menampung pengeluaran sebanyak RM145 bilion?

Kedua, adakah kerajaan akan melaksanakan KWSP 2.0, dan yang ketiga, adakah KWSP ada membuat sebarang penjualan aset? Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan. Terima kasih.

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah: Terima kasih Ahli Yang Berhormat atas persoalan tiga perkara tadi. Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk memberi sedikit penjelasan. Apabila kita sudah tidak ada PKP dan ramai pekerja sudah kembali bekerja dan menjana pendapatan, kalau kita lihat Disember 2021 ada peningkatan sebanyak 4 peratus bilangan majikan aktif mencarum dan juga 4 peratus bilangan ahli aktif mencarum berbanding Disember 2021 ke Jun 2022.

Akan tetapi Ahli Yang Berhormat ada bangkitkan tiga perkara yang signifikan yang pertamanya bagaimana aliran tunai pelaburan KWSP.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat strategi pelaburan jangka panjang KWSP menggunakan pelaburan yang berdisiplin dan pengurusan kecairan berpandukan dan berasaskan kepada Alokasi Aset Strategik (SAA). Keduanya kita akan terus memastikan objektif pelaburan KWSP untuk melindungi dan menambah nilai simpanan ahli dapat dicapai terutamanya dalam waktu mencabar.

Ketiganya seperti mana Yang Berhormat sebutkan tadi, adakah kita menjual aset. Untuk makluman Yang Berhormat pencairan aset yang dilaksanakan adalah kekal berlandaskan aktiviti transaksi jual beli dan kematangan instrumen pelaburan KWSP serta aliran kemasukan caruman baharu tanpa sebarang pencairan spesifik untuk menampung pengeluaran-pengeluaran tersebut. Maknanya Yang Berhormat RM145 bilion tadi kita tidak cairkan aset semata-mata untuk menampung, kita menggunakan strategi-strategi yang telah saya sebutkan tadi.

Aktiviti pengimbangan semula portfolio pelaburan berpandukan kepada SAA bertujuan untuk menjana pendapatan nyata dan boleh agih bagi pembayaran dividen kepada ahli. Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan akan melaksanakan KWSP 2.0 atau tidak, Yang Berhormat semua input-input berkaitan bagaimana untuk kita perhebat dan dipertingkatkan nilai simpanan KWSP sudah pasti KWSP 2.0 juga antara salah satu yang sedang kerajaan pertimbangkan kerana banyak lagi strategi-strategi yang lain yang mungkin kita boleh gunakan untuk kita memastikan KWSP ini menjadi insurans kepada mereka-mereka yang bekerja.

Yang paling pentingnya Yang Berhormat, kerajaan sekarang ini sedang menangani bagaimana peluang pekerjaan di pasaran, kadar gaji yang minimum diberikan kepada majikan dan yang paling pentingnya kita hendak membantu bukan sahaja sektor yang formal, sektor tidak formal juga yang kita sedang melihat perkara ini. Supaya kadar kesedaran perancangan persaraan dan celik kewangan rakyat Malaysia ini dapat kita optimumkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah, Timbalan Menteri Kewangan atas jawapan yang telah diberikan. Maka dengan itu berakhirlah hari ini pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan.

[Masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

USUL DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 6(1)

12.05 tgh.

Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli [Datuk Ali anak Biju]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 6(1), dan dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 6(3) saya mohon mencadangkan agar Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol dan Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris mempengerusikan Majlis Mesyuarat Dewan Negara semasa ketidakhadiran Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua pada sesi ini dan bagi melancarkan perjalanan persidangan yang perlu ditempoahkan sehingga selesai *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa menyokong?

Timbalan Menteri Kesihatan I [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah Usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERHUTANAN NEGARA (PINDAAN) 2022

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.06 tgh.

Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli [Datuk Ali anak Biju]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perhutanan Negara 1984, dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, seiring dengan komitmen negara untuk terus memelihara khazanah negara, pindaan ke atas Akta Perhutanan Negara 1984, Akta 313 pada kali ini perlu dilaksanakan bagi memastikan kerangka perundangan perhutanan negara bergerak seiring dengan perkembangan semasa.

Saya akan menerangkan rang undang-undang ini dengan lebih terperinci secara amnya Rang Undang-undang Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 digubal bagi mencapai lima objektif utama seperti berikut:

- (i) mengawal proses pewartaan keluar dan penggantian Hutan Simpanan Kekal (HSK);
- (ii) memantapkan penguatkuasaan hutan bagi membanteras kegiatan pengambilan hasil hutan tanpa kebenaran;

- (iii) meningkatkan kadar denda dan hukuman serta penalti tambahan bagi membendung kesalahan hutan yang merosakkan alam sekitar;
- (iv) mengatasi isu kekaburan dan kuasa yang tidak jelas; dan
- (v) menambah baik jadual yang terdapat dalam akta bagi memantapkan lagi pengurusan dan penguatkuasaan perhutanan.

Peruntukan dan undang-undang perhutanan negara pindaan 2022, secara keseluruhannya pindaan yang terlibat terdiri daripada 62 fasal yang merangkumi lapan daripada 10 bahagian dalam Akta 313 iaitu Bahagian I, II, III, IV, V, VII, VIII dan IX seperti berikut.

Pindaan Bahagian I, permulaan. Pindaan di bahagian ini melibatkan dua fasal yang mengandungi "*Tajuk Ringkas*", dan peruntukan-peruntukan yang tentang permulaan kuat kuasa akta dan bertujuan meminda seksyen 2 atau 313 bagi memasukkan tafsiran baharu dan meminda tafsiran sedia ada.

Pindaan Bahagian II, pentadbiran. Pindaan di bahagian ini melibatkan tiga fasal antara lain bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 3A dalam Akta 313 bagi memperuntukkan bahawa pihak berkuasa negeri boleh memberi kuasa secara bertulis kepada mana-mana Pegawai Jabatan Perhutanan Persekutuan untuk menjalankan tugas, menjalankan kuasa di bawah Bahagian VIII, Akta 313 berhubung penguatkuasaan.

Meminda seksyen 4, dan seksyen 5(1), Akta 313 masing-masing bagi memberi kuasa kepada pengarah untuk menyediakan dan melaksanakan program yang berhubung dengan HSK yang dikelaskan di bawah subseksyen 10(1), Akta 313 dan menurunkan kuasa dan perjalanan tugas di bawah Akta 313 kepada mana-mana Pegawai Hutan.

■1210

Pindaan Bahagian Ketiga- Hutan Simpanan Kekal (HSK). Pindaan di bahagian ini melibatkan tiga fasal antara lain bertujuan untuk meminda seksyen 10, Akta 313 dengan memasukkan Hutan Taman Negeri sebagai pengelasan baharu HSK.

Meminda seksyen 11, Akta 313 bagi mengehendaki pihak berkuasa negeri menjalankan siasatan awam sebelum mengeluarkan mana-mana kawasan tanah daripada HSK.

Meminda seksyen 12, Akta 313 yang mengehendaki pihak berkuasa negeri mengenal pasti mana-mana bahagian tanah yang sama atau lebih besar daripada kawasan tanah yang akan dikeluarkan bagi menggantikan kawasan tanah sebagai HSK sebelum pihak berkuasa negeri mengeluarkan mana-mana kawasan tanah daripada HSK dan warta pemberitahuan pengeluaran kawasan HSK tersebut hendaklah disiarkan secara serentak dengan warta pemberitahuan penggantian kawasan ganti HSK.

Pindaan bahagian empat- Pengurusan dan Pembangunan Hutan. Pindaan di bahagian ini melibatkan 15 fasal antara lain bertujuan untuk meminda seksyen 15, Akta 313 bagi membezakan kesalahan mengambil hutan tanpa kebenaran kepada dua kategori iaitu hasil utama hutan dan hasil kecil hutan serta menaikkan kadar hukuman ke atas kesalahan di bawah seksyen itu.

Melalui pindaan ini, mana-mana orang yang disabitkan melalui kesalahan melibatkan hasil utama hutan bernilai kurang daripada lima meter padu boleh didenda tidak melebihi RM10 ribu atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Manakala kesalahan melibatkan hasil utama hutan bernilai lebih daripada lima meter padu boleh dipenjarakan di antara lima tahun hingga 20 tahun dan didenda antara RM100 ribu sehingga RM5 juta.

Selain itu fasal ini juga turut memasukkan kesalahan berkenaan dengan pengambilan suatu tumbuhan daratan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga kepada Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686] yang

membawa hukuman denda tidak melebihi RM100 ribu, atau penjara tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

Memasukkan seksyen baharu 19(a) dengan memberi pengarah kuasa bagi mengeluarkan atau membaharui mana-mana lesen atas arahan pihak berkuasa negeri. Meminda subseksyen 21(1), Akta 313 untuk mengenakan satu tempoh maksimum bagi lesen yang dikeluarkan di bawah Akta 313 iaitu tidak melebihi 12 bulan.

Meminda subseksyen 25(2), Akta 313 dengan menaikkan penalti bagi kesalahan gagal untuk memberhentikan kerja di kawasan lesen sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 25(1), Akta 313 kepada denda tidak melebihi RM100 ribu atau penjara tidak melebihi tujuh tahun, atau kedua-duanya sekali.

Memasukkan seksyen baharu 29(a) ke dalam Akta 313 yang menghendaki pemohon bagi satu- lesen kecil untuk menyediakan pelan kawasan kecil lesen kepada pengarah.

Memasukkan seksyen baharu 31(a) ke dalam Akta 313 berhubungan dengan tatacara pemberhentian kerja, penggantungan dan pembatalan lesen kecil yang menggunakan kuasa sedia ada pengarah di bawah seksyen 25, 26 dan 27.

Meminda seksyen 32, Akta 313 bagi menaikkan hukuman ke atas kesalahan menduduki atau menjalankan aktiviti dalam HSK tanpa permit penggunaan.

Meminda seksyen 40, Akta 313 bagi membezakan hukuman bagi kesalahan memindahkan hasil utama hutan dan hasil kecil hutan tanpa lesen pemindah di mana bagi kesalahan berhubungan dengan hasil utama hutan, hukuman yang ditetapkan adalah berbeza mengikut isi padu.

Meminda seksyen 43, Akta 313 dengan memasukkan perenggan mengenai prosedur pembaharuan, membaharui lesen pemindah.

Meminda seksyen 47, Akta 313 bagi meluaskan pengecualian yang diberikan di bawah seksyen kepada pemegang lesen kecil, pemegang permit jalan, perkhidmat atau ejennya untuk memasuki mana-mana hutan tertutup serta menaikkan hukumannya ke atas kesalahan di bawah seksyen itu.

Meminda seksyen 50, Akta 313 bagi memberi kuasa kepada pengarah untuk membenarkan Pegawai Hutan mengeluarkan permit jalan dan menaikkan hukuman ke atas kesalahan di bawah seksyen itu.

Memasukkan seksyen baharu 50(a) mengenai tempoh, syarat dan pembaharuan permit jalan.

Meminda seksyen 58, Akta 313 untuk meluaskan penggunaan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan bagi perbelanjaan yang ditanggung oleh pihak berkuasa negeri dalam menguruskan dan menjalankan pembangunan mampan semua jenis HSK.

Memasukkan seksyen baharu 60(a) untuk memberi kuasa kepada pihak berkuasa negeri untuk mengurangkan, meringankan atau melepaskan ses pembangunan hutan atau pengecualian pembayaran ses pembangunan hutan.

Pindaan Bahagian Kelima- Royalti dan Premium. Pindaan di bahagian ini melibatkan lapan fasal. Antara lain bertujuan untuk meminda seksyen 66, Akta 313 bagi meluaskan keperluan untuk mengukur semua hasil hutan sebelum pemindahannya dari kawasan lesen kepada satu- lesen kecil dan menaikkan hukuman ke atas kesalahan di bawah seksyen itu.

Meminda seksyen 67, 68, dan 69 Akta 313 masing-masing dan menaikkan hukuman ke atas kesalahan di bawah seksyen-seksyen itu.

Memasukkan seksyen baharu 70(a) bagi membolehkan pihak berkuasa negeri untuk mengeluarkan pas lain selain pas pemindah bagi mana-mana orang yang memiliki, menjaga atau mengawal apa-apa hasil hutan.

Meminda seksyen 73 Akta 313 dengan meluaskan penggunaan seksyen tersebut kepada lesen kecil dan permit penggunaan.

Meminda seksyen 75 Akta 313 untuk memasukkan kaedah baharu pembayaran deposit di bawah Akta 313 yang mana deposit tersebut boleh dilucut hak dan memasukkan seksyen baharu 75(a) ke dalam Akta 313 dengan memberi kuasa kepada pihak berkuasa negeri untuk mengenakan caj dan menerima fi atas apa-apa bayar perkhidmatan.

Pindaan Bahagian Tujuh- Pelbagai Kesalahan dan Penalti. Pindaan di bahagian ini melibatkan lapan fasal. Antara lain bertujuan untuk meminda seksyen 81 dengan menaikkan hukuman ke atas kesalahan melakukan perbuatan yang dilarang di dalam HSK.

Meminda seksyen 82 dengan memberi kuasa kepada pengarah untuk mengawal penggunaan api dalam kawasan HSK dan menaikkan hukuman ke atas kesalahan di bawah seksyen itu.

Memperkenalkan seksyen baharu 86(a), 86(b), 86(c) dan 86(d) ke dalam Akta 313 dengan memasukkan kesalahan baharu dan penalti bagi menghalang tugas dan kuasa membuat kenyataan palsu, percubaan melakukan kesalahan dan persubahatan dalam Akta 313 dan meminda seksyen 87, Akta 313 dengan menaikkan tempoh pemenjaraan dalam penalti am bagi pelanggaran mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta 313.

Pindaan Bahagian Lapan – Penguatkuasaan. Pindaan di bahagian ini melibatkan 15 fasal.

■1220

Antara lain bertujuan untuk meminda seksyen 88, 89, 90, 91, 91A, 91 dan 93 Akta 313 berhubung kuasa penguatkuasaan. Pindaan ini akan membolehkan pegawai hutan, pegawai diberi kuasa dan Pegawai Polis mempunyai kuasa yang lebih jelas dan menyeluruh dalam menguatkuasakan Akta 313 serta pengenalan kepada peruntukan baharu untuk mengendalikannya pemeriksaan orang.

Memperkenalkan seksyen 95A ke dalam Akta 313 dengan memasukkan peruntukan berkenaan kos memegang hasil hutan atau barang-barang lain yang disita oleh pihak berkuasa negeri bagi mendapatkan semula kos itu.

Meminda seksyen 96 Akta 313 dengan memasukkan peruntukan untuk menjadikan lebih jelas pihak yang diberi kuasa di bawah Akta 313 yang boleh memasuki dan memeriksa loji penukaran serta menaikkan hukuman di bawah seksyen tersebut.

Memperkenalkan seksyen baharu 96A ke dalam Akta 313 yang memperkenalkan kuasa baharu iaitu kuasa untuk mengadakan sekatan jalan. Meminda seksyen 99 dengan memasukkan perkataan "*pegawai diberi kuasa*" selepas perkataan "*Pegawai Hutan*" dalam seksyen tersebut sebagai orang yang dikehendaki untuk menunjukkan kad kuasa di bawah seksyen itu.

Meminda seksyen 100 dengan menaikkan hukuman bagi kesalahan di bawah seksyen tersebut atas kesalahan keengganan menyerahkan maklumat dan dokumen serta kesalahan memberikan maklumat atau dokumen palsu dan meminda seksyen 101, Akta 313 dan mengadakan peruntukan kompaun dengan keizinan Pendakwa Raya.

Pindaan Bahagian Kesembilan - Pelbagai. Pindaan di bahagian ini melibatkan enam fasal. Antara lain bertujuan untuk:

- (i) meminda seksyen 103, Akta 313 yang menyatakan bahawa tiada pendakwaan boleh dimulakan tanpa persetujuan bertulis daripada Pendakwa Raya;
- (ii) meminda seksyen 104, Akta 313 bagi menambah peruntukan baharu mengenai anggapan; dan

- (iii) meminda seksyen 106 berkaitan dengan pindaan yang memasukkan perkataan “*pegawai diberi kuasa*” dan mengeluarkan perkataan “*anggota angkatan tentera*” dalam seksyen tersebut;
- (iv) memotong seksyen 107, Akta 313;
- (v) meminda seksyen 109, Akta 313 untuk mengadakan peruntukan yang komprehensif yang berhubung dengan kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan; dan
- (vi) meminda seksyen 111(2) Akta 313 dengan meluaskan kuasa Pihak Berkuasa Negeri bagi membuat kaedah-kaedah serta menetapkan hukuman baharu atas pendengaran mana-mana kaedah-kaedah.

Pindaan kepada Jadual Akta 313. Pindaan ini melibatkan dua fasal yang melibatkan pindaan kepada Jadual Kedua dan Jadual Keenam. Pindaan Akta 313 pada kali ini melibatkan pindaan kepada seksyen 83, 84, 85, 86, 97 dan 98, masing-masingnya dengan menaikkan hukuman ke atas kesalahan di bawah seksyen-seksyen itu.

Pindaan-pindaan yang lain tidak saya nyatakan secara khusus di sini adalah merupakan pindaan kecil bersifat *editorial* atau berbangkit *consequential in nature*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang dihormati, kesimpulannya Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] merupakan satu undang-undang yang digubal di bawah Fasal (1)(b), Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan bagi tujuan keseragaman undang-undang atau *modern law* bagi negeri-negeri di Malaysia mengenai pentadbiran, pengurusan dan pemuliharaan hutan dan pembangunan perhutanan.

Dalam hal ini, satu undang-undang yang digubal di bawah Fasal 1(b), Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan tidak boleh berkuat kuasa di mana-mana negeri sehingga undang-undang itu diterima pakai melalui satu undang-undang yang dibuat Oleh Badan Perundangan Negeri selaras dengan Fasal 3, Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan.

Rang undang-undang ini juga dijangka akan dapat membantu usaha negara dalam memelihara kawasan hutan dan kepelbagaian biologinya melalui pengurusan hutan secara berkekalan dan pemantapan penguatkuasaan bagi mencegah serta membanteras kegiatan pengambilan hasil hutan tanpa kebenaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa menyokong?

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perhutanan Negara 1984 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai 14 orang pembahas iaitu Yang Berhormat yang akan hendak berbahas. Saya membenarkan tempoh masa tujuh minit seorang untuk berbahas.

Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Kesavadas, tujuh minit. Kita ada 14 orang, Dato'.

12.27 tgh.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Okeylah, saya cuba.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Okey terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagai anak jati Negeri Sembilan, saya sentiasa prihatin dan peka terhadap isu pencerobohan hutan simpanan yang berlaku di negeri beradat tersebut.

Tahun lalu, satu pencerobohan seluas 33 hektar hutan simpanan telah berlaku di Negeri Sembilan. Biarpun ia hanya dilakukan oleh skala yang kecil bagi tujuan penanaman pokok durian, getah dan sawit, namun kegiatan pencerobohan sebegitu seharusnya dipandang serius oleh Jabatan Perhutanan Negara.

Di Negeri Sembilan, kerajaan negeri telah mengeluarkan permit penggunaan kepada kira-kira 83 orang peserta untuk meneroka hutan simpanan bagi menanam pokok durian iaitu kira-kira 113 hektar kawasan hutan simpanan dibenarkan bagi tujuan tersebut.

Pemberian permit tersebut juga sedikit sebanyak membantu golongan pekebun kecil untuk mencari sumber pendapatan tambahan menerusi penanaman pokok buah-buahan bermusim seperti durian.

Hal tersebut membuktikan bahawa kerajaan negeri serta Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan peka terhadap potensi ekonomi yang boleh dijana menerusi aktiviti penerokaan hutan simpanan secara terkawal dan berpermit. Permit penggunaan tersebut perlu diperbaharui setiap tahun dan pembayaran bagi pembaharuan permit itu merupakan hasil pendapatan bagi negeri dan juga kaedah yang terbaik bagi mengenal pasti hasil ekonomi yang berpotensi untuk dijana daripada penerokaan hutan simpan.

Dalam keadaan genting senario ekonomi hari ini, kurniaan alam seperti hutan simpan sewajarnya memberi manfaat kepada golongan pekebun yang datang daripada keluarga miskin luar bandar. Tidak salah sekiranya Kementerian Tenaga dan Sumber Asli menerusi Jabatan Perhutanan Negara mewujudkan satu pewartaan khusus bagi membenarkan penerokaan hutan simpan bagi tujuan pertanian.

Pendekatan yang digunakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan tersebut telah menjadikan usaha pemuliharaan hutan simpan di negeri itu bersifat mesra bumi. Mesra bumi yang saya sebutkan adalah merujuk kepada penanaman semula pokok-pokok hutan yang dijadikan sebagai pematuhan bagi pemberian permit penggunaan kepada pekebun.

Tuan Yang di-Pertua, secara dasarnya saya bersetuju dengan pindaan seksyen 15 rang undang-undang ini yang menggariskan kenaikan penalti kepada individu atau pihak yang mencuri hasil hutan secara haram.

■1230

Kenaikan kadar penalti berbayar serta tempoh pemenjaraan tersebut merupakan langkah yang signifikan yang boleh memberi pengajaran berguna kepada pesalah yang disabitkan atas kesalahan mengeksploitasikan hasil hutan. Daripada perspektif saya, tuduhan serta pendakwaan terhadap pesalah yang didakwa mengikut seksyen 15 ini mestilah dibuat berdasarkan logik serta fakta tertentu yang menjelaskan sebab dan rasional mengapa perbuatan mengeksploitasi hasil hutan dilakukan.

Motif tersebut tidak boleh dipisahkan daripada penglibatan relevan parti dengan izin yang bertanggungjawab sepenuh terhadap perbuatan merompak hasil hutan seperti yang banyak dilaporkan di dada-dada akhbar. Banyak kegiatan mencuri hasil hutan digagalkan menerusi tangkapan yang dibuat di atas pemandu serta kelindan lori. Kedua-dua mereka akan dituduh dan didakwa ke mahkamah.

Bagi memastikan pindaan Akta Perhutanan Negara ini dapat berfungsi dengan adil untuk memerangi kegiatan eksploitasi hasil hutan kita, kementerian seharusnya memperincikan aspek penyiasatan sebelum memulakan satu-satu pendakwaan. Persoalan yang paling penting untuk pihak kementerian tumpukan adalah mengenai siapakah dalang sebenar yang mengarahkan atau menjadi *master mind*, dengan izin, bagi satu aktiviti yang melibatkan pemerdagangan hasil hutan.

Adalah logik atau relevan untuk kita katakan secara mutlak bahawa perbuatan didorong oleh satu-satu pihak atau individu kerdil yang hanya makan gaji seperti pemandu

atau kelindan lori. Sebagai contoh, kes pencurian kayu balak hak milik Hutan Simpan Ibam, Pahang sekitar dua atau tiga tahun lalu. Kes tersebut melibatkan seorang pemandu lori dan seorang kelindan yang merupakan suspek yang ditahan atas kesalahan memindahkan tujuh kayu balak jenis keruing ke Negeri Sembilan menerusi Jalan Muadzam Shah, Bahau.

Berhubung dengan kes tersebut serta usaha kementerian dalam perihal perhutanan, saya ada empat persoalan untuk dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertama, apakah perkembangan terkini kes yang disebutkan tadi?

Adakah individu atau organisasi yang menjadi operatif, dengan izin, di sebalik sindiket mencuri balak tersebut sudah dibicarakan di mahkamah?

Kedua, apa aspek penguatkuasaan di Peringkat Persekutuan dan negeri yang akan diperkasa oleh Jabatan Perhutanan menerusi pindaan baharu rang undang-undang ini. Apa bentuk kerjasama dengan agensi serta badan penguat kuasa kerajaan yang lain bagi memastikan jenayah pengeksploitasian hasil hutan dapat dibanteras di setiap peringkat.

Ketiga, selain perundangan, apa usaha kementerian bagi melindungi hutan-hutan simpan di negara ini daripada dicerobohi secara haram. Adakah pihak kementerian menerusi Jabatan Perhutanan Negara berani untuk menghalang aktiviti pembalakan haram yang didalangi oleh mana-mana syarikat yang di belakangnya wujud individu berprofil tinggi.

Keempat, menerusi peruntukan sebanyak RM37.65 juta bagi pengurusan hutan secara berkekalan bagi tahun ini, apakah inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung setakat Julai 2022? Bagaimana peruntukan tersebut telah dimanfaatkan bagi mengekalkan hasil serta kehijauan hutan termasuk hutan simpan di seluruh negara khususnya hutan di Negeri Sembilan.

Tuan Yang di-Pertua, nasi sudah menjadi bubur, itulah luahan hati Orang Asli terhadap keadaan semasa Tasik Chini yang telah dimusnahkan oleh aktiviti pembalakan dan perlombongan yang dijalankan sejak tahun 2009. Seperti yang dimaklumkan oleh penduduk Kampung Gulum, aktiviti pembalakan dan perlombongan yang dilakukan sejak berbelas-belas tahun dahulu telah mencemarkan air Tasik Chini.

Pencemaran tersebut telah menjejaskan aktiviti harian penduduk sekitar yang sebelum ini banyak bergantung kepada air yang mengalir dari Tasik Chini. Dahulu air tasik boleh diminum, sekarang air tasik sudah keruh kemerahan. Dahulu air tasik jernih, sekarang kelibat kelisa pun tidak kelihatan.

Apakah sebenarnya berlaku di Tasik Chini? Adakah pihak kementerian telah melakukan siasatan forensik terhadap kegiatan pembalakan dan perlombongan yang dijalankan di Tasik Chini? Apakah peranan kerajaan khususnya kementerian-kementerian yang berkaitan dalam menyelesaikan masalah pencerobohan Tasik Chini yang dahulunya merupakan kawasan tarikan pelancongan? Siapa iblis durjana yang selama ini menjadi penghasut di sebalik pencerobohan tasik yang suatu ketika dahulu pernah dikurniakan anugerah Rizab Biosfera UNESCO. Saya mohon penjelasan telus daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja ucapan perbahasan saya bagi Rang Undang-undang Perhutanan Negara (Pindaan) 2022. Saya menyokong pindaan rang undang-undang ini dengan syarat bahawa segala inti pati yang saya sebutkan tadi dapat diberi penilaian serta perincian yang menyeluruh oleh pihak Kementerian Tenaga dan Sumber Asli. Sekian, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua bagi masa lebih sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Kesavadas atas perbahasan tadi. Sebelum saya memanggil pembahas seterusnya, dijemput Usul oleh Yang Berhormat Menteri.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

12.36 tgh.

Datuk Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin [Menteri Kanan Pendidikan]: Tuan Yang di-Pertua,

“Mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), saya mohon mencadangkan bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputuskan DR.12/2020, Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020 seperti yang tertera di nombor 4, di dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa 9 Ogos 2022.”

Timbalan Yang di-Pertua: Minta sokongan.

Dato' Dr. Mah Hang Soon [Timbalan Menteri Pendidikan I]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah Usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri itu tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Dengan ini saya menjemput pembahas yang kedua iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Ajis bin Sitin.

12.38 tgh.

Dato' Ajis bin Sitin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat tengah hari dan salam sejahtera. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Tenaga dan Sumber Asli yang telah berjaya menyediakan rang undang-undang ini. Namun pada pendapat saya, Rang Undang-undang Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 ini adalah bertujuan semata-mata untuk menambah lagi cengkaman akta sedia ada seperti kenaikan kadar kompaun dan caj mahkamah bagi semua kesalahan hutan.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat Orang Asli dan hutan memang tidak dapat dipisahkan. Masyarakat ini hidup bertaburan di dalam hutan di seluruh pelosok negara. Mereka mendiami lembah, lereng bukit sehinggalah ke permatang puncak Banjaran Titiwangsa. Kehidupan mereka sejak dahulu lagi adalah dikelilingi oleh persekitaran hutan belantara. Mereka menggunakan hutan sebagai klinik kesihatan di mana apabila sakit demam berlaku, mereka akan masuk hutan untuk mendapatkan herba, cendawan dan sebagainya untuk tujuan merawat penyakit. Begitu juga mereka masuk dalam hutan untuk

mendapatkan sumber makanan seperti binatang buruan, ikan, sayur-sayuran dan sebagainya di mana hutan umpama pasar raya bagi mereka.

Kewujudan Akta Perhutanan Negara 1984 telah menyukarkan kehidupan harian masyarakat Orang Asli. Pengenalan konsep Hutan Simpan Kekal (HSK) di bawah akta tersebut seterusnya membelenggu dan menghimpit kehidupan dan kesejahteraan hidup masyarakat Orang Asli. Akta ini hanya berfokuskan pengurusan hutan pokok-pokok hutan tanpa mengambil kira keperluan dan tradisi masyarakat Orang Asli yang mendiami hutan tersebut yang jauh lebih awal.

■1240

Masyarakat Orang Asli memerlukan bahan-bahan hutan untuk membina kediaman atau tempat tinggal mereka. Kerangka rumah diperbuat daripada kayu, lantai dan dinding dari buluh, atap dari daun bertam dan diikat menggunakan rotan. Kesemuanya itu hanya terdapat dalam hutan. Kewujudan hutan simpan kekal telah membataskan masyarakat Orang Asli daripada menjalankan aktiviti tersebut.

Akta Perhutanan Negara 1984 juga telah menjadikan kesejahteraan dan kesentosaan hidup masyarakat Orang Asli di negara ini semakin terhakis. Hutan-hutan kawasan Orang Asli telah dijadikan hutan simpan kekal. Banyak kampung Orang Asli kini dikatakan berada dalam hutan simpan kekal dan menjadikan ramai masyarakat Orang Asli kini mendiami secara haram di atas tanah pusaka mereka sendiri. Keadaan sebegini memberi kesan yang amat besar kepada masyarakat di situ di mana kawasan itu tidak dapat diwartakan sebagai rizab Orang Asli di bawah Akta Orang Asli [Akta 134].

Apabila kawasan itu tidak diwartakan, kawasan tersebut tidak dapat dibangunkan termasuk perumahan kerajaan, api dan air terawat, sekolah, klinik dan sebagainya tidak dapat dibangunkan oleh agensi terlibat. Maka, masyarakat Orang Asli (MOA) akan terus berada sebagai penghuni haram di atas tanah pusaka sendiri dan berterusan menjadi masyarakat yang sangat daif.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Perhutanan Negara 1984 telah mengehadkan akses masyarakat Orang Asli kepada aktiviti ekonomi tradisi mereka. Dahulunya, mereka bergerak bebas dalam hutan untuk mengutip segala macam buah-buahan hutan dan hasil hutan atau berburu di dalam hutan sama ada untuk kegunaan sendiri mahupun berjual demi kelangsungan hidup. Mereka juga membuka hutan secara kecil-kecilan untuk bercucuk tanam termasuklah penanaman padi huma setiap tahun untuk saraan sekeluarga. Namun kini, semua itu sudah berlalu setelah Akta Perhutanan Negara 1984 dikuatkuasakan.

Daripada segi ekonomi pula, Akta Perhutanan Negara 1984 didapati telah menghalang akses masyarakat Orang Asli untuk meningkatkan tahap ekonomi. Kawasan perkampungan mereka dibatasi dan dikelilingi oleh hutan simpan kekal, tiada peluang untuk masyarakat Orang Asli untuk berladang atau berkebun seperti tanaman getah, kelapa sawit atau lain-lain tanaman komersial yang boleh meningkatkan taraf hidup mereka. Banyak kali masyarakat Orang Asli cuba untuk membersihkan hutan, namun didatangi oleh pihak berkuasa dan diarahkan berhenti.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini tidak baik dan tidak harmoni. Dalam usaha menjaga hutan, kami juga ingin disantuni seadanya. Tradisi dan cara hidup masyarakat Orang Asli perlu juga dihormati dan masyarakat Orang Asli menghargai toleransi dalam semua keadaan. Sehubungan itu, saya mencadangkan; Pertama, diadakan pengkelasan hutan simpan kekal untuk kegunaan masyarakat Orang Asli di bawah Perkara 10 akta itu. Perkara ini sangat penting bagi memurnikan perkampungan masyarakat Orang Asli yang dikatakan sebagai berada di dalam hutan simpan kekal.

Kedua, cukai-cukai tidak dikenakan ke atas hasil hutan bukan pembalakan seperti mengutip herba, buah-buahan hutan dan sebagainya yang diusahakan oleh masyarakat Orang Asli.

Ketiga, permit-permit kebenaran untuk memasuki semua jenis hutan simpan kekal menggunakan jalan hutan dan lain-lain permit hendaklah tidak terpakai bagi masyarakat Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, banyak insiden yang tegang berlaku apabila pihak berkuasa menguatkuasakan akta ini ke atas kawasan masyarakat Orang Asli. Kebanyakannya ialah apabila masyarakat Orang Asli mempertahankan kawasan yang didiami mereka sedangkan kawasan itu telah pun diwartakan sebagai hutan simpan kekal oleh pihak berkuasa. Pertikaian begini selalunya akan berakhir di mahkamah. Bagi mengelakkan perkara ini berterusan berlaku dan sesuai dengan semangat Keluarga Malaysia, saya mencadangkan keseluruhan kandungan Akta Perhutanan Negara 1984 ini dikaji semula. Kajian ini hendaklah melibatkan semua pemegang taruh serta terutamanya daripada masyarakat Orang Asli sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya menolak Usul ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Ajis bin Sitin atas perbincangan tadi.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

12.44 tgh.

Datuk Razali bin Idris: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Berdiri saya adalah untuk sama-sama kita hendak bahas Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 2022. *Alhamdulillah*, akta ini diperkukuhkan dengan peningkatan hukuman bagi kesalahan yang dilakukan di dalam hutan simpan. Selain daripada penalti, turut juga akta ini merangkumi peruntukan baharu yang memerlukan kerajaan negeri menjalankan siasatan sebelum mengeluarkan mana-mana kawasan dari hutan simpan kekal termasuk menukarkan syarat hutan simpan.

Dalam bab ini, kita nampak tidak kelihatan Kerajaan Pusat terbabit dengan kelulusan. Apakah Kerajaan Persekutuan tidak diberi kuasa untuk sama-sama campur tangan berhubung penukaran hutan simpan perlombongan dan penggunaan tanah untuk aktiviti lain?

Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di sini kita nampak kerajaan negeri mempunyai kuasa mutlak untuk mengeluarkan kelulusan. Kalau kita tengok dalam penggantian seksyen 11, 12 dan 13(1) yang menetapkan prosedur pengeluaran kawasan tanah dari hutan simpan kekal atas alasan kegunaan ekonomi di mana ketiga-tiga seksyen ini memberi kuasa besar kepada pihak berkuasa kerajaan negeri. Di situ, kita nampak ada ruang kepada salah guna kuasa dan juga rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya ada beberapa kes seperti mana sahabat saya Yang Berhormat Dato' Ajis bin Sitin bercakap tentang Orang Asli. Saya hendak kongsi di sini, kononnya ceroboh hutan simpan dan mereka ini didenda- kumpulan ini didenda, ditahan dan ada yang dilokap.

Sebagai contoh, berita besar beberapa bulan yang lalu, 13 orang geng *motocross* ditahan di Hulu Terengganu- dituduh *motocross* masuk hutan, dituduh menceroboh. Satu.

Kedua, guru madrasah didenda RM1,500 dituduh juga menceroboh hutan di Sungai Petani.

Ketiga, kumpulan empat kali empat- *off-roader*, 11 orang peserta dituduh juga menceroboh Hutan Hulu Perak.

Saya hendak kongsi dengan Tuan Yang di-Pertua, *motocross*, *cup cross*, empat kali empat- *off-roader* ini masuk hutan untuk beriadah. Mereka menikmati hutan hujan- *rainforest* dalam bahasa Inggerisnya di mana hutan hujan ini tidak ada di tempat lain. Memang ada satu kumpulan Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang masuk dalam

hutan ini untuk beriadah, memancing, mandi, menikmati apa yang ada di negara kita dan tidak ada di negara lain tetapi mereka ditangkap. Yang tebang balak itu payah hendak menghukum tetapi orang ini tangkap hari ini dilokap dan didenda.

Saya hendak beritahu, setiap kumpulan yang saya sebutkan tadi ada diberitahu mereka mesti membayar satu yuran untuk memasuki hutan sebanyak RM5. Kalau hendak contoh di Terengganu, orang Johor, orang Singapura atau orang Thailand turun ke Terengganu hendak pergi masuk ke hutan Hulu Terengganu.

■1250

Ada satu buah tempat itu dinamakan pokok cengal besar. Berpuluh ratus tahun pokok cengal besar hendak tengok. Mereka mencari di mana pejabat hutan untuk membayar RM5. Saya sudah tanya soalan lisan pada sesi yang lalu, berapakah kerajaan dapat daripada RM5 yang dibayar ini untuk masuk satu buah hutan sehingga hendak cari tempat pembayaran pun susah? Soalan masa itu.

Akan tetapi sekarang saya hendak cadang supaya pembayaran itu biarlah melalui *online*. Janganlah ada *off-roader* ataupun pemain-pemain yang suka masuk hutan ini, pergi ke Terengganu, cari pejabat hutan untuk membuat bayaran RM5 untuk masuk. Ini menjadi kesusahan. Contoh di Terengganu, memang industri pelancongan agak ketara. Memang kerajaan negeri menguar-uarkan supaya orang turun ke Terengganu, selain dari Pulau Kapas ataupun pantai di *viral* kan juga untuk kita masuk ke dalam hutan termasuklah Tasik Kenyir.

Jadi sekarang, dalam akta ini tidak ada sebut. Masih lagi hendak tangkap orang ini, hendak denda. Jadi kita hendak cadang, walaupun akta RUU yang dihantar ke Dewan Negara ini kita tidak boleh hendak ubah, saya hendak minta juga sikit satu *adjustment* supaya pembayaran RM5 itu melalui *online*. Mudah, dari Johor dia pun masuk terus RM5. Akan tetapi kalau kita tengok pendapatan RM5 ini, tidak berapa besar sangat. Kalau boleh kita minta, elakkan daripada pembayaran. Biar dia hendak masuklah dia masuk ke dalam hutan itu. Bukan dia hendak curi apa pun. Dia pun bawa *family*, bawa anak, bawa isteri dan sebagainya.

Jadi itu satu perkara yang penting kepada negeri saya sendiri dan ramai antara pelancong yang hendak masuk ke dalam hutan di negeri Terengganu ini, patah balik pasal banyak sangat birokrasi sehingga mereka hendak beriadah pun- ada lah sedikit sebanyak diambil katakan satu pokok orkid sebagai contoh, satu. Hak tebang balak beribu ekar itu kita tidak ambil tindakan secepatnya, tetapi *hok* itu dimasukkan dalam lokap di Ajil, lokap bersama dengan Bangla *hok* yang ataupun pendarat tanpa izin.

Saya rasa amat sedih. Jadi saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri, buatlah sedikit *adjustment* walaupun kita tidak mampu hendak merubah. Jadi, akhir kalam, saya minta Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri bersama-sama menggembleng tenaga untuk kembalikan hutan kita dengan agenda bumi hijau.

Sekian, saya menyokong RUU ini. Sekian. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Razali Idris.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina Wan Yusoff.

12.53 tgh.

Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Perubahan iklim, ekstrem dan perubahan ekosistem menyebabkan bencana luar biasa secara tiba-tiba di luar musim tengkujuh. Bencana yang menyebabkan kemusnahan harta benda dan juga kehilangan nyawa rakyat ini.

Oleh itu, pengurusan untuk melindungi hutan, perlu diambil berat. Tahniah saya ucapkan kepada Kementerian Tenaga dan Sumber Asli yang berjaya membuat pindaan kepada akta sedia ada dan berjaya diluluskan di Dewan Rakyat.

Pengekalan kawasan hutan simpan kekal adalah penting bagi mengelakkan hutan simpan kekal ditukar kegunaannya kepada guna tanah lain yang akan mengurangkan keluasan hutan tersebut.

Pengenalan seksyen 11 yang baharu, menggantikan yang lama, sehubungan dengan isu pengeluaran kawasan tanah dari hutan simpan kekal (HSK), perlu disokong. Pindaan baharu ini membenarkan pengeluaran kawasan tanah tertakluk kepada dua syarat yang penting.

Syarat pertama ialah, sebelum mengeluarkan mana-mana kawasan tanah daripada sesuatu hutan simpan kekal, pihak berkuasa negeri hendaklah menjalankan suatu siasatan awam mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan oleh kerajaan negeri.

Syarat kedua ialah, sekiranya pihak berkuasa negeri berniat untuk mengeluarkan mana-mana kawasan tanah daripada sesuatu hutan simpan kekal, pihak berkuasa negeri hendaklah mengenal pasti sebuah kawasan tanah yang sama luas atau lebih besar untuk menggantikan kawasan tanah yang akan dikeluarkan sebagai sebuah hutan simpan kekal.

Kawasan hutan simpanan kekal berfungsi sebagai kawasan tadahan air, menstabilkan oksigen di permukaan bumi, menyeimbangkan ekosistem sebagai penampungan hakisan dan juga sebagai habitat binatang liar. Justeru itu, pengekalan kawasan hutan simpanan kekal adalah sangat penting untuk dipelihara agar kesemua manfaat yang dikecapi ini dapat juga digunakan oleh generasi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk Fasal 3, Perkara 76, Perlembagaan Persekutuan, ia tidak boleh berkuat kuasa sehingga diterima pakai oleh negeri di Semenanjung Malaysia, melalui Enakmen Perhutanan (Pemakaian) mengikut negeri masing-masing. Hutan ataupun tanah adalah bidang kuasa negeri. Walaupun diluluskan oleh Parlimen, akta ini masih tertakluk kepada kerajaan negeri untuk mengguna pakai atau tidak.

Persoalan saya, apakah dapatan pihak kementerian selepas melaksanakan libat urus bersama kerajaan negeri? Bagaimanakah penerimaan kerajaan negeri untuk akta ini dipakai melalui Enakmen Perhutanan Negeri?

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat kepada kes projek penanaman Musang King yang menimbulkan bencana yang luar biasa, yang baru berlaku di Baling, Kedah. Pembukaan hutan-hutan secara besar-besaran termasuk penanaman secara haram yang berlaku. Kerajaan negeri mungkin ada justifikasi tersendiri kerana permintaan Musang King tinggi untuk pasaran luar negara dan boleh menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat. 'Nasi sudah menjadi bubur'.

Isu ini sudah menjadi isu negara, bukan lagi isu negeri. Berapa banyakkah kos yang telah dibelanjakan oleh kerajaan untuk pemulihan mangsa-mangsa banjir dan juga pemulihan prasarana yang musnah akibat banjir? Oleh itu, adalah penting kerajaan mempunyai kaedah untuk melaksanakan langkah intervensi untuk membendung situasi ini dari berulang lagi.

Soalan saya, bagaimana langkah ataupun proses yang boleh diambil untuk menambah baik ladang-ladang sedia ada supaya kejadian bencana luar biasa ini tidak berulang lagi pada masa hadapan.

Isunya, pokok-pokok ini sudah ditanam. Kerajaan perlu mencari jalan penyelesaian bagaimana hendak memastikan ladang-ladang ini tidak mengancam nyawa rakyat. Kerajaan perlu buat sesuatu dengan segera. Apakah ada cadangan supaya pokok-pokok spesies hutan ditanam di ladang-ladang antara pokok Musang King?

Persoalan saya yang kedua, apakah ciri-ciri bagi sesuatu tumbuhan atau pokok itu dikategorikan sebagai spesies hutan? Adakah kajian yang dijalankan oleh kementerian kepada pokok Musang King untuk menilai semula spesies ini sebagai pokok hutan?

Rakyat mengharapkan dengan adanya pindaan ini, peningkatan kadar hukuman, penambahbaikan dan pindaan jadual-jadual, pengurusan hutan, pemeliharaan hutan dan penguatkuasaan dapat dijalankan dengan lebih baik. Tiada lagi kejadian pencerobohan hutan dan pengeluaran hasil hutan atau balak secara haram.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap rang undang-undang ini disambut baik oleh semua kerajaan negeri melalui pindaan Enakmen Kerajaan Negeri masing-masing supaya pengurusan hutan ini dapat dilaksanakan dengan tuntas, demi pemeliharaan dan perlindungan hutan negara.

Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah di Dewan yang mulia ini kepada Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan atas kejayaan memperoleh persijilan Pengurusan Kualiti MS ISO 9001: 2015, di bawah Skop Pengurusan Pengeluaran Kayu Bulat Secara Berkekalan Bagi Hutan Darat Asli di Hutan Simpan Kekal (HSK).

Dengan itu, saya menyokong Rang Undang-undang Perhutanan Negara (Pindaan) 2022. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina Wan Yusoff atas perbahasannya tadi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang. Terima kasih.

[Dewan dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

■1430

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, perbahasan diteruskan.

Pembahas nombor lima sudah ditiadakan, maka kita terus kepada Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad. Silakan.

2.34 ptg.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Keluarga Malaysia. *Bismillahi Rahmani Rahim...* **[Membaca sepotong doa]**

Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu, izinkan saya merujuk satu firman Allah SWT yang dibaca berulang-ulang kali dalam Surah Ar-Rahman. Lebih kurang 31 kali... **[Membaca sepotong ayat Al-Quran]** Yang bermaksud, “*Nikmat Aku yang mana lagikah yang kamu dustakan?*”

Sebenarnya hutan ini, Tuan Yang di-Pertua, merupakan nikmat kepada kita. Bagi negara-negara padang pasir, betapa nikmatnya hutan itu kepada mereka. Akan tetapi, bagi kita yang sudah banyak pokok-pokok hutan tidak menilai tentang ketinggian nilai hutan tersebut.

Alhamdulillah, Kerajaan Negeri Kelantan sekarang ini berada pada kedudukan nombor tiga daripada segi menjaga baki hutan simpan negeri masing-masing. Negeri yang paling besar mempunyai hutan simpan dalam Malaysia ini ialah Pahang, 50 peratus kawasan negeri Pahang masih berhutan; manakala negeri Perak, 48 peratus; dan negeri Kelantan pula 47 peratus. Tiga buah negeri ini teratas.

Cuma sekarang ini, dalam kita membentangkan pindaan kepada Akta Perhutanan Negara 1984 ini yakni Akta 313, kita sepatut memberi satu penghargaan, pengiktirafan pada negeri-negeri yang masih menjaga hutan-hutan simpan mereka. Kerajaan Putrajaya sepatutnya memberi sumbangan, bantuan dan juga nilai karbon atau, dengan izin, *carbon credit*- yang dipertahankan oleh negeri-negeri tersebut.

Ini berlaku semasa *Rio Summit*, dengan izin, di mana Hutan Amazon lah merupakan hutan yang paling besar dalam dunia yang memberi nilai *carbon credit* kepada seluruh dunia menyebabkan Bangsa-Bangsa Bersatu memberi satu penghargaan kewangan yang besar pada Brazil. Begitu juga dalam negara kita. Kelantan, Pahang dan Perak sepatutnya mendapat satu angka yang tertentu daripada Kerajaan Putrajaya kerana mempertahankan *carbon credit* untuk dikongsi oleh seluruh rakyat dalam Malaysia, yang dari Kuala Lumpur, Selangor dan Pulau Pinang.

Alhamdulillah, Kerajaan Negeri Kelantan, mana-mana hutan simpan selepas pada tahun 1980-an, mana-mana hutan simpan yang dikeluarkan untuk tujuan pembangunan, untuk apa jua perkara-perkara yang kadang-kadang kita tidak boleh elakkan- kerana kadang-kadang penduduk situ sudah tinggal di situ 50 tahun tanpa dia mengetahui itu hutan simpan. Ini kerana, kita kena ingat, hutan simpan dalam Malaysia ini yang betul-betul yang sudah dibuat Ukur Sukat Halus sekitar 60 peratus.

Banyak lagi hutan-hutan simpan yang belum lagi dibuat Ukur Sukat Halus- yakni penandaan muktamad kepada sempadan hutan dan tanah negeri belum jelas berdasarkan kepada gazet. Gazet pula kalau didapati dalam pelan-pelan dari Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, hanya dengan titik-titik tertentu. Ini tidak ada kekuatan untuk mempertahankan gazet hutan simpan itu di mana-mana mahkamah.

Oleh sebab itu, kerajaan sebelum hendak menguatkuasakan akta pindaan ini, mesti memastikan bahawa semua hutan simpan yang dikatakan telah digazet mesti dilaksanakan ukur halus dahulu supaya tidak berlaku satu pertelingkahan yang boleh dibawa di mahkamah dan saya fikir Jabatan perhutanan tidak akan menang.

Oleh sebab itulah, sekarang timbul pula pandangan daripada Ibu Pejabat Perhutanan. Ini kerana kita ingat Ibu Pejabat Perhutanan hanya Semenanjung, ia tidak meliputi Sabah dan Sarawak. Kerana Sabah dan Sarawak mempunyai kuasa-kuasa tersendiri. Begitu juga hutan-hutan di negeri-negeri lain. Ini di bawah kuasa negeri. Kerana tanah, hutan dan lombong, kuasa negeri.

Akan tetapi, dengan tujuan untuk menyelaraskan bagi kesemua negeri, *alhamdulillah*, akta ini dibawa satu kebaikan walaupun saya fikir banyak lagi perkara-perkara untuk menyelesaikan isu pencerobohan dan sebagainya. Saya tidak fikir ia dapat menyelesaikan secara tuntas. Ia sekadar hanya, dengan izin, *vocabulary* Inggerisnya menyatakan *to deter*, adalah menakut-nakutkan sedikit. Ini kerana antaranya yang diberi penekanan merupakan nilai denda ditambah daripada satu angka kepada RM100 ribu.

Status kelayakan pegawai yang hendak menjalankan tugas bagi pihak Pengarah-pengarah Hutan Negeri juga dinaikkan daripada Gred C kepada Gred B, misal kata. Akan tetapi, kita kena ingat, ada empat buah negeri dalam Semenanjung ini, kakitangannya ditentukan oleh negeri-negeri tersebut. Jadi, kewangan negeri tersebut untuk meningkatkan gred-gred pegawai ini pun satu isu. Banyak negeri yang tidak mampu untuk meningkatkan gred pegawai-pegawai itu sendiri.

■1440

Bahkan juga, Kerajaan Persekutuan kita di Putrajaya, banyak kekosongan jawatan yang tidak diisi. Bila berlaku sekarang ini, banyak. Saya boleh sebut, pelbagai jawatan.

Jadi, kita mesti melihat bahawa apa yang ada ini tidak menyelesaikan secara tuntas, tetapi lebih kepada, dengan izin, *to deter*. Kita tengok di Thailand misal kata. Di Thailand, seorang ahli politik wanita terkenal telah tidak dibenarkan untuk bertanding seumur hidup kerana dia telah menceroboh sedikit sahaja hutan simpan untuk dijadikan kediaman, di Thailand. Seorang ahli politik yang terkenal di Thailand.

Begitu juga di Thailand, dia mempunyai hukuman yang ketat, kuat tentang pencerobohan hutan, di mana hukuman gantung, kita pun terkejut. Hukuman gantung

untuk mana-mana yang menceroboh tanah hutan. Ini kerana itu merupakan- kerana Thailand melihat bahawa hutan inilah sebagai pemberi oksigen kepada rakyat dia. Ini kerana sekarang ini dengan bertambah nipisnya lapisan langit, dengan sinaran matahari semakin terik, adalah kerana banyak berlaku pencerobohan-pencerobohan hutan.

Oleh sebab itu saya Tuan Yang di-Pertua, kita rasa dengan nilai-nilai yang kita kenakan itu sebagai tauke-tauke balak satu angka yang bagi saya masih lagi kecil bagi mereka. Dengan denda-denda yang kita buat. Walau bagaimanapun, satu perkara Tuan Yang di-Pertua, kita mesti memberi kelonggaran kepada negeri-negeri. Umpamanya, kalau terdapat di negeri-negeri tersebut, nilai *lithium* yang tinggi maka kita kena beri peluang kepada negeri-negeri tersebut untuk membolehkan dia memberi permit guna. Ini kerana nilai *lithium* ini- satu jenis galian, batuan yang sangat tinggi nilainya. Sudah tentu nilai batuan ini memberi kekuatan ekonomi kepada negeri-negeri tersebut.

Walaupun dia duduk dalam hutan simpan tetapi mesti dibolehkan dengan menggunakan Permit Guna supaya negeri itu dapat menambahkan hasil kerana *lithium* ini untuk dijadikan bateri. Ini kerana bateri dalam masa hadapan merupakan satu teknologi yang sangat-sangat dikehendaki kerana sudah ada peralihan daripada penggunaan bahan-bahan api yang lain kepada penggunaan bateri.

Oleh sebab itu, Indonesia sekarang ini sebagai negara pengeluar *lithium* terbesar di dunia telah mengenakan satu undang-undang, peraturan yang ketat di mana nilai-nilai *lithium* sudah tidak dibenarkan eksport di luar negara kerana hendak menjadikan Indonesia negara pengeluar bateri terbesar di dunia.

Sekian, terima kasih. Banyak lagi hendak cakap Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Ya lah. Petua yang pagi tadi, kita sabar sekejap. *Alhamdulillah*, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad.

Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook.

2.43 ptg.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Petang ini kita bercakap tentang hutan. Hutan merupakan penyedia kehidupan kepada kita, tanpa hutan saya rasa daripada sekecil-sekecil serangga sehingga sebesar-besar kita dan juga gajah, saya rasa tidak boleh hidup.

Jadi, hutan itu penting, sangat-sangat penting. Dengan adanya pindaan akta ini, menunjukkan keseriusan kita untuk menjaga hutan supaya kelangsungan hidup kita dapat diteruskan tanpa diganggu dengan terlalu banyak.

Oleh yang demikian, kita perlu menjaga hutan, jangan jadikan hutan sebagai sumber kekayaan untuk mengaut keuntungan, nampak kayu-kayu yang telah berdiri sejak ratusan tahun dahulu, kita nampak dia macam duit tetapi itulah sumber kehidupan kepada kita. Jangan kalau hendak buat duit, cari cara lain, jalan pintas itu terlalu mudah. Sesiapa boleh buat. Tidak perlu kita sekolah pun. Ambil sebilah kapak- itu dah boleh buat duit. Itu bukan caranya. Kita mesti jaga hutan kita.

Ini kerana kesannya kita nampak di mana-mana tanpa menuding jari ke mana-mana pihak tetapi kesan ialah orang ramai yang duduk di bawah aliran air. Kalau atas sana tidak dapat menyerap air, bawah itu akan ditimpa kemalangan dan sebagainya.

Jadi, untuk itu saya hendak menyarankan negeri-negeri yang membuat penebangan dikatakan ada catuan tertentu. Jadi, kalau boleh tingkatkanlah catuan tersebut supaya jumlah hutan yang kita ada ini bukan semakin berkurang tetapi bertambah.

Selain daripada catuan tersebut juga saya minta supaya aktiviti penanaman semula hutan dipergiatkan. Ini kerana, ada sesetengah negeri mengenakan syarat, apabila hutan ditebang ada kawasan-kawasan yang perlu ditanam semula. Akan tetapi,

lazimnya pemantauan terhadap aktiviti tanam semula ini tidak dibuat dengan sebaik mungkin. Jadi, yang tanamnya di kawasan-kawasan luar sahaja. Jadi, kalau kita pergi semak itu, nampaklah jarak 300 meter ke dalam, nampak ditanam tetapi dalamnya lagi tidak ada pokok.

Jadi, kita perlu serius kerana itulah peninggalan kita untuk anak-anak cucu kita, kalau kita tidak buat, kita seolah-olah merompak hutan itu daripada anak cucu kita kerana kita dapat secara percuma. Janganlah kita ambil tanpa diberikan balik kepada anak cucu kita.

Dalam akta ini ditetapkan pelbagai denda daripada RM50 ribu hingga RM100 ribu, sampai ke penjara sehingga 20 tahun. Akan tetapi, isunya sekarang ialah isu pelaksanaan. Kita boleh tulis macam-macam dalam akta kita, dendanya berjuta-juta tetapi sejauh manakah pelaksanaan ini dibuat oleh pihak yang berkuasa?

Jadi saya hendak tanya kepada kementerian, sehingga kini apakah hasil penguatkuasaan yang telah dijalankan? Berapakah nilai rampasan atau nilai denda yang telah dikenakan dan berapa ramai kah orang yang telah didakwa ataupun dihukum atas kesalahan berdasarkan undang-undang yang sedia ada?

Ini kerana ia akan melambangkan ataupun sebagai pengukur kepada keberkesanan akta kita dan juga keberkesanan pihak yang menguatkuasakan undang-undang ini.

Dalam pindaan akta ini, kita nampak ada satu seksyen 60A(2)(b) berkaitan Orang Asli. Ini kerana saya, Orang Asli dengan hutan ini saya rasa tidak dapat diasingkan lagi. Bukan kata kita hendak kata Orang Asli sentiasa duduk dalam hutan tetapi itulah hakikatnya bahawa kita tidak dapat asingkan Orang Asli dengan hutan. Dalam kita melaksanakan ini, kita perlu ambil kiralah keperluan oleh Orang Asli ini tentang keperluan kehidupan hariannya. Ini kerana kita dapati bahawa di negeri-negeri perkara ini sering tidak diberi tumpuan sepenuhnya.

Ini kerana ada negeri-negeri yang memberikan rizab Orang Asli contoh, sesebuah kawasan tertentu. Akan tetapi, dalam masa yang sama juga Tuan Yang di-Pertua, dibuat rizab Hutan Simpan Kekal di tempat yang sama ataupun hutan yang boleh ditebang di tempat yang sama. Apabila ada berlaku aktiviti pembalakan, ini timbul pertembungan ataupun pertembungan di antara Orang Asli dengan syarikat pembalakan yang kita sering dengar di mana-mana.

Jadi, perkara ini berlarutan. Saya rasa sesuailah pihak kementerian memberikan tumpuan pada ini dan saya hendak tanya, apakah tindakan yang diambil oleh kementerian supaya pertikaian ataupun pertembungan ini tidak berlaku lagi? Apakah tindakan proaktif dan juga reaktif jangka pendek dan jangka panjang yang dilakukan oleh kementerian bagi menangani perkara ini?

Satu perkara lagi, kita dapati bahawa hutan, sebagaimana saya katakan tadi, hutan merupakan hasil, kita dapat hasil, jadi tebang pokok dapat papan dan sebagainya. Saya tidak pasti apakah kawalan yang diberikan ataupun disediakan oleh kementerian untuk memastikan bahawa aktiviti penebangan ini dapat dikawal pada tahap yang sesuai. Ini kerana apabila kita tidak kawal di peringkat penebangan, sekurang-kurangnya kita dapat kawal di peringkat penjualan.

Jadi saya hendak tanya kepada kementerian, adakah kementerian mengehendkan pengeksporan kayu-kayu papan ataupun kayu balak ini untuk memastikan hutan kita terjaga untuk tempoh yang lebih panjang? Walaupun ada aktiviti penebangan tetapi tidaklah terlalu rakus, terlalu cepat untuk kita mendapat kekayaan dari hutan.

Jadi, saya harap kementerian dapat memberi perhatian kepada perkara-perkara yang saya telah bangkitkan supaya kita dapat mengekalkan kelangsungan hutan kita. Dengan itu, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook.

Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying.

2.49 ptg.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan atas peluang untuk turut mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 yang telah dibentangkan.

Sebagai salah satu langkah proaktif yang diambil oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli untuk meminda klausa-klausa yang bersesuaian dengan cabaran masa kini untuk meningkatkan lagi usaha kerajaan untuk melindungi kawasan perhutanan yang merupakan khazanah negara yang penting.

■1450

Kawasan hutan, dan hutan simpanan kekal merupakan harta yang penting untuk negara dan juga masa depan anak-anak serta cucu cicit kita. Negara Malaysia dikurniakan dengan hutan hujan tropika yang berusia berjuta-juta tahun sebagai warisan alam semula jadi yang perlu kita memainkan peranan yang proaktif demi memastikan ia dilindungi dan dipelihara untuk masa depan negara.

Impak yang ketara akan muncul serta merta sekiranya usaha untuk melindungi dan memelihara kawasan hutan diabaikan atas kepentingan segelintir golongan yang tidak bertanggungjawab. Melihat kembali kepada insiden kejadian banjir kilat yang melanda Baling, Negeri Kedah pada bulan Julai tahun ini, ia bukan sahaja telah mengakibatkan kemusnahan harta, rumah dan kehilangan nyawa malahan Negeri Pulau Pinang turut terjejas akibat- kerana sumber air mentah dari Sungai Muda yang terlalu keruh telah mengakibatkan penghentian sementara loji rawatan air di Sungai Dua, Butterworth yang sekali gus telah menjejaskan bekalan air kepada hampir 80 peratus pengguna di seluruh Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, insiden ini perlu diambil sebagai pengajaran dan iktibar kepada kita untuk memberi penekanan dan mengambil tindakan serius bagi mengelakkan malapetaka yang sememangnya boleh dielakkan sebegini untuk kembali berlaku lagi.

Saya turut menyambut baik dan menyokong seruan Kerajaan Negeri Pulau Pinang supaya satu Lembaga Lembangan Ulu Muda dapat ditubuhkan oleh pihak kementerian untuk menjamin kelestarian Hutan Simpan Ulu Muda yang selanjutnya akan menjamin kelestarian kehidupan warganegara dari negeri-negeri utara.

Tuan Yang di-Pertua saya menyambut baik usaha untuk memperkenalkan RUU Perhutanan Negara ini khususnya pindaan pada seksyen 12, Akta Ibu untuk memperuntukkan klausa secara nyata iaitu kawasan tanah yang sama luas atau lebih besar perlu disediakan bagi menggantikan kawasan tanah yang dikeluarkan daripada sebahagian hutan simpan kekal.

Definisi yang lebih jelas ini akan membantu mengatasi kekeliruan sebagai mana yang ditakrifkan dalam Akta Ibu yang menggunakan terma lebih kurang sama atau, dengan izin *approximately equal* daripada keluasan tanah yang boleh digunakan untuk mengganti tanah yang telah dikeluarkan dari hutan simpanan kekal.

Namun demikian pindaan kepada seksyen 11 iaitu mekanisme kaedah untuk mengeluarkan hutan simpanan kekal dengan menjalankan suatu siasatan awam perlu diberikan penjelasan dan definisi yang lebih jelas bagi menjamin prosedur untuk mengeluarkan sebahagian kawasan tanah...

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Boleh tanya sedikit.

Puan Lim Hui Ying: ...Dari hutan simpanan kekal ini dikendalikan secara telus.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Boleh penjelasan.

Puan Lim Hui Ying: Boleh.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Okey terima kasih. Tuan Yang di-Pertua. Cadangan supaya negeri-negeri telah mengeluarkan tanah hutan simpan untuk dijadikan pembangunan diganti balik satu cadangan yang hebat tetapi mustahil di sesetengah negeri yang telah melakukan.

Negeri-negeri yang telah melakukan semua negeri yang maju-maju. Yang Berhormat Senator tahu atau tidak tahu bahawa negeri-negeri yang maju-maju inilah yang tidak mengganti balik kawasan hutan simpan yang telah dilepaskan demi pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik-baik.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Pindaan seksyen 11 ini tidak menyatakan kesan hasil siasatan awam terhadap pengeluaran kawasan dari hutan simpan kekal. Adakah ia bermaksud sekiranya selepas siasatan awam telah dibuat mengikut pindaan ini, sesebuah kawasan tersebut masih boleh dikeluarkan dari hutan simpan kekal meskipun terdapat bantahan yang ketara dan berasas? Saya berharap Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab dan kementerian dapat memberikan penjelasan selanjutnya terhadap klausa ini.

Tuan Yang di-Pertua pentafsiran dan definisi tanah dalam konteks RUU ini turut memainkan peranan yang penting untuk benar-benar mendatangkan perlindungan kepada hutan simpan kekal kita.

Merujuk kepada pindaan pada seksyen 12 yang menyatakan bahawa pihak berkuasa negeri hendaklah mengenal pasti sebuah kawasan tanah yang sama luas atau lebih besar sebagai kawasan untuk menggantikan hutan simpan kekal.

Namun definisi kawasan tanah ini terdapat ruang yang dieksploitasi kan. Sebagai contoh mengikut definisi tanah seperti mana yang dinyatakan dalam seksyen 5, Kanun Tanah Negara, tanah yang diliputi air misalnya di badan air seperti sungai dan laut juga boleh ditakrifkan sebagai kawasan tanah.

Adakah ini bermaksud bahawa tanah-tanah yang diliputi air ini boleh digunakan sebagai kawasan tanah untuk menggantikan kawasan hutan simpan kekal yang dikeluarkan. Saya berpendapat bahawa untuk memberikan perlindungan yang lebih berkesan kepada hutan simpan kekal kita, seksyen 12 yang dipinda ini bukan sahaja perlu mendefinisikan keluasan tanah secara nyata sahaja malah sifat jenis tanah yang perlu digunakan sebagai gantian perlu dinyatakan dengan lebih jelas. Jangan kita membenarkan penggunaan tanah yang diliputi air seperti sungai dan laut untuk menggantikan hutan simpan kekal yang menjadi khazanah kepada negara kita.

Akhir kata saya berharap beberapa isu berhubung dengan pindaan Akta Perhutanan Negara ini dapat dijelaskan dengan lebih teliti untuk memastikan RUU ini membawa makna yang ketara dan signifikan kepada usaha kita untuk mempertahankan dan melindungi hutan kita.

Saya juga ingin memohon makluman yang lebih lanjut berhubung dengan jumlah keluasan kawasan tanah yang telah digunakan untuk menggantikan hutan simpan kekal oleh setiap kerajaan negeri sejak tahun 2008 untuk mengetahui dengan lebih lanjut impak yang berkenaan berhubung dengan isu ini.

Semoga isu yang dibangkitkan dalam perbincangan ini dapat dijelaskan dengan lebih mendalam sebelum Dewan yang mulia ini mempertimbangkan RUU yang penting untuk melindungi khazanah negara kita. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Penghargaan kepada Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying.

Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan, sila.

2.58 ptg.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Salam sejahtera dan salam Keluarga Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberikan saya peluang untuk berbahas pada hari ini khususnya yang berkaitan dengan RUU Perhutanan Negara Pindaan 2022.

Saya melihat bahawa pindaan yang dilaksanakan ini adalah bagi memastikan kerangka perundangan perhutanan negara bergerak seiring dengan perkembangan semasa yang mencakupi aspek-aspek pencegahan pengambilan hasil hutan tanpa kebenaran.

Menambah baik dan memperkasakan pengurusan kawasan-kawasan HSK serta pembangunan sektor hutan negara. Saya sangat menyokong pindaan ini yang melibatkan 44 pindaan seksyen termasuk dua jadual penambahan 12 seksyen baharu. Penggantian lima seksyen dan pemotongan satu seksyen sedia ada.

RUU Perhutanan negara pindaan 2022 adalah bagi meminda Akta Perhutanan Negara 1986, Akta 313 buat kali yang kedua selepas 29 tahun iaitu setelah pindaan kali pertama pada tahun 1993.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian banjir di Malaysia khususnya banjir lumpur adalah berpunca daripada aktiviti menggondolkan hutan yang semakin berleluasa dan tidak terkawal. Kekurangan berlakunya bencana alam sejak kebelakangan ini bukan hanya kerana faktor semula jadi tetapi berpunca daripada kerakusan dan sikap manusia yang mengejar kekayaan hingga sanggup mengeksploitasi alam sekitar dengan aktiviti yang hanya menguntungkan untuk jangka masa pendek.

Sikap ini telah menyebabkan kemusnahan alam yang kekal selamanya serta menyebabkan kerugian daripada segi kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda. Pakar Geologi Kejuruteraan dan Mekanik Tanah dari Universiti Kebangsaan Malaysia Dr. Nor Shahidah binti Mohd Nazer pada tahun lalu pernah mengeluarkan kenyataan berkaitan dengan perkara ini.

Beliau menyatakan bahawa banjir yang melanda tidak akan seteruk sekarang jika pembersihan hutan khususnya pembalakan dilakukan secara terancang dan terkawal.

■1500

Beliau menegaskan bahawa negeri di Pantai Timur khususnya Pahang dan Terengganu menunjukkan ciri ketidakstabilan aspek geologi di mana geomorfologi perbukitan dan berlembah di dua buah negeri ini menyebabkan bencana alam boleh berlaku secara tidak terkawal. Pensyarah Kanan Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia, Prof. Madya Dr. Haliza Abdul Rahman berkata aktiviti pembalakan dan perubahan guna tanah hutan mendatangkan kesan buruk yang boleh mengundang kepada peningkatan kejadian bencana alam.

Di dalam Al-Quran telah menyatakan bahawa segala kerosakan yang berlaku di darat mahupun di lautan berpunca daripada perbuatan manusia sendiri. Firman Allah dalam Al-Quran bermaksud, *“Telah timbul pelbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia. Timbulnya yang demikian kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian daripada balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka lakukan supaya mereka kembali insaf dan bertaubat”*. Surah Ar-Rum, ayat 41.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu pembalakan yang tidak terkawal akan menyebabkan ancaman terhadap hidupan liar yang kini sedang menghadapi ancaman kepupusan. Baru-baru ini heboh di media sosial dengan tertularnya video kehadiran lebih 50 ekor gajah yang berkeliaran sehingga memasuki kawasan kediaman penduduk di Jalan Kahang Barat, Kluang. Perkara ini telah disahkan oleh Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara, PERHILITAN Johor, dan pihak PERHILITAN sedang berusaha untuk mengatasi konflik terbabit.

Pihak PERHILITAN dalam masa yang sama sedang melakukan kajian termasuk mengguna khidmat dron bagi mengenal pasti punca habitat gajah yang semakin mengecil di negeri Johor. Walaupun habitat gajah tersebut dikenal pasti berada di sekitar hutan

Kluang, Mersing dan Kota Tinggi hingga ke Taman Negara Endau Mersing, namun dalam laluan gajah ini mungkin terdapat gangguan-gangguan yang menyebabkan tersasar daripada kumpulan utamanya.

Pindaan RUU kali ini bertujuan menambah baik dan memantapkan pengurusan kawasan-kawasan hutan simpanan kekal dan penguatkuasaan hutan, peningkatan kadar denda dan hukuman ke atas kesalahan hutan melalui pindaan ke atas seksyen 21 merupakan langkah yang sangat baik. Kadar hukuman kesalahan hutan iaitu denda maksimum bermula RM20 ribu hingga RM5 juta berbanding akta asal iaitu antara RM10 ribu hingga RM500 ribu. Selain itu, hukuman penjara maksimum dinaikkan kepada tujuh tahun hingga 20 tahun melalui pindaan seksyen 15, bentuk hukuman kesalahan dikategorikan mengikut kesalahan melibatkan hasil utama hutan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting adalah pindaan akta ini akan memperkukuhkan lagi pengurusan kawasan hutan simpanan kekal dan penguasaan hutan boleh membanteras pembalakan haram. Minta seminit.

Tuan Yang di-Pertua: Habiskan ayat akhir. Gulung Yang Berhormat.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Pembalakan haram selain meningkatkan kadar denda dan hukuman serta penalti tambahan bagi membendung kesalahan hutan. Adalah sangat penting bagi kerajaan untuk meningkatkan keyakinan rakyat dan masyarakat antarabangsa terhadap komitmen dalam mengurus isu-isu berkaitan sosial, ekonomi dan alam sekitar sama ada di peringkat Kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri.

Adalah sangat penting pihak kerajaan mengambil tindakan yang sesegera mungkin apabila menerima laporan atau aduan, apabila disyaki berlakunya pembalakan haram atau pembalakan di luar kebenaran yang diberikan.

Saya ingin mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri Kelantan kerana telah mengambil tindakan segera pada bulan April yang lalu apabila tindakan Menteri Besar, Ustaz Dato' Bentara Kanan, Ahmad Yakob membatalkan lesen pembalakan di kompartmen 99 dan 100 yang terletak bersebelahan kawasan tadahan air digunakan penduduk bagi menjamin sumber air yang mencukupi untuk kegunaan penduduk di beberapa buah kampung. Walaupun lesen pembalakan telah diberikan, namun akibat daripada kesan pembalakan, akan memberikan kesan kepada kawasan tadahan air yang akan menjejaskan keperluan air hampir 7,000 orang penduduk, maka lesen tersebut telah dibatalkan.

Ini merupakan satu contoh yang perlu diikuti oleh kerajaan negeri yang lain. Maka dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan Rang Undang-undang Perhutanan Negara (Pindaan) 2022. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kembali. Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek.

3.06 ptg.

Puan Fadhlina binti Dato' Sidek: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas ruang untuk saya membahaskan sedikit sahaja berkaitan dengan Rang Undang-undang Perhutanan Negara 1984 ini.

Saya ingin mulakan Tuan Yang di-Pertua dengan memetik satu puisi daripada Sasterawan Negara, Usman Awang yang dideklamasikan dengan penuh harapan kepada isu berkaitan hutan ini iaitu dalam sebuah puisi yang bertajuk, *Surat dari Masyarakat Burung kepada Datuk Bandar*.

Tuan Datuk Bandar,

*Kami masyarakat burung,
Telah mengadakan mesyuarat agung,
Pada suatu pagi yang manis dan ranum,
Di atas bangunan Parlimen yang kosong.*

*Seluruh kaum burung telah diwakili,
Oleh para cerdik pandainya kecuali
Perwakilan burung gagak yang sibuk dengan urusan kematian,
Penembakan bangkai hanyut di Sungai Klang.*

*Tapi manusia kota ini telah membunuh kehijauan alam,
Semata-mata untuk mengejar kehijauan ringgit.*

Tuan Datuk Bandar,

*Surat ini merayu kebijaksanaan tuan,
Peliharalah tiap pucuk dan akar tumbuh-tumbuhan,
Tiap helai daun, tiap kelopak bunga, tiap kerimbunan.*

*Itulah rumah kami, kediaman kami turun temurun,
Malah demi kesejahteraan manusia,
Kesihatannya, kebahagiaannya, kedamaiannya,
Alam semula jadi seribu keindahan mekar,
Di bawah matahari bersinar.*

Tuan Yang di-Pertua, saya pertamanya ingin mengucapkan tahniah atas rang undang-undang ini kerana setelah meneliti rang undang-undang ini saya mendapati bahawa rang undang-undang sangat komprehensif, sangat tebal. Dalam masa yang sama, ada beberapa perkara yang saya rasa sangat penting untuk kita lihat sama ada rang undang-undang ini benar-benar mewakili sebuah pindaan yang boleh diterjemahkan dalam bentuk tindakan.

Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, soal berkaitan dengan yang terkait rapat dengan pesalah hutan simpan kekal berhadapan dengan hukuman yang lebih berat. Ini yang kita hendak lihat diterjemahkan dalam bentuk tindakan yang benar-benar memaknai soal hukuman ini, dan *enforcement*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kerana kerisauan kita pada hari ini Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri adalah berkaitan dengan *enforcement* sekali lagi dengan izin Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang yang tidak cukup menggigit ataupun tidak cukup untuk menafikan aktiviti-aktiviti pembalakan haram ini khususnya dan memelihara hutan ini khususnya.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya ingat yang penting juga merupakan soal mengawal proses pewartaan keluar dan penggantian hutan simpan kekal. Ini yang telah dibahaskan oleh rakan-rakan saya sebentar tadi.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanyakan kepada Timbalan Menteri ataupun Menteri isu berkaitan dengan sinergi kuasa. Apabila kita bercakap tentang soal mengawal proses pewartaan keluar hutan dan sebagainya ini, kita mahukan satu jaminan bagaimanakah sinergi kuasa di antara Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri khususnya dalam rundingan, pampasan, pemuliharaan, dan perlindungan. Ini sangat penting supaya kesan yang kita dapat lihat khususnya dalam polisi-polisi, dalam penyediaan bencana dan juga kesan implikasi rang undang-undang ini seterusnya dalam bentuk penguatkuasaan, hukuman terhadap implikasi kepada perubahan iklim.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin akhiri perbahasan ini dengan memetik apa yang telah- oleh Profesor Syed Muhammad Al-Naquib Al-Attas sebagai bencana yang diakibatkan oleh kehilangan nilai kudus pada alam yang beliau sebut Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *the sacred value of nature*.

■1510

Beliau menyatakan bahawa, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *“Nature has become desacralised for modern man”* yang membawa maksud, manusia moden telah melakukan proses desakralisasi terhadap alam iaitu menafikan nilai-nilai kudusnya.

Sebab itulah perbincangan daripada rakan saya sebentar tadi Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook berkaitan dengan pemuliharaan dan juga perlindungan kepada minoriti Orang Asli ini terkait rapat dengan isu menafikan nilai-nilai kudus alam ini lalu dilihat sebagai sebuah objek untuk dinikmati dan dieksploitasi semahu-mahunya.

Menurut beliau lagi, Tuan Yang di-Pertua, celakanya alam yang telah dilacurkan. Dengan izin, *the condition of prostitute nature* itu telah menjadi rosak sehingga tidak dapat dimanfaatkan lagi dan keadaan inilah sebenarnya lebih mengkhawatirkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan hari ini, hutan dalam negara kurang daripada 18 peratus saki baki yang tinggal termasuk di Semenanjung, Sabah dan Sarawak adalah sangat penting bagi rang undang-undang ini dilihat bukan sahaja sebagai rang undang-undang yang komprehensif tetapi mampu menterjemahkan soal hukuman, penguatkuasaan dan juga pemuliharaan alam yang sakral untuk semua kehidupan manusia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itu sahaja. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: *Waalai kumsalam*. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ahmad bin Yahaya.

3.11 ptg.

Dato' Haji Ahmad bin Yahaya: *Assalamualaikum*, salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan perbincangan berkaitan dengan Rang Undang-undang Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 dengan serangkap pantun, Tuan Yang di-Pertua.

*Mendung gerimis sedikit hujan,
Pohon dan dahan basah semua;
Mari kita menjaga hutan,
Hutan itu paru-paru dunia.*

Terima kasih. Sebelum memulakan perbincangan, saya ingin mengambil peluang ini mewakili negeri Kedah untuk menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang tampil membantu meringankan beban mangsa tragedi kepala air di Perkampungan Iboi dan sekitarnya pada Julai yang lalu di Baling. Ini musibah yang sangat menyedihkan.

Tuan Yang di-Pertua, pertama, saya ingin membangkitkan pindaan seksyen 11 iaitu yang menghendaki pihak negeri menjalankan siasatan awam sebelum mengeluarkan mana-mana kawasan tanah dari hutan simpanan kekal. Begitu juga dengan seksyen 12 yang menghendaki pihak berkuasa negeri mengenal pasti mana-mana kawasan tanah yang sama atau lebih besar daripada kawasan tanah yang akan dikeluarkan bagi menggantikan kawasan tanah itu sebagai hutan simpanan kekal.

Apa yang saya kira sangat signifikan dengan pindaan kali ini adalah berkenaan dengan frasa, *“Warta pemberitahuan pengeluaran kawasan tanah dari Hutan Simpanan Kekal tersebut hendaklah disiarkan secara serentak dengan warta pemberitahuan penggantian kawasan ganti Hutan Simpanan Kekal.”* Saya berpandangan, kedua-dua pindaan seksyen ini sebagai suatu langkah proaktif daripada Kementerian.

Walaupun kita sedia maklum aspek hutan ini adalah di bawah tanggungjawab kerajaan negeri, cuma kita juga perlu faham bahawa tanggungjawab menjaga kelestarian hutan dalam negara merupakan isu besar. Malah kita juga mempunyai komitmen di peringkat global tentang perkara ini. Perkara ini termasuk menjadikan hutan taman negeri sebagai hutan simpanan kekal.

Di Kedah, kawasan yang telah mendapat kelulusan aktiviti pembalakan sebelum daripada ini berjumlah 75 ribu hektar secara keseluruhannya. Di Ulu Muda, kawasan yang diluluskan kira-kira berjumlah 25 ribu hektar. Jika ikutkan kepada kuota Caturan Tebangan Tahunan (CTT) bagi negeri Kedah kira-kira 4,200 hektar setahun, bermaksud kelulusan aktiviti pembalakan ini akan berlangsung selama kira-kira 18 tahun ke depan.

Di Gunung Inas yang berkait dengan tragedi kepala air di Baling baru-baru ini, mendapat kelulusan sehingga 5,000 hektar pada tahun 2007. Situasi yang saya bentangkan ini adalah realiti yang sedang dihadapi oleh negeri Kedah. Kerajaan negeri semasa tidak mempunyai pilihan melainkan meneruskan aktiviti pembalakan tersebut kerana sebahagian besar syarikat pemegang konsesi telah menjelaskan premium kepada kerajaan negeri. Malah, implikasi undang-undang kemudiannya sangat besar kepada kerajaan negeri jika tidak diteruskan.

Oleh sebab itu, langkah mengenal pasti kawasan hutan untuk dijadikan kawasan ganti serta pengeluaran warta secara serentak seperti yang terkandung dalam pindaan seksyen 11, 12 ini sangat mustahak untuk disokong. Saya berpandangan inilah elemen kebertanggungjawaban kepada pihak yang terlibat untuk mengeluarkan hasil hutan yang dibenarkan.

Cuma, saya ingin tahu, bagaimana jawatankuasa penilaian dan perundingan di antara Kerajaan Pusat, kerajaan negeri dan Jabatan Perhutanan akan dibentuk bagi memastikan kedua-dua seksyen ini dapat dikuatkuasakan secara efektif?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit berkaitan tragedi kepala air di Kampung Iboi, Baling. Saya meneliti laporan yang menyebut mengenai fenomena proses geologi berangkai iaitu kejadian tanah runtuh serentak secara meluas akibat cetsan hujan lebat dengan kapasiti tinggi selain hakisan tanah akibat ladang hutan.

Dalam kes Gunung Inas, kita sedia maklum bahawa sepatutnya pasca pengeluaran hasil hutan simpan tersebut, kerja penanaman semula di kawasan tersebut diserahkan kepada Kumpulan Ladang Perbadanan Negeri Kedah bagi menanam tanaman dari spesies getah klon balak iaitu TLC.

Ladang hutan di negeri Kedah sepatutnya 15 ribu hektar tetapi ketika disemak oleh kerajaan negeri pada tahun 2020, kawasan yang diluluskan 22 ribu hektar, melebihi daripada kuota ladang hutan yang ditetapkan.

Tambahan lagi, kementerian juga telah memaklumkan mengenai penanaman Durian Musang King kini telah berjumlah 5,000 batang pokok di 52 hektar dikatakan mendapat kebenaran sejak tahun 2017. Saya berharap pihak kementerian dapat menjelaskan secara terperinci bagaimana spesies Durian Musang King ini dibenarkan untuk ditanam meskipun pada asalnya ia telah melanggar syarat penanaman ladang hutan. Bagaimanakah mungkin kementerian boleh mengunjurkan penyelesaian terhadap perkara sebegini?

Oleh sebab itu, perlu ada semak dan imbang terhadap aspek ladang hutan. Sama ada kementerian mengambil pendirian proaktif terhadap pengeluaran hutan simpan, kita tidak mahu isu tanaman ladang hutan yang bertentangan dengan spesies tanaman yang dibenarkan berlaku ini berulang lagi pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah.* Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya juga mewakili DUN Kedah turut mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua atas ruang dan peluang untuk turut membahaskan sedikit berkaitan dengan Rang Undang-undang Perhutanan Negara (Pindaan) 2022.

Apa pun perbahasan kita, yang penting, kita kena sedar hutan ini adalah di bawah kuasa kerajaan negeri masing-masing. Sejak sekian lama, hasil hutan, sama ada dalam bentuk premium dan sebagainya, merupakan pendapatan penting setiap negeri. Namun, kini ia telah semakin berubah setelah mengambil kira peredaran masa dan juga pembangunan negara. Dan yang lebih penting, kekurangan pula pokok hutan untuk ditebang. Jadi, negeri-negeri tiada pilihan. Maka sudah tentulah bagi negeri-negeri yang tidak berapa maju, yang agak miskin seperti Kedah dan juga Kelantan, perlu dibantu oleh kerajaan melalui peruntukan-peruntukan tertentu.

■1520

Kita kena sedar bahawa, apabila sesebuah dan sesuatu kawasan hutan, kompartmen hutan itu dibenarkan ditebang, gantian hutan itu mengambil masa yang agak lama. Kita sedar ada program dalam bahasa Inggeris, dengan izin, *reafforestation*, penghutanan semula dijalankan. Namun, para pelabur kurang menyambut baik kerana pulangan pelaburan itu lambat. Kemudian, hasilnya juga tidak menentu.

Jadi, sudah tentulah seperti dalam beberapa klausa yang hendak dipinda ini, antaranya seksyen 7, 11, 8, 9 dan juga 15, bercakap tentang hutan simpan kekal. Jadi, apabila sesebuah kawasan dicadangkan untuk dibuatkan pembangunan atau diubah taraf tanah itu, perlu diganti semula dengan kawasan baharu.

Maka, ini pada saya merupakan satu kekangan semua negeri. Sukar untuk sesebuah negeri mencari kawasan tanah yang seluas, yang sama luas, untuk digazet menjadi hutan simpan kekal. Sudah tentu kita mempunyai banyak contoh sebelum ini. Kita bercakap soal apa yang berlaku di Lojing dan Gua Musang di Kelantan. Begitu juga di Cameron Highlands. Namun di Kedah, kita juga mengalami masalah yang sama kesan daripada mungkin pengurusan hutan yang tidak tepat dan tidak betul sejak sekian lama seperti apa yang berlaku, kepala air di Gunung Jerai pada Ogos 2021.

Begitu juga baru-baru ini, Julai 2022 di Kampung Iboi, Baling seperti mana yang disebut sebentar tadi oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ahmad bin Yahaya dari Kedah juga. Jadi, apabila berlaku sesuatu perkara seperti ini, musibah ini, maka pelbagai polemik disebut dan di cakap oleh pelbagai pihak sama ada dalam konteks politik, tuding jari dan sebagainya.

Namun, yang penting ialah mangsa yang menerima kesan daripada kejadian ini perlu dibela. Tindakan susulan perlu dibuat segera. Kita menyedari bahawa apabila sesuatu dasar kelulusan mana-mana kerajaan negeri membenarkan penebangan hutan malahan penggondolan hutan ini, kesannya selalu akan mengambil masa yang agak lama baru hendak berlaku.

Contohnya, macam di Kedah, di Baling dari tahun 2008 sudah dimulakan perkara ini, namun tahun 2022 baru berlaku. Jadi, sudah tentulah ia mengambil masa yang agak lama dan ia memberi kesan kepada siapa jua sekarang yang menjadi ketua pentadbir negeri. Beliau tidak dapat menyelesaikan masalah ini kerana kesannya yang berlaku akibat daripada keputusan yang dibuat terdahulu.

Jadi, sudah tentulah kita memerlukan satu komitmen kesemua pihak, tidak kira kerajaan negeri mahupun Kerajaan Pusat untuk memastikan mana-mana kawasan yang hendak ditebang itu, diluluskan kawasan pembalakan itu, perlu diganti semula dengan program perhutanan semula seperti mana yang berlaku di Sabah dan sebagainya.

Satu lagi perkara, seperti yang juga disebut oleh rakan saya. Di Kedah, di Hutan Simpan Ulu Muda dan juga di Pedu yang merupakan satu lembangan kawasan tadahan

air yang bukan hanya membekalkan bekalan air domestik, namun yang lebih penting ia membekalkan untuk kawasan tanaman sawah, melibatkan lebih 130 ribu hektar tanah dan sudah pun dicerobohi. Sepatutnya, kawasan hutan simpan kekal ini tidak boleh dicerobohi.

Namun, mungkin keputusan kerajaan negeri membenarkannya kerana mungkin hasil perbelanjaan negeri tidak cukup dan terpaksa membenarkan pembalakan dibuat supaya dapat premium dan sebagainya. Namun, saya bimbang kalau apa yang akan berlaku mungkin 10, 15 atau 20 tahun yang akan datang. Kesan pembalakan yang sedang dijalankan ketika ini dan malahan beberapa tahun yang lalu akan memberi kesan yang buruk untuk bekalan air seperti juga ke Pulau Pinang dan sebagainya.

Jadi, ini sudah tentulah memerlukan satu tindakan segera yang berkesan. Koordinasi antara Kerajaan Pusat dan negeri untuk memastikan bahawa kawasan-kawasan seperti ini, walaupun dibenarkan penebangan hutan, perlu diganti semula dengan segera. Kalau tidak, kita bimbang, 10, 15 atau 20 yang akan datang, generasi akan datang akan mewarisi masalah pula.

Selain itu, kita juga sering selalunya mengambil tindakan reaktif ataupun tindakan apabila sesuatu musibah berlaku, maka baru tindakan diambil, pelbagai bantuan dan sebagainya. Contoh di Baling hari ini, 17 buah rumah perlu diganti secara total. Rosak sepenuhnya, maka pelbagai agensi datang. Tuding-menuding jari antara kerajaan negeri, Kerajaan Pusat dan sebagainya berlaku.

Jadi, ini tidak perlu sebab rakyat perlu dibela dengan segera kerana mereka sudah tidak ada rumah, keluarga, malahan ada yang hilang nyawa.

Jadi, sudah tentulah memerlukan satu tindakan menyeluruh daripada segi kementerian melalui Mesyuarat Jawatankuasa Hasil Bumi Negara, dan sebagainya. Jadi, cadangannya kita perlu, saya rasakan kerajaan perlu memasukkan syarat tanah supaya kawasan hutan kekal itu tidak boleh ditanam dengan pokok apa-apa. Musang King kah, rambutan kah, walaupun durian yang pelbagai ini kononnya mempunyai hasil ekonomi yang tinggi tetapi ia perlu diganti dengan hutan.

Jadi, ini merupakan satu masalah yang saya kira, tidak kira sama ada hutan balak, getah dan sebagainya. Ini merupakan satu perkara yang saya kira perlu ditangani segera oleh kementerian kerana kita bimbang dasar-dasar yang kita tidak ambil endah ini berlaku dan kesannya hanya akan dapat dilihat 10, 15 dan 20 tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam* dan kembali. Dijemput Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz bin Ariffin.

3.26 ptg.

Tuan Haji Aziz bin Ariffin: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. *Alhamdulillah* dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya sama-sama turut membahaskan pindaan Akta Perhutanan Negara 1984 yang bertujuan untuk memantapkan penguatkuasaan hutan dalam membanteras kegiatan pengambilan hasil hutan tanpa kebenaran dan meningkatkan pelaksanaan aktiviti pemeliharaan serta pemulihan hutan.

Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh usaha pihak kerajaan terhadap pindaan ini bagi memastikan kelestarian serta meningkatkan perlindungan terhadap hutan simpan kekal di Malaysia. Melalui pindaan seksyen 11 melalui RUU ini, sehubungan dengan isu pengeluaran kawasan tanah dari hutan simpan kekal tertakluk kepada dua syarat yang penting.

Syarat yang pertama Tuan Yang di-Pertua ialah sebelum mengeluarkan mana-mana kawasan tanah dari hutan simpan kekal, pihak berkuasa negeri hendaklah menjalankan suatu siasatan awam mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan oleh kerajaan negeri. Syarat kedua ialah sekiranya pihak berkuasa negeri berniat untuk mengeluarkan mana-mana kawasan tanah daripada suatu HSK, pihak berkuasa negeri

hendaklah mengenal pasti sebuah kawasan tanah yang sama luas atau lebih besar bagi menggantikan kawasan tanah yang akan dikeluarkan itu sebagai hutan simpanan kekal.

Syarat tersebut adalah berketepatan pada saat jumlah hutan di seluruh negara semakin berkurangan saban hari. Jumlah terkini hanyalah sebanyak 18.2 juta hektar yakni 55 peratus manakala jumlah hutan simpanan kekal berjumlah 10.92 juta hektar. Tuan Yang di-Pertua, semenjak tahun 1992, Malaysia telah menyatakan komitmen dalam Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil untuk mengekalkan kawasan hutan sekurang-kurangnya 50 peratus.

Melalui pindaan RUU kali ini, sudah pastinya kita mampu mengekalkan jumlah hutan di seluruh negara agar berada pada tahap yang lebih selamat pada masa hadapan. Namun Tuan Yang di-Pertua, apa yang perlu kita titik beratkan merupakan ketegasan dalam melakukan sesuatu penguatkuasaan. Sejauh manakah penguatkuasaan dapat dilaksanakan dan apakah jaminan dan tahap ketelusan terhadap suatu projek ataupun aktiviti yang melibatkan kawasan hutan?

Tuan Yang di-Pertua, banyak rungutan serta aduan yang diterima daripada orang ramai dan pihak pertubuhan bukan kerajaan mengenai bagaimana undang-undang berkaitan yang sedia ada didakwa tidak memihak kepada alam sekitar. Sebaliknya memberi kelebihan kepada pihak-pihak tertentu untuk menghalalkan aktiviti mereka.

■1530

Hutan sangatlah penting bagi kita kerana ia menyediakan bekalan udara, air bersih, sumber makanan yang diperlukan juga sebagai kawasan tadahan hujan bagi mengelak tragedi banjir dan tanah lumpur. Banyak bencana dan kemusnahan alam yang berlaku akibat daripada kerakusan manusia sendiri yang telah melakukan pembalakan haram dan pembukaan hutan secara berleluasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya menerima baik tindakan untuk meningkatkan kadar denda ataupun penalti terhadap para pesalah bagi memastikan bahawa pindaan kali ini adalah suatu pindaan yang serius untuk melindungi hutan negara. Bagi penalti kesalahan di bawah seksyen 84(1) iaitu kesalahan memiliki hasil hutan secara haram, hukuman denda dinaikkan sehingga maksimum RM200 ribu.

Manakala hukuman penjara pula dinaikkan daripada lima tahun kepada 10 tahun. Bagi kesalahan di bawah seksyen 82, iaitu, larangan ke atas pembakaran, denda dinaikkan kepada RM100 ribu berbanding RM50 ribu sebelum ini atau di penjara tujuh tahun. Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin menekankan objektif utama pindaan rang undang-undang ini dilaksanakan adalah untuk memantapkan penguatkuasaan hutan.

Persoalannya di sini Tuan Yang di-Pertua, adakah kementerian mempertimbangkan untuk membekalkan Pegawai Perhutanan yang bertugas dengan kelengkapan yang canggih mengikut peredaran zaman seperti dron dan kamera badan berkapasiti tinggi dalam urusan pemantauan di hutan kekal.

Di samping itu juga, suka saya memberi peringatan terhadap pihak yang bertanggungjawab untuk memastikan kebajikan para petugas terus terjamin dan terpelihara, memandangkan risiko kerja bagi Pegawai Perhutanan adalah tinggi dan berdepan dengan pelbagai ancaman termasuklah ancaman semula jadi. Seterusnya, pindaan baru ini dalam seksyen 96A dalam akta ini juga memberi kuasa kepada Pegawai Hutan untuk mengadakan sekatan jalan raya bagi tujuan penguatkuasaan. Saya khawatir akan wujud ancaman keselamatan terhadap pihak penguatkuasaan hutan ketika mengadakan sekatan jalan raya oleh individu yang tidak bertanggungjawab.

Persoalannya, apakah bentuk perlindungan diri yang disediakan terhadap Pegawai Hutan yang bertugas menjalankan sekatan jalan raya ataupun adakah setiap

sekatan jalan raya akan disertai oleh pihak berkuasa lain seperti polis dan askar sebagai suatu operasi bersepadu agensi-agensi penguatkuasaan?

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkaitan dengan amalan rasuah. Tidak kira apa jua usaha perancangan dan penggubalan undang-undang yang dibuat akan menjadi sia-sia sekiranya amalan rasuah terus dibelenggu dan tidak dikawal. Apakah perancangan pihak kementerian bagi memastikan pegawai bertugas terhindar daripada melakukan amalan yang terkutuk itu dan terus memberikan fokus untuk memastikan kelestarian hutan kita akan terus terpelihara? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang.

Tuan Yang di-Pertua: Kembali. Akhirnya yang Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh.

Selepas itu, diminta Yang Berhormat Menteri bersedia untuk menjawab.

3.34 ptg.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya juga pada petang ini dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 2022.

Tuan Yang di-Pertua, sungguh tumbuh-tumbuhan adalah antara manfaat kurniaan Tuhan kepada kehidupan manusia dan juga alam semesta. Firman Allah SWT... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Yang bermaksud, *"la yakni Allah menciptakan langit yang tidak bertiang seperti yang kamu melihatnya. Ia mengadakan di bumi gunung-ganang yang mantap agar bumi tidak menghayunkan kamu. Ia biakkan padanya pelbagai jenis binatang dan kami, yakni Allah turunkan hujan dari langit. Lalu, kami tumbuhkan pelbagai tanaman yang memberi banyak manfaat."* Surah Luqman :10

Namun, kerana kerakusan manusia yang tamak haloba, pelbagai nikmat semual jadi bertambah musnah. Tuan Yang di-Pertua, pertama, saya menyambut baik pindaan seksyen 11 Akta Perhutanan yang mewajibkan mana-mana pihak yang berhasrat untuk menyahwartakan mana-mana Hutan Simpan Kekal untuk terlebih dahulu menjalankan siasatan awam.

Saya melihat menjadi satu keperluan untuk mewujudkan *townhall*, dengan izin, yang melibatkan agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan dan Saliran dan PERHILITAN serta agensi-agensi lain. Pandangan daripada masyarakat sekitar amat diperlukan, terutama penduduk yang terkesan dengan projek-projek pembalakan, pembangunan dan pelandangan.

Saya ingin bertanya berkaitan dengan kelulusan sesuatu projek pembalakan. Bagaimanakah kaedah siasatan awam dan SOP yang dijalankan? Saya juga melihat menjadi suatu keperluan untuk pihak kerajaan menyediakan satu mekanisme yang komprehensif bagi memerangi campur tangan pihak-pihak yang berkepentingan seperti orang tengah yang mempunyai modal yang sangat besar.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, terdapat sebahagian hutan di setiap negeri yang masih belum digazetkan sebagai Hutan Simpan bagi tujuan menjaga kepentingan Hutan Simpan Kekal untuk generasi kita akan datang. Oleh itu, saya berpendapat perlunya lebih banyak pewartaan Hutan Simpan Kekal di setiap negeri. Memandangkan kuasa pewartaan tertakluk di bawah bidang kuasa kerajaan negeri masing-masing, saya ingin menimbulkan persoalan apakah inisiatif oleh kerajaan untuk menggalakkan lebih banyak pewartaan Hutan Simpan Kekal oleh kerajaan negeri? Mohon pencerahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa wujudnya beberapa buah platform perundingan sedia ada di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri iaitu,

Majlis Tanah Negara, Majlis Perancang Fizikal Negara, Majlis Negara Kerajaan Tempatan dan Majlis Tindakan Perubahan Iklim Malaysia.

Namun, sejauh mana keberkesanan platform perundingan ini dalam memantau usaha pemeliharaan dan pemuliharaan hutan simpan di negara ini secara holistik sejak sekian lama. Hal ini berikutan pelbagai bencana alam yang telah disebut oleh sahabat-sahabat Senator saya sebentar tadi. Sebelumnya, di daerah Hulu Langat dan Bentong yang memusnahkan tempat tinggal dan harta benda penduduk dalam skala besar.

Tuan Yang di-Pertua, hujan lebat mencecah 1,000 milimeter dan gelincir tanah menjadi punca berlakunya banjir puing di kawasan Sungai Terengganu, berhampiran Stesen Jana Kuasa Hidroelektrik Sultan Mahmud, Tasik Kenyir baru-baru ini.

■1540

Laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu sekali gus menangkis dakwaan sesetengah pihak bahawa kejadian tersebut berlaku oleh sebab aktiviti pembalakan. Oleh itu, saya ingin bertanya sejauh mana usaha dan inisiatif pemuliharaan di kawasan tersebut telah dilaksanakan?

Mohon penjelasan kerajaan. Sekian, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kembali kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh. Sebelum Yang Berhormat Menteri menjawab, diberi petua supaya jawapan itu tidak melebihi 15 minit. Dipersilakan.

3.40 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli [Datuk Ali anak Biju]: Salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih atas keprihatinan semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 pada hari ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini seramai 13 orang Ahli Yang Berhormat Senator telah membahaskan isu berkaitan dengan rang undang-undang ini. Saya mulakan jawapan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair.

Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas bertanya adakah tindakan yang dilakukan oleh KeTSA dalam memelihara Tasik Chini. KeTSA sentiasa komited serta menyokong komitmen dan usaha Kerajaan Negeri Pahang dalam memelihara tapak Rizab Biosfera Tasik Chini.

Bagi tujuan ini, KeTSA telah menyediakan peruntukan sebanyak lebih RM1.5 juta setiap tahun 2016 bagi melaksanakan pelbagai kajian di Tasik Chini termasuk kajian kualiti air. Terdapat 15 buah stesen pemantauan kualiti air di Tasik Chini dengan kekerapan pemantauan sekali sebulan di setiap stesen.

Secara umumnya, di dapati bahawa data kualiti air bagi tahun 2020 hingga Jun 2022 menunjukkan kualiti air Tasik Chini dalam kategori bersih. Kerajaan Persekutuan melalui KeTSA juga telah menyediakan peruntukan *Ecological Fiscal Transfers (EFT) for Biodiversity and Conservation* kepada Kerajaan Negeri Pahang dan sebanyak RM4.018 juta telah digunakan bagi tujuan menambah baik pengurusan Tasik Chini untuk tempoh tahun 2019 dan tahun 2021.

Bagi tahun 2022, sebanyak RM800 ribu diperuntukkan di bawah inisiatif bajet Kumpulan Wang COVID-19 Kementerian Kewangan Malaysia bagi melaksanakan program pemulihan dan penghutan semula kawasan Tasik Chini termasuk dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal Tasik Chini. Selain itu, tiada operasi perlombongan yang

dibenarkan di dalam kawasan tapak Rizab Biosfera Tasik Chini. Sebarang permohonan baharu atau penyambungan surat kelulusan Skim Pengendalian Melombong bagi tapak perlombongan dalam kawasan tapak Rizab Biosfera Tasik Chini juga tidak dipertimbangkan.

Ini adalah selaras dengan dasar semasa kementerian iaitu untuk tidak menyokong dan mengeluarkan surat SKSPM atas tanah berstatus Hutan Simpanan Kekal (HSK) atau rizab perlindungan dan kawasan yang diwartakan sebagai Kawasan Sensitif Alam Sekitar. KSAS sebagai *initial focal point* bagi program *Man and the Biosphere* sentiasa menyokong usaha kerajaan negeri dalam memelihara dan mempertahankan statusnya sebagai tapak Rizab Biosfera UNESCO.

Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas juga mencadangkan untuk mewujudkan kawasan khas pertanian di Negeri Sembilan di bawah seksyen 10, Akta Perhutanan Negara. Pihak kementerian berpandangan cadangan ini tidak wajar dilaksanakan kerana bertentangan dengan Dasar Perhutanan Malaysia (DPM) dan Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia (DPSM) yang mana usaha memelihara, memulihara dan menjaga kawasan HSK menjadi teras utama dan objektif dasar tersebut. Malah, pengelasan hutan dalam seksyen 10, Akta Perhutanan Negara adalah menjurus kepada usaha untuk mengekalkan kelestarian ekosistem dan biodiversiti hutan.

Seterusnya, saya ingin menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Ajis bin Sitin yang berpandangan bahawa pindaan ini perlu dibuat semula dengan mengambil kira kepentingan Orang Asli. Untuk pengetahuan Yang Berhormat sekalian, pindaan RUU ini telah mengambil kira kepentingan Orang Asli dengan memasukkan seksyen baharu 60A yang berkaitan pengurangan atau pengecualian pembayaran ses pembangunan hutan bagi hasil hutan yang diambil oleh Orang Asli dari Hutan Simpanan Kekal, tanah kerajaan, tanah rizab, tanah lombong dan tanah bermilik untuk kegunaan seperti yang disenaraikan dalam akta antaranya untuk pembinaan pondok sementara dan untuk kegunaan domestik.

Selain pindaan seksyen baharu 60A tersebut, Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] yang sedia ada juga mengambil kira kepentingan Orang Asli di mana terdapat beberapa pengecualian kepada Orang Asli seperti di bawah subseksyen 40(3), Akta 313 yang memperuntukkan pengecualian lesen bagi apa-apa hasil hutan dipindahkan Orang Asli dari tanah bermilik untuk kegunaan sendiri seperti yang disenaraikan dalam Akta 313.

Selain itu...

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan. Okey, katalah Orang Asli ini, dia cari rezeki dia rezeki hutan. Rotan, pokok depu, dengan izin. Boleh tidak boleh dia keluarkan rotan itu untuk jual supaya boleh dijadikan perabot-perabot rotan? Okey, sekarang dia memang tempat tinggal dia di dalam hutan itu. Terima kasih.

Datuk Ali anak Biju: Pada asanya memang penggunaan untuk domestik dibenarkan. Akan tetapi, untuk guna komersial untuk penjualan tidak dibenarkan. Itu pada asasnya. Pada umumnya. Ini yang saya boleh jawab sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, teruskan.

Datuk Ali anak Biju: Selain tu, subseksyen 62(2)(b) Akta 313 pihak berkuasa negeri boleh mengurangkan atau melepaskan bayaran royalti bagi hasil hutan yang diambil oleh Orang Asli dari tanah kerajaan, tanah bermilik bagi kegunaan disenaraikan di bawah subseksyen tersebut.

Di samping itu, isu dan perkara berbangkit berkaitan Orang Asli dan tindakan penyelesaian telah dibincangkan dan diselaraskan bersama dalam mesyuarat Jawatankuasa JPSM, JAKOA yang diadakan secara bergilir antara dua buah jabatan dengan kekerapan dua kali setahun. Oleh yang demikian, dakwaan pindaan RUU ini mencengkam kehidupan masyarakat Orang Asli adalah tidak berapa tepat, malahan ia bersifat lebih kepada menjaga kelestarian hutan yang akhirnya akan memanfaatkan masyarakat Orang Asli sendiri.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Mohon penjelasan.

Dato' Ajis bin Sitin: Mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak buat penjasankah hendak...

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Hendak minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada dua orang hendak...

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Saya beri dia dulu fasal dia Ketua Pengarah JAKOA dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Beliau hanya ada 15 minit. Jadi, hati-hati dengan persoalan diberikan.

Dato' Ajis bin Sitin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang ini. Okey, di Malaysia kita ada sebanyak 850 buah kampung Orang Asli. Kebanyakan kampung ini sekarang ini berada dalam kawasan Hutan Simpan Kekal. So, apakah tindakan kementerian untuk memurnikan kampung-kampung ini supaya mereka ini pun mendapat bantuan daripada pihak kerajaan untuk kelestarian hidup mereka? Terima kasih.

Datuk Ali anak Biju: Kerajaan memang sentiasa prihatin terhadap kebajikan Orang Asli yang telah dibuktikan dengan perbincangan libat urus yang dibuat dengan JAKOA. Dari kampung-kampung yang dinyatakan tadi memang ada di kawasan hutan HSK. Akan tetapi, seperti yang saya nyatakan tadi bahawa Orang Asli boleh mengambil apa jua kegunaan hasil hutan itu untuk kegunaan domestik, kegunaan mereka sendiri. Itu yang secara kita membuat- membantu Orang Asli.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Okey, kerajaan Kelantan ada isu-isu. Jadi, telah mengehendkan enam ekar untuk kawasan rayau setiap seorang Orang Asli. Kalau ada 400, so 400 kali enam ekar.

Jadi sekarang ini dalam ribuan ekar itu, kerajaan negeri telah bersetuju sebelum pada pindaan akta ini telah bersetuju, "*Okey, Orang Asli dia boleh guna*" Dalam tempoh-kita telah gazet seluas itu untuk kedua-dua Orang Asli, dan juga untuk kerja-kerja ekonomi dia.

■1550

Jadi maknanya kalau dalam kerja ekonomi ini, adakah langkah-langkah Kerajaan Kelantan ini bersalahan dengan akta ini yang membenarkan Orang Asli untuk mengusahakan apa jua untuk tujuan komersial pun tak apa? Fasal kritikal, enam ekar satu orang, untuk kawasan rayau dia. Bersalahan atau tak dengan akta ini kalau dibenarkan?

Datuk Ali anak Biju: Tidak bertentangan, sebab enam hektar ini dikhaskan untuk Orang Asli boleh buat untuk komersial, boleh buat tanam sawit. Jadi, enam hektar ini dibuat untuk mengangkat dan menaik taraf ekonomi Orang Asli sebenarnya supaya dia tidak mengambil tempat lain, di hutan tempat lain. Jadi, usaha Kerajaan Kelantan ini memang patutlah sebab ia memberi tanah untuk kegiatan ekonomi Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada lagi 12 orang hendak jawab itu.

Datuk Ali anak Biju: Seterusnya daripada Yang Berhormat Senator Datuk Razali Idris, cadangannya untuk mewujudkan kaedah bayaran secara *online* di Terengganu bagi permit masuk hutan simpan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, urusan untuk memudahkan kaedah bayaran kepada jabatan termasuklah bayaran permit memasuki hutan simpanan kekal serta bayaran-bayaran lain telah pun mula dilakukan di beberapa buah negeri seperti Perak dan Kedah dan perkara ini akan diperluaskan ke semua negeri. Pihak kementerian mengalu-alukan saranan Yang Berhormat Senator Datuk Razali Idris berhubung dengan perkara ini.

Yang Berhormat Senator Datuk Razali Idris juga bertanya apakah Kerajaan Persekutuan tidak dilibatkan dalam pembuatan keputusan mengenai hal hutan. Di bawah

Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan, hutan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Bidang kuasa Kerajaan Persekutuan melalui KeTSA ialah melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dalam memberikan nasihat teknikal mengenai pengurusan dan pembangunan hutan, menjalankan penyelidikan dan khidmat latihan serta menggalakkan industri berasaskan kayu dan perdagangan kepada kerajaan negeri.

Majlis Tanah Negara (MTN) telah diwujudkan sebagai platform kepada Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri bagi membincangkan berkenaan dasar dan perundangan untuk memajukan dan mengawal penggunaan tanah bagi maksud perhutanan serta perlombongan, pertanian dan lain-lain dalam usaha meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan pentadbiran tanah negara. MTN diwujudkan selaras dengan Perkara 91(3) Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan supaya Mesyuarat MTN hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam masa setahun.

Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina pula bertanya perhutanan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Pindaan ini tidak akan berkuat kuasa di negeri melalui Enakmen Perhutanan (Pemakaian). Apakah dapatan daripada sesi libat urus bersama dengan kerajaan negeri?

KeTSA telah membentangkan Rang Undang-undang Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 semasa Mesyuarat Majlis Tanah Negara Ke-79 pada 2 Disember 2021. RUU ini telah diluluskan oleh MTN ke-79 untuk dibentangkan di Parlimen. RUU ini hanya akan terpakai di negeri-negeri setelah Dewan Undangan Negeri masing-masing meminda Enakmen Perhutanan (Pemakaian) masing-masing. Rang Undang-undang Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 ini merupakan *model law* dan berperanan penting dalam memastikan kawasan hutan yang merupakan khazanah dan ekosistem penting pelbagai biologi negara diberikan perlindungan sewajarnya.

Penerimaan keseluruhan RUU ini sebagai Enakmen Perhutanan (Pemakaian) di negeri masing-masing akan mencerminkan kesungguhan kerajaan negeri sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab dalam memelihara dan melindungi hutan di negeri masing-masing. Selain itu, tindakan segera dan proaktif yang diambil oleh kerajaan-kerajaan negeri akan dapat meningkatkan keyakinan rakyat dan masyarakat antarabangsa terhadap pengurusan hutan secara berkekalan di negara ini. Secara amnya, kerajaan-kerajaan negeri telah bersetuju dengan cadangan-cadangan dalam pindaan RUU ini.

Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina juga bertanya apakah spesies-spesies yang dibenarkan dalam penanaman ladang hutan dan hutan simpanan kekal. Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Bil. 1/2010, berkaitan Panduan Penilaian Ke Atas Kawasan Dalam HSK untuk Pembangunan Ladang Hutan di mana pekeliling ini menetapkan garis panduan bagi maksud penubuhan ladang hutan untuk tujuan penyeragaman di peringkat negeri. Bagi spesies yang dibenarkan untuk tujuan penubuhan ladang di dalam HSK mengikut pekeliling ini adalah seperti berikut: (i) akasia; (ii) batai; binuang; (iii) getah; (iv) jati; (v) khaya; (vi) kelempayan; dan (vii) sentang.

Secara dasarnya, pihak kementerian berpendirian bahawa spesies durian hibrid adalah perlu dielakkan daripada ditanam sebagai spesies ladang hutan di kawasan hutan simpanan kekal.

Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apani juga bertanya, kita sepatutnya memberikan penghargaan kepada kerajaan negeri yang memelihara hutan dengan memberikan nilai karbon kredit. KeTSA telah membangunkan Panduan Pasaran Karbon Sukarela Sektor Hutan, atau *National Guidance on Forest Carbon Market* sebagai rujukan dan garis panduan kepada kerajaan yang ingin terlibat dalam inisiatif projek ofset karbon daripada sektor perhutanan.

Pertama, selain itu, KeTSA pada masa ini sedang memuktamadkan Kerangka Kewangan REDD Plus iaitu *REDD Plus Finance Framework* yang merupakan satu inisiatif kewangan inovatif kepada kerajaan negeri melalui dua mekanisme kewangan iaitu Pensijilan Pemeliharaan Hutan atau *Forest Conservation Certificates* (FCC) dan Ofset Karbon Hutan atau *Forest Carbon Offset* (FCO).

Inisiatif kewangan tersebut memberi peluang kepada pihak swasta untuk menyumbang atau membeli kredit karbon bagi membiayai usaha mengekalkan dan memelihara hutan serta menjamin ekosistem hutan yang berterusan bagi memastikan fungsi hutan di dalam menyumbang ke arah mitigasi perubahan iklim. Pada masa ini, pihak Kementerian Alam Sekitar dan Sumber Air (KASA) juga sedang di dalam menggubal Dasar Pasaran Karbon Negara bagi menyelaras dan memberi garis panduan jelas mengenai aktiviti pasaran karbon sukarela di Malaysia.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ahmad bin Yahaya dan Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying minta penjelasan lanjut berkaitan dengan seksyen 11 dan 12 Rang Undang-undang Perhutanan ini. Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri memandang serius akan kepentingan hutan dan peranan ke atas keseimbangan alam sekitar, bekalan air bersih dan meningkatkan tahap sosioekonomi masyarakat. Justeru itu, kawasan perhutanan yang telah diwartakan sebagai hutan simpanan kekal (HSK) perlu dikawal daripada diwartakan keluar melalui pindaan seksyen 11, Akta 313.

Namun begitu, RUU ini telah mengambil kira bahawa bidang kuasa pihak berkuasa negeri mengenai tanah dan hutan di bawah Butiran II dan III Senarai Negeri, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan (PP) dan Akta 313 merupakan satu undang-undang yang digubal bagi tujuan keseragaman di bawah Perkara 76(1)(b) Perlembagaan Persekutuan, dan pemakaian kepada Akta 313 adalah seperti yang diperuntukkan di bawah Perkara 76(3) Perlembagaan Persekutuan yang mana kerajaan negeri perlu menerima pakai sebarang perundangan yang digubal oleh Kerajaan Persekutuan sebelum ia boleh berkuat kuasa di negeri tersebut.

Selain itu, pindaan kepada seksyen 11, Akta 313 masih lagi memberikan kuasa kepada pihak berkuasa negeri untuk mengeluarkan tanah dalam kawasan HSK. Namun, suatu siasatan awam perlu dijalankan.

Di samping itu, pindaan pada seksyen 12 pula memperuntukkan kuasa kepada pihak berkuasa negeri untuk menggantikan mana-mana sahaja tanah dalam keluasan yang sama atau lebih besar dengan kawasan HSK yang dikeluarkan. Hal ini menunjukkan bahawa pindaan yang dilakukan tidak akan menjejaskan aktiviti pembangunan tanah oleh pihak berkuasa negeri. Pihak berkuasa negeri hanya dikehendaki mengenal pasti tanah yang sama atau lebih besar untuk menggantikan kawasan tanah yang akan dikeluarkan.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz bin Ariffin pula bertanya, adakah kementerian mempertimbangkan pegawai perhutanan yang bertugas dengan peralatan yang canggih seiring dengan peredaran zaman seperti dron.

■1600

KeTSA melalui JPSM menggunakan sistem *Forest Monitoring Using Remote Sensing* (FMRS) yang diselia oleh satu pasukan khas untuk membantu pasukan rondaan dan operasi penguatkuasaan untuk membanteras aktiviti kesalahan hutan di lapangan dengan maklumat lokasi yang lebih spesifik.

Sistem FMRS ini menggunakan teknologi *geographic information system* (GIS) dan penyeliaan jarak jauh yang boleh mengesan sebarang perubahan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK). Antara maklumat yang terdapat dalam sistem FMRS merupakan kelas fungsi hutan, sempadan HSK, imej satelit beresolusi tinggi, maklumat koordinat, lesen pembalakan dan permit penggunaan. Setiap anggota penguatkuasaan mempunyai akses kepada sistem FMRS dan ini membolehkan aktiviti pengesanan dan penguatkuasaan dijalankan dengan lebih pantas berbanding dengan kaedah pemantauan di lapangan.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz bin Ariffin pula bertanya apakah langkah untuk memastikan anggota penguat kuasa jabatan tidak amalkan rasuah. Kementerian Tenaga dan Sumber Asli dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia memandang serius isu integriti khususnya dalam sektor perhutanan. Antara langkah yang telah dilaksanakan menempatkan pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

(SPRM) di Unit Integriti bagi memantau aduan salah guna kuasa dan rasuah dalam sektor perhutanan.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz bin Ariffin juga bertanya, sejauh manakah kawalan aktiviti pembalakan dan apakah mekanisme kawalannya? Aktiviti pembalakan di negara ini melibatkan tiga buah kawasan hutan iaitu hutan simpanan kekal yang dikelaskan sebagai hutan pengeluaran, tanah kerajaan dan tanah bermilik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembalakan hutan pengeluaran adalah dalam HSK dilaksanakan secara terkawal melalui Catuan Tebangan Tahunan (CTT) berdasarkan prinsip pengurusan hutan secara berkekalan *sustainable forest management* (SFM) serta Sistem Pengurusan Memilih atau *Selective Management System* (SMS).

Kadar CTT bagi setiap negeri diputuskan dalam Majlis Tanah Negara (MTN) dan berkuat kuasa untuk tempoh setiap Rancangan Malaysia lima tahun. Penetapan CTT adalah berasaskan kepada keupayaan pemulihan semula jadi atau *natural regeneration capacity* kawasan yang diusahakan hasil. Setiap kerajaan negeri perlu mematuhi kadar CTT yang telah ditetapkan dan pematuhan terhadap CTT dilaporkan dalam mesyuarat MTN.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas, mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) ke-71 yang bersidang pada 14 Disember 2015 telah bersetuju dengan penetapan CTT seluas 1,234,440 hektar bagi sepanjang tempoh RMKe-11. Dalam tempoh tahun 2016 hingga tahun 2020...

Tuan Yang di-Pertua: Tak payah baca semua Yang Berhormat. Pilihlah mana yang relevan.

Datuk Ali anak Biju: Ya, yang ini yang *last*.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah pun sampai.

Datuk Ali anak Biju: Okey, yang ini seminit lagi. Ini sudah *last* sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Akhir ya.

Datuk Ali anak Biju: Dalam tempoh tahun 2016 hingga tahun 2020, jumlah kawasan hutan pengeluaran dalam HSK yang telah diusahakan seluas 890,570 hektar. Ini menunjukkan aktiviti pengusaha hasil yang dilaksanakan tidak melebihi jumlah CTT yang telah ditetapkan. Manakala CTT yang ditetapkan bagi tempoh RMKe-12 ialah seluas 1,163,550 hektar berkurangan sebanyak 70,890 hektar berbanding dengan jumlah CTT dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

Jadi setakat ini sajalah penjelasan saya dapat berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan. Saya berharap daripada penjelasan tersebut dapat menjawab soalan yang telah dibangkitkan Ahli Yang Berhormat. Kalau ada kemusykilan bolehlah berhubung dengan kementerian saya untuk jawapan selanjutnya yang lebih terperinci lagi. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu berkaitan dengan Rang Undang-undang Perhutanan Negara (Pindaan) 2020 ini.

KeTSA akan mengambil perhatian dan tindakan ke atas perkara yang telah dibangkitkan. Saya memberi jaminan bahawa mana-mana pertanyaan yang tidak dapat saya jawab pada kali ini akan diambil catatan untuk tindakan susulan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang terhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 62 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia (Datuk Haji Awang bin Hashim) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG AGENSI KAWALAN SEMPADAN MALAYSIA (PEMBUBARAN) 2021

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.09 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (Pembubaran) 2021 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (Pembubaran) 2021 digubal bertujuan untuk memansuhkan Akta Agensi Kawalan Sempadan Malaysia 2017 [Akta 799].

[Datuk Razali bin Idris *mempengerusikan Mesyuarat*]

■1610

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Tahniah Timbalan Yang di-Pertua.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Saya ulang. Rang Undang-undang Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (Pembubaran 2021) digubal bertujuan untuk memansuhkan Akta Agensi Kawalan Sempadan Malaysia 2017, Akta 799. Untuk membubarkan AKSEM yang ditubuhkan di bawah Akta Agensi Kawalan Sempadan Malaysia 2017.

Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 12 Mac 2021 telah menimbangkan memorandum Menteri Dalam Negeri dan antara lain mengambil maklum bahawa Akta AKSEM 2017 [Akta 799] akan dimansuhkan setelah AKSEM diletakkan di bawah PDRM sepenuhnya.

Seterusnya, rang undang-undang ini telah dibentangkan di Dewan Rakyat dan telah diluluskan di peringkat Dewan Rakyat pada 18 Julai 2022 yang lalu. Pemansuhan akta dan pembubaran AKSEM tidak akan mendatangkan kesan yang negatif pada operasi penguatkuasaan pengawalan sempadan negara pada masa ini.

Ini kerana kesemua fungsi AKSEM telah diserapkan kepada PDRM melalui Pasukan Gerakan Am (PGA) di bawah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA) manakala punca kuasa yang termaktub dalam Akta 799 akan diteruskan dan dikuatkuasakan oleh akta-akta sedia ada seperti Akta Polis 1967, Akta Imigresen 1959/63, Akta Kastam 1967 dan lain-lain perundangan yang sedang berkuat kuasa.

Bagi memastikan tujuan penubuhan Akta 799 berkaitan kepentingan penyelarasan, tindakan kawalan sempadan terus dikekalkan. Fungsi-fungsi jawatankuasa peringkat tertinggi dan jawatankuasa penyelarasan yang termaktub di bawah akta ini akan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pemantapan Kawalan Sempadan Negara dan Jawatankuasa Penyelarasan Kawalan Sempadan Negara.

Selain itu dengan pemansuhan Akta 799 dan penyerapan sepenuhnya fungsi AKSEM kepada PDRM, Ketua Polis Negara akan mempunyai kendalian, dengan izin, *command and control* ke atas penugasan kawalan sempadan, dan ini akan memberikan impak positif dalam keberkesanan pengoperasian di kawasan sempadan darat dan segala perancangan akan diatur gerak dengan lebih efisien dan tersusun.

Sepanjang penubuhan AKSEM dan penguatkuasaan Akta 799, tiada kes didakwa di bawah Akta 799 tetapi telah diserahkan kepada agensi-agensi induk seperti PDRM, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia serta diuruskan di bawah perundangan agensi yang berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua, pemansuhan fungsi-fungsi AKSEM di bawah seksyen 4a, c, d, f dan h bahagian dua, Akta 799 yang melibatkan fungsi kawalan sempadan darat, menerima laporan mencegah dan memantau kegiatan penyeludupan serta memastikan kesejahteraan dan keselamatan sempadan diambil oleh PGA, PDRM.

Manakala aktiviti-aktiviti penguatkuasaan akan terus dilaksanakan oleh agensi-agensi yang berkaitan berdasarkan bidang kuasa perundangan masing-masing. Fungsi membuat syor keselamatan sempadan di bawah seksyen 4b pula akan diteruskan oleh Kementerian Dalam Negeri melalui Jawatankuasa Pemantapan Kawalan Sempadan Negara yang dipengerusikan oleh Menteri Dalam Negeri.

Selain itu, bagi menjalankan fungsi menyelaraskan penguatkuasaan di sempadan di bawah seksyen 4e, satu Jawatankuasa baharu di peringkat PDRM akan diwujudkan iaitu Jawatankuasa Penyelarasan Kawalan Sempadan Negara yang akan dipengerusikan oleh Ketua Polis Negara.

Manakala fungsi merumus dasar, mencegah kegiatan penyeludupan di bawah seksyen 4d, akan diteruskan oleh KDN melalui Jawatankuasa Pemantapan Kawalan Sempadan Negara dan Jawatankuasa Penyelarasan Kawalan Sempadan Negara.

Bagi perihal penubuhan mesyuarat dan fungsi jawatankuasa peringkat tertinggi di bawah seksyen lima, enam dan tujuh bahagian tiga, Akta 799 akan diteruskan oleh Kementerian Dalam Negeri melalui Jawatankuasa Pemantapan Kawalan Sempadan Negara. Bagi perihal penubuhan mesyuarat dan fungsi jawatankuasa penyelarasan di bawah seksyen lapan, sembilan dan 10, bahagian empat, Akta 799 pula akan dilaksanakan oleh PDRM melalui Jawatankuasa Penyelarasan Kawalan Sempadan Negara.

Timbalan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi empat Fasal seperti berikut:

- (i) Fasal Pertama mengandungi tajuk ringkas dan peruntukkan mengenai kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan;
- (ii) Fasal Kedua akta yang dicadangkan mengandungi takrif perkataan agensi yang bererti Agensi Kawalan Sempadan Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen tiga, Akta Agensi Kawalan Sempadan Malaysia 2017;

- (iii) Fasal Tiga akta yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukkan bagi pemansuhan Akta Agensi Kawalan Sempadan Malaysia 2017 dan pembubaran Agensi Kawalan Sempadan Malaysia disebabkan oleh perubahan dasar kerajaan bahawa fungsi Agensi Kawalan Sempadan Malaysia akan dilaksanakan oleh Polis Diraja Malaysia; dan
- (iv) Fasal Empat akta yang dicadangkan memperuntukkan bahawa seseorang yang dilantik sebagai pegawai agensi di bawah Akta Agensi Kawalan Sempadan Malaysia 2017 sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa akta ini hendaklah berhenti menjadi pegawai agensi pada tarikh permulaan kuat kuasa akta ini. Timbalan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih. Ada sesiapa menyokong?

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Haji Awang bin Hashim]: Saya menyokong.

Datuk Razali bin Idris: Ahli-ahli Yang Berhormat. Masalahnya ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk memansuhkan Akta Agensi Kawalan Sempadan Malaysia 2017 [Akta 799] untuk membubarkan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia yang ditubuhkan di bawah akta itu dan untuk mengadakan peruntukkan bagi perkara yang berkaitan dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat di hadapan saya ada seramai 13 Yang Berhormat yang hendak berbahas. Saya hanya membenarkan tempoh masa lima minit sahaja untuk seorang untuk berbahas.

Jadi, dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair.

4.18ptg.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua. Sehari selepas sambutan Hari Raya Aidil Adha tahun ini, Pengerusi Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi yang juga merupakan Menteri Komunikasi dan Multimedia telah mengesahkan wujud kegiatan penyeludupan minyak masak bersubsidi ke negara jiran. Penyelewengan minyak masak ke negara jiran tersebut dibuat dalam skala yang besar. Ketirisan tersebut turut membuktikan kelemahan sistem penguatkuasaan kawalan sempadan yang kini berada di bawah bidang Polis Diraja Malaysia.

Saya tidak berniat untuk memperkecilkan keupayaan PDRM dalam menjalankan tugas dengan mesra, cepat dan betul sebaliknya saya ingin menyuarakan kerisauan serta keprihatinan saya terhadap kesiapsiagaan PDRM dalam mengawal sempadan negara.

■1620

Kes-kes berkaitan penyeludupan barang kawalan ke negara jiran yang sering dilaporkan di dada-dada akhbar boleh menenggelamkan kepercayaan umum terhadap kredibiliti PDRM sebagai pengawal sempadan negara hari ini. Saya yakin bahawa masih ramai rakyat di luar sana yang masih belum mengetahui tentang peralihan bidang kuasa Agensi Kawalan Sempadan kepada PDRM.

Pemindahan tugas kawalan sempadan kepada PGA di bawah PDRM dilihat masih belum mendatangkan impak positif dalam aspek tahap penguatkuasaan kawalan sempadan. Selain daripada penyeludupan barang kawalan seperti yang saya sebutkan tadi, kemasukan pendatang tanpa izin (PATI) secara haram menerusi lorong tikus juga berlaku disebabkan kelonggaran sistem kawalan sempadan.

Kelonggaran tersebut bolehlah saya taksirkan bahawa dua perkara. Pertama kelemahan sistem kawalan sempadan; dan kedua, gejala rasuah yang disifatkan sebagai pemusnah kepada kredibiliti badan penguat kuasa yang bertanggungjawab.

Hal tersebut turut diakui sendiri oleh bekas Ketua Polis Negara yang juga merupakan individu kesayangan Yang Berhormat Menteri Tan Sri Hamid Bador. Beliau mengakui bahawa kealpaan PGA dan rasuah telah menggagalkan komitmen PDRM bagi membanteras kemasukan pendatang tanpa izin menerusi sempadan negara kita.

Tidak boleh dinafikan lagi pendedahan juga menjelaskan lagi kegagalan ketiga-tiga figura tersebut dalam memimpin Kementerian Dalam Negeri sebagai sebuah kementerian yang mementingkan aspek bertanggungjawab PDRM. Kegagalan ini juga membuktikan bahawa keselamatan sempadan negara kita berada pada tahap yang amat membimbangkan. Amat mustahil bagi PGA bagi memerangi kegiatan penyeludupan barang-barang kawalan yang bersubsidi seperti beras dan minyak masak sekiranya perihal rasuah masih tidak ditangani dengan serius oleh Menteri dan dua orang timbalannya.

Tuan Yang di-Pertua, biar pun peranan Agensi Kawalan Sempadan telah dimansuhkan bermula kira-kira setahun yang lalu namun anehnya agensi tersebut masih menerima peruntukan khas bagi tahun 2022. Mengikut Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2022 bagi Kementerian Dalam Negeri, AKSEM telah diperuntukkan sebanyak RM12 juta bagi perbelanjaan pembangunan.

Biar pun peranan AKSEM telah dipindahkan secara berperingkat kepada PDRM, namun agensi tersebut masih menerima peruntukan khas dengan peningkatan sebanyak RM7 juta berbanding tahun 2021.

Berkait dengan soal peruntukan tersebut, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan: pertama, apakah rasional di sebalik penyediaan peruntukan khas tersebut sedangkan PDRM telah dimandatkan secara berperingkat bagi mengawal sempadan negara?

Kedua, bagaimanakah peruntukan tersebut telah dimanfaatkan bagi tujuan pengstruktur semula sistem serta peranan penguatkuasaan kawalan sempadan?

Ketiga, apakah bentuk pembaharuan yang telah dilaksanakan yang boleh meningkatkan kecekapan penguatkuasaan kawalan sempadan oleh Pasukan Gerakan Am?

Adakah pembaharuan tersebut meliputi aspek pengawasan serta pemantauan terhadap tindak tanduk dan disiplin para petugas PGA sepanjang melakukan tugas mengawal sempadan. Oleh sebab masa tidak mengizinkan, saya pendekkan di sini hujahan saya dan saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Pembahas yang kedua Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai. Dipersilakan.

4.24 ptg.

Puan Susan Chemerai Anding: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya ruang dan peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan RUU Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (Pembubaran) 2021 ini. Tuan Yang di-Pertua, tugas dan perihal kawalan sempadan kita ini merupakan satu-satunya perkara yang begitu penting untuk kita sebab ia bukan sahaja soal keselamatan malah soal kedaulatan negara.

Kekuatan pertahanan negara dapat diukur dan dinilai antara lainnya daripada keupayaan negara dalam mengawal sempadannya dari dicerobohi oleh orang luar yang datang tanpa dokumen yang sah dan aktiviti jenayah melalui sempadan. Umum sedia maklum sempadan negara sangat luas dan pengawasannya agak sukar seperti sempadan Sarawak dan Kalimantan.

Justeru itu saya ada beberapa perkara yang saya ingin pencerahan berkaitan pembubaran Agensi Kawalan Sempadan Malaysia yang telah ditubuhkan baharu lima tahun yang lalu pada tahun 2017.

Pertama bagaimanakah rasionalisasi ini akan dilakukan? Adakah AKSEM akan dibubarkan ataupun masih wujud tetapi diletakkan di bawah tanggungjawab Polis Malaysia? Yang dimaklumkan kepada kita ialah pembubaran ini perlu sebab ada perubahan daripada segi dasar kerajaan di mana fungsi AKSEM akan diambil alih dan dijalankan oleh Polis Diraja Malaysia. Jadi kita minta perincian bagaimanakah rasionalisasi ini akan dilakukan dan apakah jangka masa yang akan diambil.

Saya difahamkan juga bahawa fungsi AKSEM telah diserapkan kepada PDRM melalui Pasukan Gerak Am (PGA) di bawah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNK). Manakala punca kuasa yang ada pada Akta 799 akan diteruskan dan dikuatkuasakan oleh akta sedia ada seperti Akta Polis 1967, Akta Imigresen 1959/63, Akta Kastam 1967.

Soalan saya, adakah ini bermakna PGA akan menjalankan tugas termasuk fungsi imigresen dan kastam sebab dinyatakan bahawa punca kuasa PGA di bawah rasionalisasi ini ialah akta-akta sedia ada.

Adakah PDRM akan menjaga sempadan darat sahaja ataupun termasuk sempadan perairan juga? Kalau tidak termasuk penjagaan perairan, agensi mana kah yang akan diberi tugas ini, dan adakah ia akan turut diserap ke dalam jawatankuasa yang akan dibentuk nanti?

Dahulu pengawalan sempadan merupakan tugas pelbagai agensi seperti polis, kastam, imigresen yang diletakkan di bawah sebuah agensi AKSEM dan semua agensi bergerak dalam satu pasukan.

Di bawah RUU ini ia akan balik kepada hanya PDRM sahaja iaitu melalui PGA. Soalan saya juga, mengapakah daripada pelbagai agensi kepada sebuah agensi sahaja? Apakah justifikasinya? Adakah ini akan memastikan sempadan kita akan lebih selamat? Adakah kajian sudah dibuat sebelum rasionalisasi ini dibuat? Adakah ia akan memastikan jenayah rentas sempadan seperti penyeludupan dadah, migran, senjata api dan barangan terkawal akan berkurangan selepas ini?

Saya juga mahu pencerahan yang lebih lanjut apakah bentuk penambahan kapasiti yang akan diberikan kepada PGA untuk menggalas tugas ini supaya mereka boleh menjalankan tugas dengan sempurna. Adakah ini merangkumi tambahan anggota, peralatan yang lebih banyak, yang lebih canggih dan latihan yang secukupnya. Ini sebab dinyatakan bahawa RUU ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Saya berharap pembubaran AKSEM ini nanti akan memperkukuhkan lagi pengawalan sempadan dan meningkatkan lagi keselamatan di sempadan kita.

■1630

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih. Pembahas yang keempat, Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad. Dipersilakan.

4.30 ptg.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Keluarga Malaysia kepada Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Ahli Senator sekalian.

Bagi saya turut terlibat menyokong Akta Agensi Kawalan Sempadan 2017 [Akta 799] yang dibubarkan kerana akta ini hanya dihadkan kepada sempadan darat. Walaupun ia melibatkan sempadan darat, tetapi sempadan darat Malaysia ini kalau sebelah Semenanjung itu dari Kelantan sampai ke Perak, Kedah dan Perlis tidak kurang daripada 500 kilometer panjangnya. Secara umumnya, sempadan ini merupakan hutan-hutan

kawasan yang tidak mempunyai penduduk yang tinggi terutama di Kelantan dan di Perak dan juga di Kedah. Jadi, maknanya laluan itu bukan laluan yang sibuk, laluan itu laluan yang agak suram dan sebagainya. Itu tidak termasuk lagi sempadan darat Sarawak dan Sabah serta Kalimantan. Jarak di situ lebih daripada 1,000 kilometer.

Jadi, pembubaran AKSEM itu dan hanya menggunakan pasukan PGA di bawah polis mungkin untuk mendapatkan satu arahan, kita boleh terima dari satu segi, dari sudut pengarahannya tetapi dengan kecanggihan kegiatan-kegiatan jenayah yang berlaku rentas sempadan khususnya kalau saya tengok di kawasan Parlimen saya sendiri di Jeli pun tidak ada sempadan yang jelas antara Malaysia dengan Thailand. Okey, yang orang nampak mungkin di sungai, tetapi selepas sungai itu sampai ke Perak ada batang pokok-pokok buah-buahan ini, batangnya berada di Thailand, rantingnya di Kelantan, Malaysia.

Begitu juga apa yang berlaku di Sabah. Depan rumahnya di Sabah, Malaysia. Belakang rumahnya di Indonesia. Jadi, hendak menunjukkan bahawa sempadan itu terlalu rapuh untuk mendapat pentafsiran yang kuat.

Jadi, saya bimbang dengan keanggotaan pasukan polis 120,000 orang, sudah tentu PGA kurang daripada itu. Dan setiap balai polis yang agak berskala sederhana, mungkin ada 15 orang petugas. Saya sangsi tentang keupayaan. Akan tetapi, saya faham bahawa mungkin yang akan bertugas tentang sempadan darat ini iaitu PGA.

Cuma, saya hendak mencadangkan- kita akan lulus, kita akan lulus pembubaran ini. Walaupun kita mempunyai kegagalan, dengan izin, bawah MOSTI, pelancaran satelit-satelit kita RazakSAT, TiungSAT-1 tetapi ia tidak boleh melemahkan semangat kita untuk, dengan izin, *launch* satelit-satelit lain kerana harga sekarang makin murah. Kita tengok Elon Musk sekarang ini bercita-cita hendak menjadi pengendali satelit terbanyak di dunia sehingga menyebabkan dia itu menjadi orang terkaya di dunia.

Jadi, sebab itu sudah sampai waktunya dengan pemansuhan ini, kerajaan mesti melalui pasukan terutamanya MOSTI ataupun Kementerian Dalam Negeri supaya memberikan pasukan polis lebih canggih, mesti menggunakan satelit demi keselamatan dan telekomunikasi bersekali.

Satelit yang boleh menjalankan fungsi keselamatan dan telekomunikasi. Mungkin satu memadai, mungkin dua sebagai alternatifnya. Dan kos tidak begitu tinggi.

Dengan satelit ini, operasinya 24 jam tanpa henti. Kalau ada dua, makanya ia ada satu, dengan izin, ada *backup*. Jadi, boleh distesenkan di mana-mana Ibu Pejabat Polis Bukit Aman dan sebagainya, dan ia boleh tengok terus-menerus. Tidak ada kaedah lain yang terbaik.

Kalau kita menggunakan, dengan izin, *drone*, dron ada waktu-waktunya. Ia tidak boleh 24 jam. Dron tidak pernah- mustahil. Dalam dunia ini tidak ada orang pakai dron 24 jam. Malam ia tidak boleh berfungsi, setakat yang kita tahulah. Cuma, ada sedikit-sedikit yang menggunakan *infrared* itu mungkin. Akan tetapi, saya hendak mencadangkan kita boleh bersetuju demi satu pengarahannya tetapi penggunaan mesti canggih kerana penyeludupan kerap berlaku. Bahkan dalam kita berjaga-jaga pun, tengok-tengok pek minyak itu bertambun di sebelah Narathiwat. Tidak ada di Rantau Panjang, susah hendak cari di sebelah kita, tetapi bertimbun-timbun ada di Narathiwat.

Oleh sebab itu kita rasa dalam kita meluluskan ini, tetapi kecanggihan teknologi mesti diberi perhatian supaya kemarahan rakyat tidak ada. Ini kerana setakat ini di kawasan sempadan Kelantan, kita menggunakan tentera sekalipun tetapi masih kegiatan penyeludupan berjalan dengan rancaknya sebenarnya.

Jadi, saya mohon menyokong tetapi saya mohon kerajaan mengambil serius tentang penggunaan dan pelancaran satelit, minimum dua, *insya-Allah*, untuk memberi jaminan keselamatan dan juga memberi kemudahan telekomunikasi kepada negara kita. *Wallahualam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Yang Berhormat.

Dipersilakan pembahas yang kelima, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ahmad bin Yahaya. Dipersilakan.

4.36 ptg.

Dato' Haji Ahmad bin Yahaya: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua. Minggu lalu di Dewan Rakyat, kementerian melaporkan lebih 1.2 juta orang warga China dikesan tidak keluar daripada negara dalam tempoh tahun 2018 hingga 2021. Perkara ini juga berkaitan dengan aspek persempadanan negara melalui pelbagai jalan darat, laut dan udara.

Kita juga masih ingat Laporan Ketua Audit Negara 2018 Siri Kedua yang melaporkan 95 peratus pelancong China dan India tiada rekod keluar dalam tempoh tahun 2016 hingga 2018. Laporan Audit yang sama melaporkan kelemahan yang serius dalam pelaksanaan sistem maklumat pendaftaran pelancong elektronik ketika proses di pintu masuk pelancong.

Oleh sebab itu, saya menegaskan bahawa kerajaan memerlukan penggubalan dasar pengurusan sempadan yang komprehensif dan jelas melibatkan jalan air, udara dan juga darat.

Tambahan lagi, saya juga ingin menjelaskan bahawa kita juga memerlukan satu siasatan terbuka dan bebas untuk menangani isu 1.2 juta orang pelancong China tiada rekod keluar yang terus berlanjutan saban tahun. Isu ini perlu dibentangkan melalui Kertas Putih di Parlimen kerana ia melibatkan kedaulatan negara. Saya cadangkan supaya dibentangkan Kertas Putih di Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan kompetensi sumber manusia yang bertugas di sempadan wajar dipertingkatkan. Aspek kemahiran dan perkongsian kepakaran perlu sentiasa ditekan supaya kita lebih bersedia menghadapi cabaran jenayah yang semakin sulit dan kompleks. Tugas mengawal sempadan negara tidak semudah yang disangka. Kita bukan sahaja memerlukan kekuatan fizikal bahkan juga kekuatan mental, berfikiran dan berfikiran satu langkah ke hadapan mengatasi evolusi teknologi yang berkembang pesat.

Saya juga mengharapkan agar segala latihan serta fasiliti penguatkuasaan di sempadan dan pembangunan teknologi kawalan sempadan negara sentiasa ditambah baik.

Kita sememangnya sedar Malaysia menjadi tumpuan jenayah rentas sempadan. Oleh itu, kita harus sentiasa menambah baik sistem dan sumber manusia bagi memastikan negara dapat dikawal dengan baik. Terima kasih. Saya mohon menyokong.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Yang Berhormat.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang.

4.39 ptg.

Dato' Haji Husain bin Awang: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya pada petang ini untuk berbahas mengenai dengan Rang Undang-undang Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (Pembubaran) 2021.

Ada beberapa persoalan yang saya ingin bangkitkan pada sidang Dewan Negara pada hari ini.

■1640

Difahamkan bahawa, penubuhan AKSEM sebelum ini bertujuan untuk menjaga dan mencegah sebarang aktiviti penyeludupan yang berlaku di sempadan negara dengan lebih efisien dan holistik berbanding dengan sebelumnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu, adakah wujud apa-apa implikasi atau masalah pengurusan sempadan sehingga kini yang dihadapi oleh agensi berkuasa yang

sedia ada berikutan pembubaran AKSEM ini? Saya mengajukan soalan ini berikutan pengurusan sempadan mempunyai pelbagai cabaran dan halangan tersendiri yang menyebabkan banyak negara mempunyai agensi tunggal bagi menjaga urusan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa kerjasama antara agensi keselamatan amat penting untuk membanteras penyeludupan di sempadan Malaysia. Kerjasama antara agensi keselamatan akan meningkatkan lagi kualiti keselamatan di sempadan negara daripada segi komunikasi dan gerak kerja. Persoalan saya, adakah kementerian bercadang untuk menggalakkan lagi kerjasama rentas agensi kerajaan dalam meningkatkan lagi keberkesanan aktiviti penyeludupan di sempadan?

Selain itu, setelah pembubaran AKSEM ini, adakah telah wujud statistik rasmi, sama ada kes jenayah di sempadan seperti penyeludupan telah berkurangan atau sebaliknya?

Soalan terakhir, berapakah anggaran kos yang telah dijimatkan apabila pembubaran AKSEM ini berlaku?

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (Pembubaran) 2021. Terima kasih.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Yang Berhormat.

Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Dato' Juhanis binti Abd Aziz.

4.42 ptg.

Dato' Juhanis binti Abd Aziz: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang dan ruang yang diberikan kepada saya untuk saya turut membahaskan Rang Undang-undang Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (Pembubaran) 2021 ini.

Malaysia sebenarnya bersempadan dengan lima buah negara di sekelilingnya. Sempadan di utara ialah negara Thailand. Di Pantai Barat pula dengan Indonesia. Sempadan di selatan ialah Singapura. Manakala Sabah dan Sarawak bersempadan dengan Brunei, Filipina dan Indonesia.

Isu penyeludupan keluar masuk hasil negara dan bahan-bahan terlarang serta kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI) secara haram melalui darat mahupun lautan, kerap dilaporkan berlaku di kawasan persempadanan tanah air ini, sekali gus memerlukan usaha kawalan sempadan yang khusus dan rapi.

Salah sebuah agensi yang membantu memastikan kawalan sempadan negara dikawal ketat ialah Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM). AKSEM ialah sebuah agensi Kerajaan Malaysia yang ditubuhkan khusus untuk mengawal jalan masuk dan keluar Malaysia daripada aktiviti haram seperti penyeludupan, pendatang tanpa izin, perdagangan manusia serta kes-kes jenayah rentas sempadan.

Sejak ditubuhkan pada tahun 2017, AKSEM dikenali menerusi kerjasama lima buah agensi iaitu Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Agensi Antidadah Kebangsaan serta Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara yang bertungkus-lumus siang dan malam dalam memastikan pintu sempadan negara tidak dibolosi dan tiada sebarang aktiviti penyeludupan. AKSEM telah memainkan peranan penting dalam menangani kegiatan jenayah di sempadan walaupun berhadapan dengan berbagai-bagai cabaran. Namun begitu, kekuatan AKSEM adalah terhad dan tidak meluas. Ini kerana kekuatan sedia ada AKSEM hanya tertumpu kepada kawalan sempadan darat di utara dan timur Semenanjung iaitu di Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan.

Pembubaran AKSEM ini akan disusuli dengan penubuhan dua buah Jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pemantapan Kawalan Sempadan serta Jawatankuasa Penyelarasan Kawasan Sempadan Negara. Keanggotaan kedua-dua sempadan ini lebih holistik dengan melibatkan lebih banyak agensi yang berkenaan. Sebagai contoh,

Jawatankuasa Pemantapan Kawalan Sempadan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dengan keahlian oleh KSU Kementerian Dalam Negeri, KSU Perbendaharaan, KSU MOT, KSU MINDEF, KSU KKM, KSU MAFI, KSU MPI, KSU KLN, KSU KKMM, Peguam Negara, Panglima Angkatan Tentera, Ketua Polis Negara, KP JUPEM, KP Kesihatan, KP JKDM, KP MKN, KRRDJPM, KP APAM, KP JIP, semua SUK kerajaan negeri iaitu Perlis, Kelantan, Perak, Kedah, Johor, Sabah dan Sarawak. Ini termasuk juga Komandan SM, KP SM, KP APM, KP RELA dan agensi-agensi yang terlibat.

Oleh itu, walaupun AKSEM dibubarkan, saya percaya peranan-peranan agensi yang berkaitan tetap dimainkan. Malah, diperkemas dan ditambah baik bagi memastikan kawalan keselamatan sempadan negara terjamin sama ada daripada segi pemerdagangan manusia, penyeludupan dadah, senjata api dan apa sahaja yang melibatkan pencerobohan dari luar dan dalam negara.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya khuatir iaitu nasib Pegawai-pegawai AKSEM ini apabila AKSEM dibubarkan. Saya berharap agar nasib mereka ini terbela. Mendengar jaminan Yang Berhormat Menteri bahawa walaupun AKSEM dibubarkan, tidak ada seorang pun diberhentikan kerja. Pegawai-pegawai ini akan diserapkan kembali ke dalam agensi seperti PDRM, Jabatan Imigresen dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu, kesempatan ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pegawai yang pernah bertugas di bawah AKSEM yang telah usaha dan penat lelah mereka mengawal persempadanan negara. Satu penghargaan untuk mereka... [Tepuk]

Saya juga berharap dengan pemansuhan Akta 799 ini dan penyerapan sepenuhnya fungsi AKSEM kepada PDRM akan memberi impak positif daripada segi keberkesanan pengoperasian di dalam kawasan sempadan darat dan segala perancangan akan diatur gerak dengan lebih efisien dan tersusun. Dengan ini, saya pohon menyokong. Terima kasih.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih.

Pembahas seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat Tuan Balasubramaniam. Dipersilakan.

4.49 ptg.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan saya peluang untuk terlibat sama dalam perbahasan ini.

Dalam al-Quran ada dinyatakan bahawa jangan menjatuhkan diri kamu kepada kebinasaan. Firman Allah, *“Dan belanjakanlah harta benda mu di jalan Allah dan janganlah kamu menjatuhkan diri mu sendiri ke dalam kebinasaan, dan berbuat baiklah kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik”*. Surah al-Baqarah, ayat 195... [Tepuk]

Saya melihat di sini bahawa apa pun tindakan dan keputusan yang ingin dicapai di dalam RUU Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (Pembubaran) 2021 ini mestilah dipastikan bahawa ia tidak menimbulkan kesan kepada negara dan rakyat pada masa hadapan.

■1650

Saya- di mana yang kita tahu bahawa Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) ialah sebuah agensi Kerajaan Malaysia yang mengawal jalan masuk dan keluar Malaysia daripada aktiviti haram seperti penyeludupan pendatang tanpa izin dan pemerdagangan manusia yang ditubuhkan pada 29 Disember 2017 melalui pewartaan Akta AKSEM 2017 [Akta 799]. AKSEM dianggotai oleh Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Pada 1 Januari 2018, AKSEM menerima tugas sebagai sebuah agensi Kerajaan Persekutuan di Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan. Pembubaran AKSEM akan meletakkan kawalan sempadan negara di bawah Polis Diraja Malaysia (PDRM) menerusi PGA, dan akan memudahkan penugasan anggota. Saya meneliti kenyataan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Hamzah bin Zainudin bahawa langkah ini juga lebih mudah kerana anggotanya perlu mendengar arahan daripada satu pihak sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Menteri Dalam Negeri, apakah fungsi AKSEM selama ini tidak berkesan? Adakah AKSEM gagal diurus dengan baik, atau AKSEM itu sendiri memberikan masalah kepada kerajaan? Saya mohon Menteri dapat membentangkan statistik kejayaan AKSEM sepanjang AKSEM diwujudkan.

Secara umum AKSEM telah berjaya menumpaskan kegiatan jenayah seperti penyeludupan rokok, dadah, ketum, kenderaan klon, haiwan dan juga mencegah kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI) serta aktiviti pemerdagangan manusia. Namun secara terperinci perlu dijelaskan oleh kerajaan bagi mengenang kejayaan AKSEM selama ini.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan berkaitan dengan implikasi pembubaran AKSEM terhadap kewangan kerajaan. Bagaimanakah kos yang perlu ditanggung oleh kerajaan selepas pembubaran AKSEM? Sudah pasti apabila anggota AKSEM diserapkan ke dalam PDRM dan Kastam, maka kos pengurusan dan pakaian mereka perlu disediakan dengan yang baharu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan dalam perbahasan ini untuk menggesa kerajaan memberikan tumpuan terhadap isu pemerdagangan manusia yang melibatkan pergerakan atau migrasi manusia secara haram termasuk aktiviti buruh secara tidak sah dan secara paksa bagi tujuan penghambaan, pelacuran dan buruh paksa.

Baru-baru ini Malaysia dilaporkan kekal dalam pada Tahap 3 dalam Laporan-laporan Tahunan Jabatan Negara Amerika Syarikat Mengenai Pemerdagangan Orang (*US TIP Report 2022*). Saya membaca laporan tersebut- ia mendedahkan kerajaan gagal mencapai piawaian minimum terhadap usaha menghapuskan pemerdagangan manusia.

Laporan tersebut tidak menafikan tindakan Kerajaan Malaysia untuk menangani masalah pemerdagangan manusia dan turut menyebut bahawa Kerajaan Malaysia telah mengambil beberapa langkah untuk menangani isu pemerdagangan seperti meminda Akta Antipemerdagangan Manusia, dan Akta Pekerjaan untuk memasukkan definisi buruh paksa yang lebih luas.

Dalam laporan ini menyatakan bahawa siasatan antipemerdagangan merosot dan kerajaan tidak mendakwa atau mensabitkan pegawai kerajaan yang didakwa terlibat dalam jenayah pemerdagangan. Saya mohon Kementerian Dalam Negeri dapat memberikan penjelasan terhadap perkara ini termasuk statistik kes pemerdagangan manusia dalam tempoh tiga tahun terakhir.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan RUU Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (Pembubaran) 2022. Sekian, terima kasih.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Yang Berhormat.

Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz bin Ariffin. Dipersilakan.

4.54 ptg.

Tuan Haji Aziz bin Ariffin: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) bermula apabila berlakunya peristiwa penemuan kubu besar, dan beberapa buah kem transit yang dikaitkan dengan aktiviti jenayah, penyeludupan dan pemerdagangan manusia di Wang Kelian, Padang Besar, Perlis yang mana telah mencalarkan imej Malaysia di mata dunia.

Hasil daripada itulah maka AKSEM ditubuhkan, dan diisytiharkan di Bukit Kayu Hitam, Kedah pada 24 Mei 2016, dan suatu Rang Undang-undang Agensi Kawalan Sempadan Malaysia diluluskan pada Disember 2017. AKSEM diberi tanggungjawab besar untuk menyelaras apa juga peranan membabitkan kawalan keselamatan di sempadan, dan bekerjasama dengan lebih 16 buah agensi kerajaan lain demi memastikan ia dijaga sebaiknya.

Pelbagai isu membabitkan keselamatan sempadan negara bukanlah satu perkara yang boleh dipandang remeh. Apatah lagi di situlah simbol kedaulatan selain tumpuan penduduk kedua-dua negara bersempadan untuk menjalankan pelbagai aktiviti perniagaan. Penyeludupan pelbagai barangan tidak kira musim seperti makanan, mercun serta keperluan harian bagaikan tiada kesudahan. Biarpun segala usaha penambahbaikan sudah diambil termasuk memperkasakan agensi sedia ada yang menjaga pintu masuk Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, dengan pemansuhan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia ini bagaimanakah kita dapat memastikan bahawa aktiviti penyeludupan sama ada barangan serta senjata api mahupun migran serta aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang di sempadan negara dapat dikawal secara total. Sehubungan dengan pemansuhan AKSEM, dan kesemua fungsinya akan diserapkan oleh PDRM melalui Pasukan Gerakan Am selepas ini, bagaimana kita dapat memastikan jaringan kerjasama daripada agensi kerajaan yang lain seperti tentera, Imigresen dan juga Kastam dapat diteruskan bagi memastikan kawalan sempadan negara berjalan dengan lebih efisien dan tersusun?

Selain daripada itu saya juga ingin bertanya berkaitan dengan kekuatan dan tahap kesiapsiagaan Anggota PGA. Adakah anggota bertugas benar-benar mencukupi untuk menampung kesemua jawatan yang pernah diisi oleh agensi kerajaan yang lain sebelum ini? Apa yang kita kuarir nanti apabila kekurangan bilangan anggota, akan merencatkan tugas penguatkuasaan serta kawalan di kawasan sempadan darat negara kita.

Selain itu, saya juga kuarir pelan AKSEM yang ini bakal menambah bebanan kepada PDRM kerana tanggungjawab tersebut telah dipikul sepenuhnya serta bersendirian tanpa menerima sebarang bantuan daripada agensi lain.

Melalui perbahasan kali ini, saya sekali lagi ingin mengingatkan pihak kerajaan agar jangan sesekali kita mengabaikan kebajikan dan keselamatan para anggota yang berani mempertaruhkan nyawa dan masa depan mereka demi mempertahankan kedaulatan negara. Saya berharap agar para anggota kita dilengkapi dengan kelengkapan dan senjata yang terkini selaras dengan peredaran zaman dan teknologi kerana penjenayah kini lebih ke hadapan. Bagaimana kita ingin mengekang segala tindak tanduk mereka sekiranya kita terus ketinggalan di belakang.

Saya juga yakin sekiranya kebajikan para anggota dititikberatkan kita mampu untuk mengekang masalah pengambilan rasuah oleh penjawat awam, dan kita mampu untuk memastikan keselamatan sempadan negara terus dijaga.

Tuan Yang di-Pertua, di kesempatan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada para anggota Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam serta agensi-agensi kerajaan lain yang pernah terlibat untuk menjayakan AKSEM bersama PDRM. Sekian sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

■1700

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai. Dipersilakan.

5.00 ptg.

Datuk Paul Igai: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya membahaskan Rang Undang-undang Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (Pembubaran) 2021 (AKSEM). AKSEM telah diluluskan pada 2017, hanya lima tahun lalu. Kemudian, hari ini kita akan memansuhkan AKSEM.

Tuan Yang di-Pertua, minta Menteri menjelaskan, kenapa kita hendak mansuhkan ini, sedangkan pada masa sekarang kita mengalami banyak masalah penyeludupan di sempadan negara seperti penyeludupan minyak masak, barang pengguna, tong gas dan kemasukan orang tanpa izin?

Kita diberi janji oleh kementerian iaitu memansuhkan AKSEM tidak akan bercanggah dengan Akta Polis 1967, Akta Imigresen dan akta-akta yang lain yang berkaitan. Kita dimaklumkan juga, semua fungsi AKSEM akan diserapkan ke dalam PDRM, dan juga 613 orang pegawainya akan menyertai PDRM. Soalan saya, adakah PDRM mencukupi anggota yang akan mengambil alih tanggungjawab operasi menjaga sempadan- memandangkan sempadan negara kita adalah sangat luas dan panjang, seperti sempadan Malaysia-Thailand, sempadan Sarawak-Sabah, dengan Kalimantan.

Adakah PDRM diberi latihan yang tepat, memberi kesan kepada mereka untuk menjalankan tugas dengan berkesan, dan juga dibekalkan dengan alat canggih seperti dron dan sebagainya?

Tuan Yang di-Pertua, di Sarawak khususnya, keadaan sekarang Ibu Kota Indonesia telah ditempatkan tidak jauh dari sempadan kita di Sarawak dan Sabah. Saya hendak bertanya kerana sempadan kita di Sarawak dengan Kalimantan sahaja sejauh lebih 1,800 kilometer, dan terdapat banyak jalan tikus juga di sempadan...

Datuk Razali bin Idris: Yang Berhormat Senator, boleh bagi penjelasan, apakah itu jalan tikus?

Datuk Paul Igai: Oh, ya. Itu jalan bukan jalan yang sebenarnya- ambil kesempatan lari dari *entry* Imigresen- lari, yang kita menyeludupkan diri dari Sarawak ke sana.

Datuk Razali bin Idris: Okey, terima kasih.

Datuk Paul Igai: *Entry point* atau jalan tikus banyak- macam Tapak Megah, Long Singut di Baleh, Kapit, Tebedu, Entikong, Biawak, Lubok Antu, Serikin, dan Bakelalan.

Tuan Yang di-Pertua, kita masih bermasalah dengan jiran kita mengenai sempadan yang belum diukur sebenarnya. Saya dimaklumkan ada empat buah tempat di sempadan belum siap diukur. Saya minta penjelasan, betul atau tidak? Sudah atau belum?

Saya difahamkan juga di Batu Anam, Sungai Bedaun, Gunung Raya dan Tanjung Datu juga ada bermasalah ataupun bertikai dalam pengukuran sempadan dengan jiran kita. Itulah masalah, saya fikirlah mungkin Menteri dapat menjelaskan adakah ini sudah diselesaikan? Dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang AKSEM. Terima kasih.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih, Yang Berhormat Datuk Paul Igai.

Seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat Datuk John Ambrose.

5.05 ptg.

Datuk John Ambrose: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera dan salam Keluarga Malaysia buat semua Ahli Dewan yang dihormati. Saya ingin membangkitkan beberapa perkara yang saya rasa adalah penting.

Saya ingin bertanya, adakah AKSEM ini dibubarkan akan menjamin sempadan negara kita ini lebih selamat di bawah jagaan PDRM? Bukanlah kita tidak percaya kepada PDRM tetapi apakah garentinya- sempadan kita akan lebih selamat lagi. Sempadan kita

ini terlalu panjang. Apa lagi kalau kawasan kami di negeri Sabah, itu sempadan laut sahaja begitu jauh sekali antara 1,400 kilometer hingga 2,000 kilometer. Bukan sahaja di laut, malah di daratan pun kita mempunyai sempadan.

Kita tahu bahawa pencerobohan sentiasa berlaku. Bolosnya orang yang datang dari negara jiran masuk ke negara kita. Begitu juga daripada segi dadah diseludupi masuk ke negara kita, dan juga penyeludupan keluar barang-barangan yang kita subsidi seperti minyak dan lain-lain dari negara kita, dari negeri Sabah dibawa kepada negara luar. Ini menyebabkan kerugian kepada negara dan rakyat kita. Inilah perkara yang perlu diberikan perhatian.

Saya ingin tahu juga, dengan dipindahkan kawalan sempadan ini kepada PDRM, adakah kita mempunyai keupayaan yang mencukupi untuk memastikan keselamatan sempadan kita itu terjaga dengan sebaik-baiknya? Ini kerana setahu saya setakat ini, memang masalah ini merupakan satu isu yang besar- sesuatu yang menjadi realiti.

Keduanya, apakah perancangan kita bagi kementerian untuk memastikan peralatan untuk mengawasi sempadan kita ini dapat disediakan? Adakah peruntukan yang telah difikirkan untuk disediakan untuk memastikan kita mempunyai peralatan-peralatan yang sesuai? Ini kerana kita tidak boleh lagi melakukan atau menjaga sempadan kita dengan cara yang lama. Ini kerana kita tahu, cara yang lama itu adalah tidak berupaya untuk menahan penyeludupan keluar dan penyeludupan masuk ke dalam negara kita dan juga pembolosan daripada mereka yang mungkin menjadi pengganas dalam negara kita yang membimbangkan kita terutama kami, rakyat di negeri Sabah.

Jangan cerita tentang orang yang masuk di Wang Kelian dan sebagainya, tetapi tentang kita yang masuk untuk menceroboh negara kita yang membimbangkan- kalau kita bercakap tentang kedaulatan negara kita- di sinilah kedaulatan negara kita perlu dijaga dan sempadan kita, supaya tidak dibolosi oleh pihak luar.

Kita tidak tahu siapa yang masuk ke dalam negara kita kononnya sebagai pengganas. Sebagai cerita Tanduo dulu, adakah mereka ini datang sebagai kumpulan kecil ataupun kumpulan yang besar? Ditaja oleh pihak-pihak tertentu atau kerajaan-kerajaan tertentu? Ini bukan sahaja hendak menuduh tetapi inilah satu kebimbangan kepada kita. *This is not*, dengan izin, bukan sesuatu yang kita reka-reka fantasi tetapi inilah realiti.

■1710

Tuan Yang di-Pertua, walaupun demikian, saya melihat dalam keadaan keperluan bahan-bahan mentah yang kebanyakan datang dari negeri seperti Sarawak dan juga Sabah, saya melihat ancaman penyeludupan di sempadan ini adalah sangat besar terutama penyeludupan-penyeludupan seperti bahan-bahan mentah, barang-barang makanan seperti minyak, gula dan juga diesel.

Di samping itu, kita melihat daripada data-data penyeludupan diperolehi daripada PGA, penyeludupan datang banyak daripada penyeludupan diesel, penyeludupan minyak, penyeludupan bahan-bahan makanan, tong-tong gas dan kadang-kadang masyarakat Indonesia sendiri mengatakan walaupun hati mereka itu Pancasila tetapi perut mereka dipenuhi Rukun Negara Malaysia. Ini memandangkan kebanyakan hasil daripada makanan-makanan dan juga bahan-bahan mentah datang dari negara kita yang diberi subsidi oleh kerajaan.

Pada masa yang sama, saya merasakan keperluan PGA ataupun Angkatan Tentera Malaysia yang mengawal sempadan antara Kalimantan dan juga Sabah dan Sarawak perlu meningkatkan pos-pos kawalan supaya jalan-jalan tikus yang seperti sahabat saya tadi Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai cakap itu harus diberikan pos-pos supaya jalan-jalan tikus ini boleh *kasi* kuranglah.

Untuk mengelakkan penyeludupan berterusan, kerajaan ini di peringkat EPU haruslah memberikan bagaimana untuk membentuk daerah-daerah bersifat ekonomi.

Ataupun bukan hanya memandangkan pos-pos kawalan tetapi memberikan PGA atau ATM untuk mengawal jalan-jalan tikus ini tetapi membentuk pos-pos kawalan yang lebih menjanakan juga pendapatan untuk negara.

Itu sahaja daripada saya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Saya ingin menyokong.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose.

Sepatutnya kita mempunyai 13 orang pembahas. Oleh sebab tiga menarik diri, maka kita hanya dapat 10 orang pembahas.

Justeru itu, saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab. Dipersilakan.

5.12 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada 10 orang pembahas- Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (Pembubaran) 2021.

Sebenarnya, beberapa isu ini kita boleh simpulkan kepada: pertama, kebimbangan peranan AKSEM apabila dibubarkan; kedua, adakah pegawai-pegawai yang ditempatkan di dalam AKSEM ini ditugaskan atau diserapkan ke mana, dan adakah mereka ini dapat bertugas seperti mana biasa; ketiga, adakah yang disebutkan percanggahan apabila AKSEM ini dibubarkan, adakah akta-akta yang terlibat untuk kita meneruskan supaya sempadan-sempadan kita dijaga lebih teliti dan selamat.

Saya hendak nyatakan bahawa Yang Berhormat Dato' Juhanis telah sebut dan juga Yang Berhormat lain telah sebut dengan jelasnya bahawa AKSEM ini adalah untuk kita menjaga sempadan darat bagi negeri Kelantan, Perak, dan Perlis. Jadi, ini kita fokuskan kepada sempadan-sempadan. Apabila kita bubarkan AKSEM ini, kita serahkan kepada PDRM melalui PGA, maka tidak timbul mana-mana Pegawai Polis atau anggota di bawah PDRM kita abaikan.

Malah, AKSEM ini sebenarnya merupakan gabungan daripada beberapa buah agensi keselamatan yang lain sama ada PDRM, PGA dan juga bawah Imigresen dan juga bawah Kastam. Juga, ada bantuan-bantuan daripada agensi bawah KDN sendiri iaitu RELA.

Oleh sebab itulah, apabila dibubarkan, pegawai-pegawai yang berada di bawah Kastam diteruskan berkhidmat di bawah Jabatan Kastam dan diserahkan kembali kepada Kastam. Di bawah Jabatan Imigresen juga diserahkan kembali ke Jabatan Imigresen. Tidak timbul mana-mana anggota atau pegawai yang kita abaikan.

Untuk beberapa tangkapan juga yang telah kita lakukan sama ada di bawah PDRM, PGA, Kastam dan Imigresen, kita juga telah membuat tuduhan di bawah Akta Polis, Akta Kastam atau di bawah Akta Imigresen itu sendiri.

Saya kira bahawa isu-isu yang ditimbulkan, yang merisaukan Yang Berhormat sekalian ialah tentang keselamatan sempadan kita. Saya sebut sekali lagi bahawa AKSEM menjaga keselamatan darat di negeri Kelantan, di negeri Kedah, Perlis dan juga Perak. Jadi, saya tak nak memberikan jawapan yang jauh sampai ke Sabah, Sarawak dan sebagainya.

Apa yang dibangkitkan yang pertama oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas, Yang Berhormat mohon memaklumkan peruntukan RM12 juta diperlukan untuk kita membina Kompleks AKSEM di Padang Besar, Perlis yang akan diambil alih oleh PGA. Jumlah keseluruhan bagi pembinaan iaitu RM75 juta. Peruntukan tahun 2022

sebanyak RM12 juta. Status kemajuan pembinaan di Kompleks AKSEM di Padang Besar mengikut jadual.

Kementerian Dalam Negeri melalui PDRM sentiasa mengambil langkah untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengawalan keselamatan sempadan yang termasuk juga ada pandangan-pandangan daripada Yang Berhormat sekalian, saya ucapkan terima kasih, untuk memberikan pandangan supaya alat-alat untuk menjaga keselamatan di sempadan mesti kita peningkatkan daripada segi kecanggihan. Memang kita menyediakan alat yang canggih dan juga menyediakan dron-dron supaya sempadan kita ini dapat kita kawal.

Untuk bilangan anggota PGA pula, Pasukan Gerakan Am yang mengawal keselamatan sempadan untuk menyekat penyeludupan dan jenayah rentas sempadan dengan penubuhan tiga buah batalion PGA- ini kita sebut peranan PGA keseluruhan di dalam negara kita termasuk Sabah dan Sarawak iaitu kita tubuhkan yang baharu di Batalion 21 PGA Kudat, Batalion 22 PGA Kunak, Sabah, dan juga Batalion 23 PGA Bintulu, Sarawak.

Saya sebut penggunaan teknologi terkini secara berintegrasi bagi melaksanakan pengawasan dan penguatkuasaan sempadan. Oleh sebab itulah, apabila kita sebut penguatkuasaan sempadan, di Sabah kita tidak tinggalkan untuk kita pertingkatkan untuk membina pos-pos yang baharu seperti Pos Rasu, Lundu; Pos Tas, Bau, Pos Sapit, Padawan; Pos Tepui, Serian; Pos Guamin, Sri Aman; Pos Kelauh, Sri Aman; Pos Sungai Putung, Sri Aman dan juga Pos Penggalungan, Keningau, Sabah.

Kita juga mengadakan kerjasama bukan sahaja dengan agensi yang lain tetapi agensi di bawah KDN sendiri seperti mana RELA, juga kita mohon bantuan terutama dalam kita mengadakan sekatan jalan raya di sempadan-sempadan kita.

Kedua, Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai bertanya sama ada PDRM dapat pastikan kes penyeludupan dapat dibendung sekiranya AKSEM dibubarkan.

■1720

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, susulan daripada proses rasionalisasi Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) kepada Polis Diraja Malaysia, skop tugas kawalan sempadan darat diambil alih sepenuhnya seperti mana yang saya sebut awal tadi, oleh PGA.

Bagi memastikan keberkesanan dalam penguatkuasaan di sempadan negara, PGA telah memperketat dan mempertingkatkan kawalan di sempadan kawasan tanggungjawab terutamanya sempadan Malaysia-Thailand. Antara langkah yang kita ambil bagi mengekang jenayah rentas sempadan ialah:

- (i) mengenal pasti dan memperketat pemeriksaan di laluan utama kenderaan darat yang digunakan oleh kumpulan penyeludup serta mengadakan sekatan jalan raya (SJR) di lokasi penugasan SJR yang telah dijalankan oleh AKSEM selama ini dan juga di lokasi SJR PGA yang sedia ada;
- (ii) meningkatkan rondaan dan menyekat laluan tikus. Definisi "laluan tikus" tadi sudah diperjelaskan, yang telah dikenal pasti di dalam kawasan operasi bagi menghalang pergerakan PATI atau penyeludup;
- (iii) mewujudkan poin statik dengan menempatkan petugas PGA di lokasi *hotspot*, dengan izin, kawasan yang panas, sepanjang kawasan tanggungjawab operasi bagi mencegah dan juga menyekat pergerakan PATI atau penyeludup;
- (iv) Memang betul di dalam jihad kita, kita diminta supaya KDN menempatkan lebih ramai lagi Anggota-anggota PGA bagi

- membendung penyeludupan minyak masak, dan sebagainya kepada negara jiran;
- (v) mempertingkatkan risikan maklumat aktiviti atau pergerakan penyeludup PATI di sepanjang kawasan tanggungjawab operasi; dan
 - (vi) menggunakan *high-tech device* seperti mana yang disebut, dron dan beberapa peralatan serta kelengkapan berteknologi tinggi bagi mengawal keselamatan sempadan negara serta penambahbaikan sistem komunikasi secara digital dengan menggunakan teknologi terkini bagi mendapatkan liputan yang lebih luas dan jelas di kawasan operasi, khasnya melibatkan komunikasi antara petugas-petugas di lapangan.

Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose bertanya, adakah PGA mempunyai keupayaan yang mencukupi? Apakah perancangan kementerian untuk peralatan dan peruntukan sedia ada? Saya sudah sebut tadi tentang keupayaan yang cukup. Cuma daripada segi apabila penyerapan AKSEM ini, Pegawai-pegawai AKSEM ini ada sejumlah 13,199 orang pegawai dan anggota ditambah dengan kekuatan 613 orang pegawai dan anggota AKSEM. Jadi, kekuatan keseluruhan PGA ketika ini sejumlah 13,812 orang pegawai dan juga anggota.

PDRM mengamalkan dasar *rotation basis* untuk penugasan di sempadan sejak tahun 90-an., di mana setiap anggota yang bertugas akan menjalani penggiliran mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh Ibu Pejabat Briged, dan juga mengelakkan berlakunya unsur-unsur yang melibatkan integriti.

Daripada segi kelengkapan yang kita telah peroleh di dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas, RP1 iaitu perolehan aset berteknologi tinggi seperti berikut:

- (i) perolehan 16 unit VTOL *Drone* yang berjumlah RM48 juta;
- (ii) perolehan empat unit *armoured personnel carrier* berharga RM12 juta dan juga dilengkapi dengan aset berteknologi tinggi seperti *thermal radar* yang melibatkan kos berjumlah RM7.5 juta...

Seorang Ahli: [Bangun]

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Ya, Yang Berhormat. Hendak bertanya- tidak? Terima kasih.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai juga bertanya tentang penstrukturan semula PGA. Tadi kita sudah jawab.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad, bimbang dengan keanggotaan PGA dan keupayaan mereka untuk kawal sempadan. Pun saya sudah jawab, jumlah tadi.

Yang Berhormat 'Tok Guru' saya, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang. Pertama, bertanya tentang penubuhan AKSEM sebelum ini bertujuan untuk mencegah penyeludupan dengan lebih efisien. Adakah wujud implikasi akibat pembubaran AKSEM?

Kedua, banyak negara ada agensi tunggal untuk urus sempadan.

Ketiga, adakah kerajaan bercadang untuk menggalakkan lagi kerjasama interagensi?

Keempat, statistik penyeludupan terkini selepas pembubaran AKSEM.

Kelima, penjimatan kos pembubaran.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator, aspirasi dan semangat N-BOS telah dilaksanakan sebelum diperkenalkan oleh Dr. Chan Kim, gabungan dan kesepaduan kerjasama antara agensi penguat kuasa sentiasa dilaksanakan dari semasa ke semasa. AKSEM dahulu dikenali sebagai Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) dari tahun 1976

merupakan gabungan tiga buah agensi utama yang saya sebut awal tadi iaitu PDRM, Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia. ESSCOM yang diwujudkan pada tahun 2014 juga dengan gabungan APMM, PDRM dan ATM merupakan refleksi N-BOS yang menjadi tunjang utama Operasi Agensi Keselamatan Negara.

Yang Berhormat 'Tok Guru' saya nampak dapat baca, apa sebabnya kita hendak bubarkan AKSEM ini iaitu untuk kita membincang, meneliti dan mengkaji apakah kita ke arah untuk mewujudkan *single border agency*, dengan izin, yang akan menggantikan AKSEM dan juga akan mengguna pakai konsep ini dengan gabungan JIM, JKDM, PDRM, JPJ, KKM, MAQIS dan lain-lain agensi yang telah disebut oleh Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis. Terima kasih.

Saya rasa, isu-isu itu merupakan isu-isu yang hanya berkisar mengenai pembubaran, kebimbangan dan kejayaan yang akan kita capai sama ada sebelum kita bubarkan AKSEM atau semasa penguatkuasaan AKSEM.

Saya ingat itu sahajalah jawapan yang saya dapat berikan kepada Yang Berhormat. Sekiranya ada jawapan atau pandangan yang tidak dapat saya jawab, bolehlah buat pertanyaan kepada pejabat saya di Kementerian Dalam Negeri, untuk kita memperincikan lagi jawapan-jawapan yang seterusnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Datuk Razali bin Idris **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 4** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia (Datuk Haji Awang bin Hashim) dan diluluskan]

■1730

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KEHADIRAN WAJIB PESALAH-PESALAH (PINDAAN) 2021

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.32 tgh.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-

undang Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah (Pindaan) 2021, dibacakan kali kedua sekarang.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah (Pindaan) 2021, RUU PKW- mohon izin, digubal bertujuan untuk meminda Akta Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah 1954 [Akta 461], dan menggantikan Ordinan Darurat (Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah) (Pindaan) 2021 ODPKW bagi memperkasa inisiatif pemenjaraan di luar tembok penjara melalui program pemulihan dalam komuniti.

Akta Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah 1954 [Akta 461] tidak pernah dipinda sejak tahun 1954. Peruntukan di dalam Akta 461 wajar diperkukuhkan selari dengan perubahan semasa sistem perundangan daripada keadilan pembalasan dan kepada keadilan pemulihan bagi memberi peluang kedua kepada lebih ramai pesalah dengan menjalani hukuman dan pemulihan di luar penjara. Perintah Kehadiran Wajib merupakan hukuman alternatif di luar tembok penjara yang dijatuhkan oleh mahkamah kepada pesalah yang melakukan kesalahan tertentu di mana pesalah ini dikehendaki menjalankan kerja wajib untuk kepentingan masyarakat.

Program pemulihan akan diberikan secara berterusan oleh Jabatan Penjara Malaysia bagi menerapkan nilai-nilai positif untuk melahirkan insan yang berguna kepada masyarakat dan negara serta mencegah perlakuan semula jenayah.

Perintah Kehadiran Wajib di bawah Akta Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah 1954 [Akta 461] telah dilaksanakan oleh Jabatan Penjara sejak 1 September 2010. Berdasarkan rekod Jabatan Penjara Malaysia sejak tahun 2010 sehingga 4 Ogos 2022, statistik pesalah Perintah Kehadiran Wajib adalah seramai 6,900 orang.

Daripada jumlah tersebut, seramai 6,814 orang pesalah telah selesai menjalani perintah tersebut. Cadangan pindaan Akta Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah 1954 [Akta 461] juga merupakan salah satu daripada pelan pengukuhan di bawah Pemulihan Dalam Komuniti yang telah disediakan oleh Kementerian Dalam Negeri sejak tahun 2018.

Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 17 Mac 2021 semasa menimbangkan memorandum daripada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri antara lain telah bersetuju supaya Ordinan Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah (Pindaan) 2021 yang telah disemak oleh Jabatan Peguam Negara dikemukakan kepada Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri untuk perkenan Yang di-Pertuan Agong dan seterusnya diwartakan.

Ordinan Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah (Pindaan) 2021 telah berkuat kuasa pada 16 April 2021 bagi maksud mengekang penularan wabak COVID-19 di kalangan banduan di institusi penjara sepanjang tempoh proklamasi darurat.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tempoh ODPKW berkuat kuasa bermula pada 16 April 2021 sehingga 26 Oktober 2021, seramai 329 orang telah diberikan hukuman perintah kehadiran wajib oleh mahkamah dan 101 orang daripadanya atau pada kadar bersamaan 30.7 peratus telah dikenakan perintah melebihi tiga bulan dan tidak melebihi 12 bulan. Ini menunjukkan satu perkembangan positif di mana mahkamah mengenakan hukuman alternatif terhadap pemenjaraan dengan peluasan tempoh perintah kehadiran wajib dalam ODPKW.

Justeru, adalah dicadangkan supaya Rang Undang-undang Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah (Pindaan) 2021 digubal dengan mengekalkan pindaan yang dibuat dalam ODPKW yang merupakan satu hukuman alternatif di luar tembok penjara bagi memberi peluang lebih ramai pesalah mengikuti program Pemulihan Dalam Komuniti. Dengan menjalani hukuman perintah kehadiran wajib ini, pesalah boleh tinggal bersama keluarga, bergaul dengan masyarakat dan meneruskan kegiatan ekonomi mereka secara tidak langsung ia mengurangkan impak pemenjaraan seperti keruntuhan rumah tangga, kehilangan pekerjaan atau punca pendapatan kepada keluarga pesalah dan stigma masyarakat terhadap banduan.

RUU Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah (Pindaan) 2021 bertujuan meminda Akta 461 seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi "Tajuk Ringkas" dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2, Akta 461 untuk memasukkan takrif baharu "*Commissioner General*" sebagai mana yang ditakrifkan dalam Akta Penjara 1995 [Akta 537] dan memotong takrif "Ketua Pengarah" untuk menjadikannya selaras dengan gelaran yang digunakan dalam Akta Penjara 1995 [Akta 537].

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 4, Akta 461 untuk memberi Komisioner Jeneral kuasa melantik seorang pegawai yang menjaga sebagai Pegawai Pusat Kehadiran Wajib yang bertanggungjawab bagi setiap Pusat Kehadiran Wajib.

Pegawai yang menjaga mempunyai maksud yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Penjara 1995 [Akta 537].

Fasal 5 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 4A, dalam Akta 461 untuk memberi Komisioner Jeneral kuasa mengeluarkan perintah tetap atau memberi arahan yang berhubungan dengan Perintah Kehadiran Wajib yang hendaklah mengikat Pegawai Pusat Kehadiran Wajib.

■1740

Seterusnya, fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 5, Akta 461 subfasal 6(a) bertujuan untuk menggantikan subseksyen 5(1), Akta 461 yang dengan cadangan pindaan ini mahkamah diberi kuasa untuk suatu Perintah Kehadiran Wajib terhadap mana-mana pesalah yang telah disabitkan dengan apa-apa kesalahan yang dia boleh dikenakan hukuman pemenjaraan selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun.

Perintah Kehadiran Wajib yang boleh dikenakan, adalah selama tempoh yang tidak melebihi 12 bulan seperti yang dinyatakan dalam Perintah tersebut berbanding tempoh tidak melebihi tiga bulan pada masa kini di bawah subseksyen 5(1), Akta 461 sedia ada.

Subfasal 6(b) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu iaitu 5(1a) ke dalam Akta 461 bagi memperuntukkan bahawa mahkamah hendaklah mempertimbangkan watak pesalah, jenis dan keseriusan kesalahan yang dilakukan oleh pesalah itu sebelum membuat apa-apa Perintah Kehadiran Wajib.

Fasal 7 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 5(a), ke dalam Akta 461 untuk memberi *Commissioner General* kuasa memindahkan mana-mana pesalah ke Pusat Kehadiran Wajib yang lain apabila sesuatu permohonan dibuat oleh pesalah itu, atau jika difikirkan patut oleh *Commissioner General* untuk berbuat sedemikian...

Tuan Yang di-Pertua: *Commissioner General* itu tidak ada diterjemahkan ya, Yang Berhormat? Pelik juga sebab IGP diterjemah kepada "*Ketua Polis Negara*."

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Betul juga itu.

Tuan Yang di-Pertua: Sahaja, sahaja sebab...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Saya pun bersetuju dengan pandangan Tuan Yang di-Pertua. Nanti pegawai saya betulkan.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti elok bawa ke Jabatan Peguam Negara.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Ya, terima kasih. Fasal 8 bertujuan untuk memasukkan seksyen 6(a) ke dalam Akta 461 dengan pindaan yang dicadangkan ini, mana-mana pesalah yang dipenjarakan berikutan suatu sabitan atau perintah tahanan pencegahan ketika pesalah itu sedang menjalani atau masih belum menjalani suatu kerja wajib menurut Perintah Kehadiran Wajib- hendaklah menjalani hukuman pemenjaraan dan tempoh kerja wajib yang dikehendaki untuk diselesaikan

menurut Perintah Kehadiran Wajib itu hendaklah disifatkan berjalan secara serentak dengan tempoh pemenjaraan atau tahanan itu.

Walau bagaimanapun, pesalah itu masih dikehendaki untuk menjalani kerja wajib bagi mana-mana tempoh kerja wajib yang berbaki selepas menolak tempoh pemenjaraan atau tahanan yang telah dijalani oleh pesalah itu dari tempoh yang dinyatakan dalam Perintah Kehadiran Wajib itu jika tempoh kerja wajib yang dikehendaki untuk dijalankan itu lebih panjang dari tempoh pemenjaraan atau penahanan itu.

Manakala, fasal 11 memperuntukkan peruntukan kecualian dan meminda seksyen 3, dan subseksyen 81, Akta 461 dengan menggantikan perkataan "*Ketua Pengarah*" dengan perkataan sekali lagi mohon maaf, Tuan Yang di-Pertua, "*Commissioner General*" untuk menjadikan selaras dengan gelaran yang digunakan dalam Akta Penjara 1995 [Akta 537]. Kita tidak hendak, dedalu ini hidup, pokok yang mati, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Oleh sebab itu, kita kena rujuk balik pada Jabatan Peguam Negara. Nanti Bahasa Melayu kita yang mati, bahasa lain yang hidup.

Tuan Yang di-Pertua: Agaknya terlepas pandang itu.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Antara pindaan dan penambahbaikan penting kepada Akta 461 ialah terhadap seksyen 5, akta berkaitan penetapan tempoh kelayakan bagi suatu Perintah Kehadiran Wajib kepada seseorang yang telah disabitkan dengan suatu kesalahan yang boleh dikenakan hukuman pemenjaraan selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun. Perintah Kehadiran Wajib yang boleh dikenakan adalah selama tempoh tidak melebihi 12 bulan, berbanding tiga bulan sebelum ini.

Oleh itu, melalui peningkatan kelayakan dan tempoh hukuman Perintah Kehadiran Wajib ini, jumlah pesalah yang boleh dikenakan perintah boleh dipertingkatkan dan sekali gus dipulihkan dalam komuniti. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Lim Ban Hong]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah 1954 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Berdepan dengan saya ada lima orang yang ingin mengambil bahagian. Dipersilakan, Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair.

5.46 ptg.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebagai pengamal undang-undang, saya menyambut baik apa-apa pelaksanaan hukuman luar penjara yang dikenakan kepada mana-mana pesalah yang melakukan kesalahan ringan. Pelaksanaan hukuman pemenjaraan atau denda berbayar tidak seharusnya dijadikan sebagai pematuhan tetap oleh perundangan negara.

Sebaliknya, mahkamah menerusi budi bicara penghakiman boleh memerintahkan seseorang pesalah untuk menjalani kerja sosial atau aktiviti kemasyarakatan yang boleh dijadikan sebagai alternatif kepada hukuman serius. Undang-undang dicipta bukanlah hanya semata-mata untuk memenjarakan seseorang pesalah. Undang-undang yang kita luluskan di Parlimen ini juga perlu mengutamakan soal budi bicara kemanusiaan asalkan budi bicara itu dibuat dengan berasas dan rasional terhadap setiap kesalahan yang diadili.

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikenakan di seluruh negara pada tahun 2020 dan 2021 boleh dijadikan sebagai satu rujukan terbaik bagi pelaksanaan aktiviti kemasyarakatan yang digariskan dalam Undang-undang Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah ini. Selain saya, sebilangan besar daripada pengamal undang-undang di negara ini berpendapat bahawa kesalahan ringan seperti kesalahan berkaitan Pematuhan Kawalan Pergerakan atau *Curfew Order*, dengan izin, seperti PKP perlu disediakan satu hukuman alternatif yang tidak memerlukan pesalah menjalani hukuman pemenjaraan atau denda dibayar.

Selain memberi peluang kedua kepada pesalah, hukuman alternatif yang berorientasikan *community service*, dengan izin, boleh mengurangkan beban pihak pengurusan penjara yang terpaksa berhadapan dengan masalah kepadatan sel penjara. Hukuman yang memerlukan kehadiran wajib pesalah bagi menjalankan kerja sosial juga boleh mengurangkan kos perbelanjaan yang ditanggung oleh penjara bagi menguruskan keperluan harian tahanan atau banduan.

Kesalahan berkaitan PKP sahaja telah melibatkan seramai 378 orang individu yang perlu menjalani hukuman pemenjaraan. Pesalah-pesalah PKP boleh mengundang beban tambahan kepada pihak pengurusan penjara yang masih menghadapi masalah kepadatan banduan. Biarpun PKP tidak lagi dilaksanakan di negara ini namun pelaksanaan hukuman alternatif yang dibuat di bawah Perintah Kerja Sosial memerlukan perhatian serius oleh KDN dalam aspek penyediaan garis panduan atau tatacara.

Penyediaan garis panduan perintah kerja sosial tersebut penting kerana ia boleh dijadikan sebagai panduan perundangan yang turut menjadi rujukan bagi Jabatan Penjara di setiap negeri dalam mengendalikan satu-satu kerja sosial terhadap pesalah.

■1750

Garis panduan yang baik akan menentukan sejauh manakah satu-satu pelaksanaan Perintah Kerja Sosial itu dapat memberi iktibar serta kesedaran kepada pesalah. Oleh sebab itu, KDN seharusnya berperanan secara kolaboratif dengan Jabatan Penjara serta Majistret di seluruh negara dalam melakukan pembaharuan serta semakan semula terhadap garis panduan yang sedia ada.

Penguatkuasaan kehadiran wajib pesalah-pesalah menerusi hukuman yang berorientasikan khidmat masyarakat seharusnya mempunyai objektif yang jelas untuk memberi pengajaran yang berguna kepada pesalah. Kerja sosial tersebut bukan sahaja...

Dato' Nelson a/l Renganathan: Mohon mencelah. Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Sekiranya pengucap membenarkan.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: *So, injury time* ya. Setengah minit.

Dato' Nelson a/l Renganathan: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Dia sedang- tengah, dia kata... *[Ketawa]*

Dato' Nelson a/l Renganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rang undang-undang ini amat dinanti-nantikan. Sebagai seorang pengamal undang-undang, bolehkah Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas menceritakan sedikit mengenai pengalaman Yang Berhormat Senator sendiri dalam kes-kes seperti dibincangkan ini? Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Ya, saya pernah buat kes di Kuala Terengganu baru-baru ini di mana seorang ibu dituduh di Mahkamah Majistret setelah dia didapati mencuri dua paket *Milo*. Majistret telah menjatuhkan hukuman selama 14 bulan. Saya telah seterusnya *as an Officer Of The Court*- Pegawai Mahkamah, *I stood up*, dengan izin, dan telah memberitahu Majistret, memang itu terlampau tinggi.

Saya telah beritahu, saya hendak buat *revision* dalam hari itu juga sebab dia ada dua orang anak kecil. *So*, nasib baik kenal Hakim- bukan kenal Hakim. Saya biasa berhadapan dengan dia dan Yang Arif itu telah terus panggil fail dan telah memberi

amaran sahaja, *and told her to* tiap-tiap pagi datang untuk bersihkan mahkamah dan dapat gaji...

Tuan Yang di-Pertua: Itu bagus juga, Yang Berhormat.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang curi petai pun, kena berat juga begitu.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Ya, *it's sad*. So, sedikit lagi ya.

Berhubung dengan pelaksanaan Perintah Kerja Sosial yang dijalankan menerusi pematuhan Akta Kehadiran Wajib Pesalah ini, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan: pertama, berapakah jumlah individu yang telah ditahan dan dihadapkan ke mahkamah bagi kesalahan PKP sepanjang perintah tersebut dilaksanakan? Apakah jenis kesalahan yang dilakukan oleh tahanan?

Kedua, berapakah jumlah tahanan yang diputuskan oleh mahkamah untuk menjalani Perintah Kerja Sosial mengikut Pematuhan Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah ini? Apakah kerja sosial atau aktiviti kemasyarakatan yang telah dilakukan oleh pesalah-pesalah terlibat?

Ketiga, selain kesalahan berkaitan PKP, apakah jenis kesalahan lain yang telah diputuskan oleh Mahkamah untuk dikenakan Perintah Kerja Sosial bermula dari Januari 2020 hingga Julai 2022?

Keempat, adakah KDN melakukan pemantauan berkala terhadap setiap kerja sosial yang dilaksanakan terhadap pesalah-pesalah di bawah undang-undang ini?

Sejauh manakah pelaksanaan kerja sosial yang digariskan dalam Garis Panduan Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah benar-benar memberi impak serta pengajaran berguna kepada pesalah?

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja ucapan perbahasan saya bagi Rang Undang-undang Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah (Pindaan) 2021. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair.

Beralih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa.

5.54 ptg.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tujuh minit ya.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua atas kesudian memberi saya peluang untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah (Pindaan) 2021.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik untuk kita membuat pindaan terhadap Akta Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah 1954 [*Akta 461*] dan menggantikan Ordinan Darurat Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah (Pindaan) 2021 bagi memperkasakan inisiatif pemenjaraan di luar tembok penjara melalui Program Pemulihan Dalam Komuniti. Dengan adanya pindaan ini, kita dapat memperluaskan usaha kerajaan untuk beralih daripada sistem keadilan bersifat pembalasan kepada keadilan bersifat pemulihan.

Sebagai manusia yang penuh kelemahan, kita sering melakukan kesilapan dari semasa ke semasa. Dengan adanya sistem keadilan bersifat pemulihan, kita memastikan seseorang itu tidak tertakluk kepada satu kesilapan yang boleh mendefinisikan kehidupannya untuk selama-lamanya.

Manfaat lain juga sangat ketara. Seperti mana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, ia membenarkan hubungan pesalah dengan keluarga tidak terputus dan juga mengurangkan impak negatif daripada pemenjaraan yang boleh

menjejaskan bukan sahaja pesalah tetapi keluarga mereka juga. Contohnya, keruntuhan rumah tangga, kehilangan pekerjaan atau punca pendapatan kepada keluarga pesalah. Selain itu, stigma buruk masyarakat terhadap banduan dapat juga dikurangkan.

Kerajaan juga dapat menjimatkan kos mengurus yang ditanggung oleh kerajaan. Mengikut pernyataan pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri, ia telah menjimatkan kerajaan sebanyak RM30.6 juta dengan adanya Perintah Kehadiran Wajib untuk program pemulihan.

Semua perkara di atas membuatkan keputusan saya untuk menyokong pindaan ini sangat mudah. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa perkara yang perlu saya angkat dalam perbahasan ini untuk penjelasan pihak kementerian.

Pertama, seksyen 5 pindaan ke atas Akta Ibu memperluaskan aplikasi kuasa Mahkamah untuk memberi Perintah Kehadiran Wajib- *Compulsory Attendants Order*, dengan izin, untuk melalui program pemulihan bagi orang yang disabitkan kesalahan yang mempunyai balasan pemenjaraan tidak melebihi tiga tahun. Adakah perkara ini akan diaplikasikan secara retrospektif ke atas orang yang kini sedang menjalani tempoh pemenjaraan? Itu yang pertama.

Kedua, adakah kerajaan telah memperuntukkan dana dan sumber manusia yang mencukupi untuk melaksanakan peningkatan skop akta ini terutamanya jika ia bersifat retrospektif?

Ketiga, adakah kerajaan mempertimbangkan pendapat mangsa jenayah, jika ada, dalam memutuskan jikalau pesalah dapat melalui program pemulihan ini sebagai balasan alternatif? Ini untuk mempercepatkan proses pendamaian, dan mengukuhkan lagi proses pemulihan pesalah.

Keempat, apakah jenis program pemulihan yang dilakukan oleh pesalah? Bolehkah ini mengambil kira kemahiran dan tahap pendidikan pesalah tersebut? Ini supaya kita tidak mempergunakan kemahiran tersebut dan tidak sahaja tertakluk kepada kerja asas seperti membasuh sahaja atau membersihkan sahaja. Sebagai contoh, jika pesalah itu merupakan seorang akauntan, bolehkah mereka berkhidmat membantu membuat akaun NGO secara percuma? Ataupun jikalau mereka mekanik, bolehkah mereka membantu penyelenggaraan kenderaan secara percuma bagi golongan B40?

Kelima, adakah analisis penjimatan kos pengurusan pesalah di penjara telah mengambil kira tambahan kos pengurusan pesalah dalam program pemulihan ini? Jikalau niatnya adalah juga untuk menjimatkan kos perbelanjaan, kita perlu membuat perbandingan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang ingin saya sentuh berkenaan rang undang-undang ini. Saya berharap agar kementerian dan semua agensi berkaitan dapat melaksanakan pindaan dan pembaharuan ini dengan baik. Undang-undang ini merupakan sesuatu yang mampu mengubah kehidupan pesalah dan memastikan mereka terus berguna kepada masyarakat.

Khas untuk Tuan Yang di-Pertua....

*Sedap dimakan ais kacang,
Ditambah jagung dan gula perang;
Usaha mendidik biarlah terancang,
Rakyat terbela nasib dipandang... [Tepuk]*

Saya dengan izin menyokong rang undang-undang yang dibentangkan dengan syarat saya mendapat penjelasan terhadap soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh saya. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

■1800

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa. Saya juga berharap bahawa jika mahir undang-undang, maka mahirlah di Mahkamah.

Ketiga, dijemput Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad.

6.00 ptg.

Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Keluarga Malaysia kepada Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Senator sekalian. *Alhamdulillah*, sudah lama rang undang-undang ini yakni Akta Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah 1954, sepatutnya dipinda. Hal ini kerana negara-negara maju, negara-negara *Scandinavia* dengan izin, negara-negara Eropah sudah lama mempraktikkan rang undang-undang ini. Akan tetapi bagi kita memulainya pada selepas ada cadangan membuat pindaannya pada tahun 2021.

Akta yang terlibat ini ialah Akta 461, bermula pada tahun 1954. Jadi, daripada maklumat-maklumat, *info* dan *survey* yang dijalankan dahulu memang sudah lama dibuat cadangan kerana memandangkan keadaan penjara kita yang sesak, yang tidak mengikut piawai dari sudut bilangan penjenayah yang telah disabitkan dalam satu-satu sel.

Maka, inilah jawapannya khususnya kepada kes-kes yang tidak berat. Jenayah tidak berat, mungkin tersilap seperti mana yang dibawa oleh Dato' Kesavadas tadi, suasana yang memaksa berlakunya jenayah seperti mencuri *Milo* dua buah tin, mencuri petai dan sebagainya, kata Tuan Yang di-Pertua.

Jadi untuk jenayah-jenayah yang hukuman bertempohnya tidak melebihi tiga tahun, saya rasa inilah solusinya dengan izin. Di mana benda ini bukannya benda baharu. Umpamanya, beberapa buah syarikat gergasi Korea dahulunya bermula. Saya terbaca dalam buku autobiografi Lee Myung-bak, Presiden Korea Selatan yang dua sebelum ini. Sebelum...

Tuan Yang di-Pertua: Ada baru ini Presiden juga yang telah kena penjara, yang itu...

Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad: Itu Park Geun-hye, itu anak kepada Park Chung-hee, itu perempuan, yang sebelum dia. Sebelum dia ialah Lee Myung-bak. Lee Myung-bak ini ialah Presiden yang pernah menjadi CEO kepada *Hyundai Construction*. Di mana projek pertama *Hyundai* di luar negara adalah di Narathiwat, Lebuh raya Narathiwat. Pekerja-pekerja dia, bila mana *Hyundai* membida projek-projek ini berbanding dengan syarikat-syarikat gergasi lain daripada Eropah dia menang.

Dia menang, dia boleh menurunkan kos kerana penjimatan berlaku kerana dia menggunakan banduan-banduan tidak tegar untuk menjadi pekerja-pekerja dia.

Jadi sebab itu, sifat negara kita ini tidak boleh menjadi sifat negara penghukum. Tidak boleh. Ia sifat kena menjadi negara pendidik, baru kita boleh melahirkan masyarakat yang baik akhlaknya. Kita jangan terlalu gelojoh untuk menjadi tenaga penghukum. Sikit-sikit hukum, sikit-sikit hukum. Jadi, saya fikir inilah satu ruang untuk kita mendidik rakyat kita yang tersilap melakukan kesalahan-kesalahan kecil yang melibatkan hukuman tidak melebihi tiga tahun.

Oleh sebab itu, saya bersetuju dengan pandangan Tuan Yang di-Pertua di mana saya pun juga hendak menegur sama ada ia disediakan oleh, dengan izin, *AG Chambers*, maknanya Jabatan Peguam Negara kerana kecenderungan untuk menggunakan perkataan Inggeris yang hanya diubah ejaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad: Misalnya *commissioner-Commissioner General*, melibatkan penjara, Jabatan Penjara, Tuan Yang di-Pertua. Dulunya jabatan itu ketua pengarah tetapi sekarang ini dengan izin, seolah-olah macam

jabatan kerajaan sudah macam geli hendak guna perkataan ketua pengarah. Jadi macam geli sudah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, betul.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Ia macam ada satu fobia tidak hendak menggunakan perkataan "Ketua Pengarah." Jadi dia hendak guna perkataan yang Polis sudah guna pesuruhjaya. "*Commissioner*", ini "Pesuruhjaya" Jadi hendak jadi "Pesuruhjaya Jeneral." Jadi, dia macam menggunakan *Commissioner*, tetapi Polis sudah menggunakan "Pesuruhjaya." Makna perkataan sekarang ini ialah "Pesuruhjaya Jeneral."...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Saya fikir kita kena tegas, selagi mana kita sendiri tidak hendak mendaulatkan bahasa kita, kita tidak boleh mengharap orang lain untuk mendaulatkan bahasa kita. Oleh sebab itu, dengan izin, sambil saya bukannya hendak menegur Kementerian Dalam Negeri tetapi jangan terlalu gelojoh atau terlalu terburu-buru menyediakan rang undang-undang ini sehingga menyebabkan banyak istilah, dengan izin, tatabahasa kita dan *vocabulary*, dengan izin, sudah jadi dirojak.

Ini tidak baik, tidak bagus untuk menampakkan bahasa itu jiwa bangsa. Seolah-olah maknanya kita ini tidak ada jiwa bangsa, sedangkan bahasa itu jiwa bangsa. Oleh sebab itu, saya menegur sekali lagi supaya Kementerian Dalam Negeri mesti serius tentang penggunaan bahasa kita ini. Kalau tidak apa guna kita ada Dewan Bahasa dan Pustaka, kalau tidak hendak mendaulatkan bahasa kita dan memang sudah Dewan Bahasa dan Pustaka telah membuat penyelidikan. Kakitangan-kakitangan yang terlatih, diambil pensyarah-pensyarah kanan, pensyarah hebat daripada universiti-universiti dalam negara untuk menguatkan lagi status Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jadi perlulah, jangan ditinggalkan. Sekarang ini saya tengok satu kecenderungan di jabatan-jabatan kerajaan untuk meminggirkan Dewan Bahasa dan Pustaka. Tidak betul! Kita mesti melibatkan pegawai-pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka untuk membetulkan balik kerana penat mereka hendak mengeluarkan Pustaka Dewan, penat.

Tuan Yang di-Pertua: Setuju kah Yang Berhormat kalau perkataan "*Commissioner General*" itu sebenarnya ialah Ketua Pesuruhjaya?

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Ya, betul. Betul

Tuan Yang di-Pertua: Mudah sahaja... [Ketawa]

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Polis sudah pakai, okey sebab itu satu.

Kedua, bagus rang undang-undang ini kerana ia memberi kebebasan kepada pesalah-pesalah tidak tegar, pesalah yang menjalani hukuman tiga tahun ke bawah dan dia membenarkan juga, maknanya pesalah itu untuk melaporkan diri bila diminta kehadiran wajib di tempat-tempat yang bersesuaian.

Cuma sekarang ini, mesti ada satu mekanisme. Di sinilah peranan yang boleh dimainkan oleh NGO agama, dengan izin. Jangan tengok daripada perspektif yang negatif kerana dengan izin, NGO agama ini dia lebih menjiwai, dia lebih dekat dengan jiwa-jiwa pesalah ini.

Ini kita tengok di Amerika Syarikat, penjara-penjara dia yang banyak berubah, dengan izin, pesalah-pesalah tegar menjadi orang yang baik-baik kerana melalui kerja buat NGO agama ini. Saya rasa inilah ruang dan sebagainya kerana dengan kita melakukan begitu, kosnya makin bertambah.

Hal ini kerana NGO ini memang dia sangat suka, dia sangat suka menjalankan kerja-kerja menasihati, membetulkan masyarakat kerana kita bercita-cita hendak melahirkan seramai mungkin orang-orang yang baik. Inilah tugas-tugas agama-agama ini, fasal hendak melahirkan orang yang baik-baik. Jadi, saya tidak fikir suatu kesulitan.

Kementerian mungkin boleh memikirkan, dengan izin, *assign*. Maksudnya meletakkan beberapa orang pegawai tertentu dengan kerjasama NGO agama ini supaya boleh bekerjasama dan boleh memantau.

Saya fikir di antara beberapa sektor yang kita boleh memanfaatkan mereka ini umpamanya, kerja-kerja binaan daripada kita terlalu bergantung dengan Indonesia ataupun dengan Bangladesh, mereka ini boleh dijadikan. Hal ini kerana kalau *Hyundai* pernah buat dan kebanyakan syarikat Cina sekarang pun buat, kenapakah kita tidak boleh memanfaatkan? Saya pernah hadir mesyuarat bersama-sama dengan KSU dan TKSU Kementerian Pengangkutan, KSU dan TKSU Kementerian Kerja Raya bahawa untuk menjalankan kerja-kerja kontrak ini dengan terang dan jelas, terang menderang dikatakan boleh pakai.

Sudah ada, penjara sudah buat, sudah ada rekod, maksudnya mengambil mereka yang mendapat kelulusan penjara untuk digunakan sebagai pekerja-pekerja. Jadi maksudnya, selain daripada penjiwaan yang dikatakan tadi, pekerja ini juga mendapat imbuhan yang lebih bersesuaian.

■1810

Ini satu langkah bagaimana kita boleh mengurangkan pekerja-pekerja sektor binaan, sektor sekuriti. Ini kerana mereka ini kebanyakannya bukan kerana cenderung melakukan jenayah tetapi kesilapan-kesilapan mungkin situasi, emosi. Ada lah kadang-kadang kita ini- Allah SWT berfirman... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] "*Pada diri kamu itu disebabkan sifat jahat dan juga sebab baik*".

Jadi kadang-kadang sifat jahat itu, pada waktu itu ia memang mempengaruhi. Jadi sebab itulah dengan kerjasama NGO-NGO yang baik dan juga pegawai-pegawai yang telah diberi tugas oleh Jabatan Penjara Malaysia, saya rasa *insya-Allah*, banyak benda kebaikan yang kita boleh buat kerana dalam konteks mendidik ini, kita rujuk pada firman Allah SWT yang berbunyi... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] "*Kamu ajaklah, kamu bawa mereka kepada kamu dengan cara yang bijaksana*." Inilah caranya.

Saya fikir jadi kita jangan tinggal NGO yang bertebaran yang sentiasa hendak memberi tugas bersama-sama dengan pegawai-pegawai yang telah diberi tugas oleh Jabatan Penjara Malaysia untuk sama-sama mendidik masuk kerana mereka ini jangan diberi peluang kerana kalau mereka masuk penjara, kadang-kadang mereka boleh menjadi penjenayah yang lagi besar. Ini kerana dalam penjara taiko-taiko besar. Banyak berlaku mereka ini, dengan izin, *petty* sahaja. Kesalahan-kesalahan kecil tetapi kerana duduk dalam penjara, duduk bersama-sama dalam satu buah sel dengan kepala-kepala gengster ini, dia jadi terpengaruh, terikat, kena ugut dan sebagainya, menjadi tali barut dan juga penghubung.

Jadi saya rasa untuk itu, dengan berjayanya kita lakukan pindaan ini, *insya-Allah*, benda-benda yang digeruni, yang kita terdengar sebelum ini, *insya-Allah* tidak akan berlaku di mana pesalah-pesalah kecil ini menimba ilmu jenayah-jenayah yang lebih besar daripada *cellmate* dengan maksudnya yang duduk sama-sama dalam sel di penjara dengan mereka.

Jadi saya memohon menyokong dan saya rasa ini- rang undang-undang ini sangat baik, sangat tepat. Kita jangan fikir pasal COVID-19. Sepatutnya tidak ada COVID-19 pun, walaupun masing-masing bercakap kerana COVID-19 maka kita buat ini, jangan. Kita tidak fikir pasal COVID-19. Tidak ada COVID-19 pun memang kita kena buat. Apa yang telah pun dibuat oleh banyak negara maju di dunia. *Wallahualam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam*. Terima kasih kepada Yang Berhormat.

Ada seorang sahaja lagi iaitu Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying. Oleh sebab Yang Berhormat Puan Rita ada urusan, tidak menyertai. Silakan Yang Berhormat Puan Lim.

6.12 ptg.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Pertama, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana berjaya meluluskan Akta Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah 1954 di Dewan Rakyat pada 19 Julai. Saya juga amat bersyukur apabila pihak kerajaan ingin membawa Usul berkaitan akta ini ke dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara untuk dibahaskan.

Kerajaan adalah penting kerajaan mengetengahkan konsep keadilan pembalasan dan keadilan pemulihan yang selaras dengan sistem perundangan semasa. Saya berharap agar konsep yang berasaskan keadilan ini dalam dilaksanakan bukan sahaja untuk akta ini tetapi secara menyeluruh. Keadilan dalam pentadbiran negara seharusnya diperkukuhkan dan bukannya mementingkan *cronyism* atau pilih kasih. Hal ini demikian kerana budaya pilih kasih dan *cronyism* akan memberikan kerugian yang besar kepada negara.

Apabila kita berbicara tentang pesalah-pesalah yang berada di penjara, kita perlu ingat bahawa mereka juga rakyat yang bergantung kepada dasar-dasar dan undang-undang yang kita lakukan. Oleh itu, saya juga menggesa agar kerajaan juga perlu melakukan banyak pindaan kepada undang-undang yang memberikan keadilan kepada pesalah-pesalah tersebut.

Melalui penelitian saya, saya mendapati ada beberapa penambahbaikan bagi memantapkan lagi pelaksanaan akta ini kepada masyarakat dan pihak yang berkenaan. Saya berharap agar cadangan penambahbaikan ini diambil maklum oleh pihak kerajaan supaya akta yang kita luluskan ini memberi kebaikan dan manfaat kepada rakyat jelata.

Antara cadangan penambahbaikan berkenaan akta ini merupakan pemberian kerja wajib membawa pemulihan kepada para pesalah. Pekerjaan wajib yang sesuai dan mampu membawa perubahan kepada diri pesalah. Hal ini demikian kerana kerja wajib yang diberikan seharusnya mencerminkan keinsafan dan pemulihan diri mereka dan bukannya bertujuan untuk menambah hukuman mereka. Sehubungan ini, kerja wajib mestilah menerapkan bukan sahaja nilai murni antara pesalah dan masyarakat tetapi nilai perpaduan antara satu sama lain. Sebagai contoh, kerja wajib itu mestilah memberikan impak yang positif kepada pesalah-pesalah sehingga mampu memberi kesedaran kepada mereka. Kesannya, pesalah-pesalah lebih menerapkan nilai-nilai positif serta menginsafkan diri mereka.

Jelaslah di sini bahawa kerja-kerja wajib yang mampu memberikan impak positif merupakan salah satu langkah yang membawa pesalah kembali ke pangkal jalan. Saya berharap agar cadangan bagi pemberian kerja wajib ini dapat dipertimbangkan oleh pihak kerajaan bagi usaha memulihkan pesalah-pesalah ini kerana mereka juga merupakan rakyat kita yang memberi peluang kepada kita untuk mewakili mereka.

Cadangan saya yang kedua adalah melaksanakan ujian maklum balas berkenaan dengan kerja wajib yang dilakukan. Maklum balas yang diberikan oleh pesalah-pesalah amatlah penting kerana daripada maklum balas tersebut, kita dapat mengenal pasti bahawa adakah kerja wajib yang kita berikan kepada mereka itu sesuai dan memberikan impak yang positif kepada mereka. Hal ini juga membolehkan kita untuk mengetahui kerja-kerja wajib yang boleh difikirkan sesuai dan mampu memulihkan mereka. Sebagai contoh, sekiranya terdapat banyak maklum balas yang positif terhadap sesuatu kerja wajib yang dijalankan, maka seharusnya kita boleh memberikan kerja wajib tersebut lebih kerap tanpa mengabaikan kerja-kerja wajib yang lain.

Kesannya, kita juga dapat memberi pilihan dan membantu pesalah-pesalah yang ingin berubah menjadi lebih baik. Pesalah-pesalah juga perlu diberikan hak untuk memilih dalam perkara-perkara yang tertentu mengikut dasar perikemanusiaan sejagat. Jelaslah

bahawa pandangan dan cadangan pesalah juga perlu diambil kira bagi membolehkan proses pemulihan mereka berjalan dengan baik supaya mereka mampu berbakti kepada negara semula.

Akhir sekali saya berharap kerajaan dapat meneliti Akta Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah 1954 ini sebelum dikuatkuasakan. Saya juga berharap cadangan-cadangan yang diberikan oleh pihak pembangkang dan yang lain-lain perlu diambil kira bagi menambahbaikkan akta ini. Semoga cadangan-cadangan ini dapat memberi manfaat kepada rakyat demi mencapai kesejahteraan secara bersama. Sekian, terima kasih. Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying. Yang Berhormat Menteri.

6.17 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada empat orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah (Pindaan) 2021, dan saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana saya percaya keempat-empat Wakil Rakyat tadi telah faham, apakah sebabnya kita hendak buat pindaan kepada akta ini di mana kita telah mengambil kira penguatkuasaannya ketika COVID-19 dan kita mahu supaya kekangan atau kesesakan yang berlaku di dalam penjara ketika itu, ketika COVID-19 dapat kita kurangkan dan penularan COVID-19 dapat kita kekang. Bukan sahaja masalah COVID-19 iaitu masalah penyakit-penyakit berjangkit yang lain yang dapat kita hindarkan.

Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah, terima kasih kepada Yang Berhormat kerana faham terhadap kesan atau implikasi kewangan yang dapat kita kurangkan. Sebagai contoh yang disebut tadi, jika 6,800 orang pesalah untuk kita letakkan di dalam penjara atau hukuman penjaraan selama tiga bulan, kita dapat jimatkan kos sejumlah RM30.6 juta.

Bayangkan kalau penjara itu boleh sampai kepada tiga tahun tetapi kita berikan Perintah Kehadiran Wajib daripada tiga bulan, kita tingkatkan kepada 12 bulan. Berapa banyak kos penjimatan yang telah dapat dilakukan. Itu bagi pihak kerajaan dan juga bagi pihak pesalah yang telah saya sebutkan tadi. Kita tidak pisahkan dengan anggota keluarga masing-masing.

■1820

Bahkan, pesalah tersebut boleh meneruskan kegiatan ekonomi dan juga pesalah-pesalah Perintah Kehadiran Wajib tidak menimbulkan rasa syak wasangka di kalangan masyarakat dan itulah antara sebab utama yang hendak kita lakukan pindaan kepada akta ini.

Saya tidak banyak perkara yang hendak disebut kerana masing-masing telah menyuarakan pandangan dan juga bersetuju dengan pindaan. Cuma, saya menerima baik teguran daripada Tuan Yang di-Pertua, dan dengan syarat- tadi ada syarat daripada Yang Berhormat, hendak lulus ini dia kata mesti bersetuju dan mendapat jawapan iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa, lulus bersyarat. Kos saya dah jawab, seksyen 5 pun sudah jawab- tentang Perintah Kehadiran Wajib tidak lebih daripada kesalahan yang tiga tahun dan hendak saya nyatakan bahawa pesalah-pesalah yang telah dipenjarakan sebelum akta ini diluluskan tidak terlibat dan diteruskan pemenjaraan di dalam tembok.

Seterusnya, memang kita mengambil kira pendapat mangsa-mangsa yang terlibat daripada pesalah-pesalah dan kita telah- dalam masa yang sama, kita sedang mengadakan libat urus dengan Jabatan Peguam Negara supaya semua Hakim atau

Majistret dapat memahami apakah keadaan-keadaan yang tertentu, dan munasabah berdasarkan perlakuan tingkah laku pesalah-pesalah tersebut yang boleh dihukum penjara selama tiga tahun ke bawah.

Jadi, ini akan kita selaraskan, dan *insya-Allah* dengan kerjasama dan pandangan Yang Berhormat, sangatlah saya alu-alukan. Saya kira penjelasan-penjelasan yang-tentang isu-isu ini telah saya jawab kerana tidak banyak isu yang ditimbulkan, dan bersetuju dengan pindaan ini dan sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua Ahli Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Apakah yang hendak dibuat tentang istilah yang kita boleh jadikan Bahasa Kebangsaan itu?

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Yang Berhormat ...

Tuan Yang di-Pertua: "*Commissioner General*..."

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Yang Berhormat, kita sebenarnya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat, dan kita akan berbincang dengan Jabatan Peguam Negara, dan bagi- tentang "*Commissioner General*" ini memang termaktub dalam akta dan kita akan berbincang dan merujuk semula pada Jabatan Peguam Negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: [*Ketawa*] Bukan senang hendak jawab.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Betul, betul. Ini kerana dia terpaksa melibatkan akta yang sedia ada. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jawabnya mudah iaitu akta itu walaupun lama, harus diusahakan oleh Jabatan Peguam Negara menterjemahkan sepenuhnya. Ini negara Malaysia, kita tidak boleh separuh gunakan '*Commissioner*' sebagai perkataan yang tidak pernah diterjemahkan. Sudah pun diterjemahkan. Pesuruhjaya Tinggi misalnya menjadi kepada *High Commissioner*. Kalau "*Commission*", dia "Pesuruhjaya" Kalau "*Commission General*"- "Ketua Pesuruhjaya", mudahnya begitu.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi kalau ada pihak yang hendak bertelagah, harus dibuat satu polemik yang jelas. Memudahkan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk membentangkannya.

Jadi, saya bersama dengan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas sebentar tadi menyatakan sesuatu dan khususnya terhadap yang disebut oleh Tuan Sr. Haji Mohd Apandi, Yang Berhormat kita. Jadi, harap sampaikan mesej Dewan Negara ini pada Jabatan Peguam Negara. Dengan itu, silakan.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ambil maklum, dan akan merujuk pada Jabatan Peguam Negara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[*Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui*]

[*Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa*]

[*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa*]

[*Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa***]

[*Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa*]

[***Fasal-fasal 1 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang***]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia (Datuk Haji Awang bin Hashim) dan diluluskan].

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA BEBAS TATAKELAKUAN POLIS 2020

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.26 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020, dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia merupakan negara yang berdaulat dan berpaksikan kepada Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi dalam negara. Oleh yang demikian, dalam menggubal mana-mana akta dan undang-undang, kerajaan perlu memastikan ia selari dengan Perlembagaan. Dalam hal ini, Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) 2020 yang akan dibahaskan pada hari ini dilihat sebagai suatu undang-undang baharu yang selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan memberi keadilan kepada pasukan PDRM dan juga orang awam.

Rang Undang-undang IPCC 2020 ini digubal dengan menitik beratkan prinsip-prinsip keadilan di dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan. Rang Undang-undang IPCC ini memberi fokus kepada penubuhan sebuah badan untuk melaksanakan siasatan, manakala tindakan dan hukuman tatatertib masih dikekalkan dengan Suruhanjaya Pasukan Polis (SPP) yang mengikut peruntukan sedia ada di dalam Perkara 140, Perlembagaan Persekutuan. Dasar ini juga diguna pakai oleh kerajaan dalam merangka Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) 2009.

Rang Undang-undang IPCC ini digubal setelah dibuat perbandingan di antara, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *Independent Office for Police Conduct United Kingdom* dan *Independent Police Complaints Council Hong Kong* di mana negara tersebut mempunyai badan pemantau- *oversight body*.

■1830

Kedua-dua badan bebas ini hanya menjalankan kuasa siasatan ke atas salah laku dan hasil dapatan akan dikemukakan kepada pihak berkuasa berkenaan untuk diambil tindakan.

Setelah perbandingan dibuat, KDN telah membentangkan RUU ini kepada Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Ogos 2020 dan RUU IPCC 2020 telah mendapat persetujuan Jemaah Menteri. Seterusnya, RUU ini dibentangkan di dalam Dewan Rakyat dan telah diluluskan di peringkat Dewan Rakyat pada 26 Julai 2022 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, konsep penubuhan IPCC telah mengambil kira sepenuhnya perkara-perkara berikut...

[Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Teruskan, Yang Berhormat.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Konsep penubuhan IPCC telah mengambil kira sepenuhnya perkara-perkara berikut: pertama, IPCC mengamalkan pengasingan kuasa. IPCC mengamalkan prinsip pengasingan kuasa selaras dengan sistem pentadbiran negara. IPCC yang akan ditubuhkan kelak hanya berperanan untuk menjalankan siasatan dan mengesyorkan tindakan tatatertib ke atas Anggota Polis kepada SPP tanpa menentukan jenis hukuman.

Kedua, bersifat terbuka dan adil kepada anggota pasukan polis menerusi RUU IPCC 2020. Keanggotaan Suruhanjaya adalah terbuka kepada semua individu termasuk pekhidmat awam dan pesara polis. Individu yang akan menganggotai Suruhanjaya adalah berdasarkan kelayakan pengetahuan, kemahiran, pengalaman dan apa-apa perkara lain yang akan ditentukan kelak. Ini bermakna sekiranya individu tersebut mempunyai kelayakan seperti yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya, maka mereka boleh dilantik menganggotainya.

Ketiga, berperanan sebagai *mandatory referral*, dengan izin. Merujuk kepada klausa rujukan *mandatory referral*, IPCC memperuntukkan supaya semua kes yang melibatkan kecederaan serius, kematian dan jenayah seksual terhadap orang dalam tahanan atau jajaan polis dilaporkan kepada pihaknya untuk tindakan selanjutnya.

Peruntukan rujukan mandatori ini berupaya untuk memastikan penyiasatan jenayah yang telus dapat dijalankan oleh anggota pasukan polis, meningkatkan integriti Anggota Polis, menghapuskan persepsi negatif orang awam terhadap pasukan Polis dan mengelakkan penyiasatan yang berat sebelah bagi menutup kesalahan anggota pasukan Polis.

Bagi membolehkan siasatan ke atas aduan yang diterima oleh IPCC dijalankan secara inklusif dan komprehensif, wakil kepada SUHAKAM boleh dijemput untuk bekerjasama dengan pasukan siasatan IPCC terutamanya bagi kes kematian dalam tahanan.

RUU IPCC 2020 ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis. Matlamat RUU yang dicadangkan adalah untuk mempertingkatkan integriti pasukan polis, mengurangkan salah laku dalam kalangan anggota polis dan meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap pasukan polis.

RUU IPCC 2020 ini mengandungi 47 Fasal seperti berikut: fasal 1 dan 2 memperkatakan perkara permulaan yang mengandungi "*Tajuk Ringkas*", dan "*Tafsiran*".

Fasal 3 hingga 13 akta yang dicadangkan ini memperkatakan penubuhan, fungsi dan kuasa Suruhanjaya.

Fasal 14 hingga 21 akta memperkatakan mengenai pentadbiran Suruhanjaya termasuk pelantikan Setiausaha dan pengambilan khidmat perunding.

Fasal 22 hingga 26 akta mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan pengurusan aduan oleh Suruhanjaya, termasuk cara aduan boleh dibuat.

Seterusnya, fasal 27 hingga 32 akta mengandungi peruntukan mengenai kuasa penyiasatan oleh Suruhanjaya dan Pegawai Suruhanjaya termasuk kuasa untuk memulakan penyiasatan salah laku atas inisiatifnya sendiri.

Fasal 33 dan 34 mengandungi peruntukan mengenai kesalahan termasuk kesalahan dalam mengemukakan maklumat palsu.

Dan Fasal 35 hingga 47 mengandungi peruntukan pelbagai termasuk memperuntukkan tanggungjawab pasukan Polis untuk bekerjasama dengan dan

membantu Suruhanjaya, termasuklah memberikan apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh Suruhanjaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Haji Awang bin Hashim]: Saya menyokong.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis sebagai satu badan pemantau bebas dan untuk mengadakan peruntukan mengenai fungsi dan kuasanya termasuklah kuasa bagi perkara yang berhubungan dengan aduan salah laku dan penyiasatannya, dan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai 12 orang Yang Berhormat yang hendak berbahas. Saya membenarkan tempoh masa tujuh minit seorang untuk berbahas.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair.

6.38 ptg.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kredibiliti serta keterampilan polis (PDRM) sebagai sebuah badan penguat kuasa negara semakin hari semakin terhakis. Mana tidaknya, disiplin serta kelakuan sebahagian daripada Anggota Polis semasa menjalankan tugas atau semasa berada di khalayak ramai tidak mencerminkan etika kepolisan yang sewajarnya dimiliki oleh setiap Anggota Polis.

Secara prinsipnya, saya menyokong penubuhan satu Suruhanjaya Bebas yang boleh berfungsi dan berperanan sebagai badan pemantau etika serta disiplin PDRM. Rang undang-undang ini saya berpendirian masih tidak cukup untuk menjadi kuasa perundangan yang kukuh untuk meningkatkan mutu perkhidmatan PDRM yang masyhur dengan slogan, "Mesra, Cepat dan Betul."

Bagi mengulas lebih lanjut rang undang-undang ini, saya ingin menekankan beberapa perkara mengenai peruntukan atau klausa yang terkandung dalam rang undang-undang ini.

Pertama, mengenai fasal 6. Berdasarkan fasal tersebut, saya ingin mendapatkan penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan perkara-perkara berikut-pertamanya, memandangkan pelantikan ini dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri, apa jaminan bahawa anggota Suruhanjaya yang dilantik benar-benar berkaliber, berintegriti dan mempunyai tahap profesionalisme yang tidak boleh diragui?

■1840

Bagi pandangan saya, satu buah Panel Profesional Bebas, atau Jawatankuasa Khas yang terdiri daripada individu-individu yang bukan partisan yang boleh menasihati Perdana Menteri berkenaan dengan pelantikan suruhanjaya perlu diwujudkan. Perdana Menteri hendaklah mendapatkan rundingan atau *consultation*, dengan izin, daripada panel ataupun Jawatankuasa Bebas tersebut sebelum mempersembahkan nama-nama calon anggota suruhanjaya kepada Yang di-Pertuan Agong.

Tapisan atau *screening* dengan izin, adalah penting untuk memastikan calon-calon yang akan diketengahkan benar-benar menepati segala kriteria yang dinyatakan dalam fasal 6(3) rang undang-undang ini. Portal akhbar *Free Malaysia Today* telah menerbitkan satu artikel mengenai pandangan *The Center to Combat Corruption and*

Cronyism (C4) terhadap kelompangan yang dikatakan terhadap dalam rang undang-undang.

Seperti yang dinyatakan oleh C4, penubuhan suruhanjaya ini tidak akan berupaya memperkasakan PDRM sebagai agensi penguat kuasa yang berintegriti dan amanah. Mereka berpandangan bahawa Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis yang akan ditubuhkan ini tidak dimandatkan dengan sebarang bentuk kuasa untuk menjalankan siasatan terhadap mana-mana aduan berkaitan salah laku anggota PDRM. Berhubung dengan pandangan C4 tersebut, saya ingin membangkitkan perihal kuasa suruhanjaya seperti yang dinyatakan dalam fasal 5 rang undang-undang ini.

Berdasarkan fasal ini, Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis diperuntukkan dengan lima bidang tugas yang antaranya termasuklah melakukan penilaian terhadap satu-satu aduan bertulis orang awam mengenai salah laku Anggota Pasukan Polis. Bidang kuasa yang dinyatakan dalam perenggan C, fasal 5 tersebut menyebut bahawa aduan bertulis yang diterima daripada orang awam tersebut boleh disiasat oleh suruhanjaya.

Oleh yang demikian, saya ingin minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dua persoalan yang saya ingin bangkitkan berkenaan dengan peruntukan fasal 5, perenggan C tersebut.

Pertama, adakah pada hakikatnya Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis ini mempunyai mandat mutlak atau *absolute power*, dengan izin, untuk mengendalikan siasatan terhadap aduan salah laku polis yang disampaikan oleh orang awam.

Kedua, adakah aduan bertulis yang disebut dalam peruntukan tersebut ditetapkan sebagai satu-satu cara atau kaedah pemberitahuan aduan? Tanpa menjejaskan kuat kuasa peruntukan tersebut, adakah orang awam boleh menyampaikan aduan mereka kepada suruhanjaya menerusi kaedah atau bentuk penyampaian aduan selain dalam bentuk bertulis?

Tanpa kaedah pemantauan yang efisien, Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis ini tidak akan mampu menjalankan bidang tugasnya dengan baik terutamanya dalam mengendalikan siasatan terhadap aduan salah laku polis yang diterima.

Seperti Pendakwa Raya, Suruhanjaya ini juga perlu menumpukan soal pembuktian atau *evidence*. Tanpa pembuktian yang berkredibiliti tinggi, amat sukar bagi suruhanjaya ini untuk melakukan penilaian terhadap satu-satu aduan bertulis yang diterima oleh pengadu. Sekiranya Suruhanjaya ini tidak dibekalkan dengan bukti sokongan yang boleh melancarkan proses penilaian aduan maka suruhanjaya akan berhadapan dengan kesukaran untuk mengesyorkan tindakan tatatertib atau *disciplinary action* kepada Suruhanjaya Pasukan Polis seperti yang disebut dalam perenggan E, fasal 5.

Ada banyak lagi. Oleh sebab masa tidak mengizinkan, memang saya dengan sedihnya, mengatakan saya tidak setuju dengan rang undang-undang ini. Terima kasih.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih Yang Berhormat kerana menepati masa kita.

Jadi selanjutnya saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad. Tujuh minit ya Yang Berhormat.

6.45 ptg.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, dan salam Keluarga Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Senator sekalian. Saya hendak ucap terima kasih kerana kerajaan akhirnya membentangkan Akta Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan. Walaupun belum lagi kuat dia punya, dengan izin, "*umphh*", tetapi setidaknya memulakan daripada sesuatu. Ini kerana dahulu ini sudah ada cubaan untuk

membawa akta ini tetapi mendapat tentangan yang kuat daripada pasukan Polis Diraja Malaysia dengan alasan-alasan mereka adalah anggota yang menyiasat tiba-tiba mereka kena siasat.

Walau bagaimanapun, mungkin dengan peredaran masa dan juga kerana kita kena faham bila mana dibuat *survey*, jabatan mana yang paling teruk rasuah? Mendukacitakan kita kerana melalui *survey* yang dibuat, nombor satu, Anggota Polis. Yang paling teruk, *index persepsi corruption*, dia.

Kedua, ahli politik kita. Oleh sebab itu saya berbangga pada kali ini, walaupun pada penggal Pilihanraya Keempat Belas ini sudah ada tiga Perdana Menteri, minta-minta kekallah sehingga Pilihanraya Kelima Belas, kekal tiga Perdana Menteri. Akan tetapi banyak rang undang-undang yang sensitif dahulunya, yang kritikal dulunya, yang tidak berani dibawa masuk, telah kita luluskan satu persatu terutamanya yang melibatkan negeri yang mana Timbalan Speaker datang, dengan izin, MA63 telah mula dibawa ke Dewan Rakyat dan Dewan Negara, diluluskan.

Begitu juga dengan pendaftaran wajib pengundi dan juga merendahkan umur had mengundi. Semua perkara itu saya ingat pada 1999 sehingga 2004, saya tidak berhenti-henti memperjuangkan itu. Akan tetapi *alhamdulillah*, setelah 20 tahun berlalu, saya melihat, dengan izin, *there is light at the end of the tunnel*. Maknanya inilah satu kekuatan baru, politik yang ada pada negara kita dan banyak rang undang-undang yang kita bentang itu kadang-kadang mendapat sokongan seluruh tanpa mengira parti politik yang melatarbelakangi kita.

Oleh sebab itu kalau kita sudah berjaya umpamanya dengan Mesyuarat kali ini, macam esok kita hendak membuat pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan yang memerlukan sokongan 2/3 Ahli Dewan Rakyat, dan juga Ahli Dewan Negara yang menyentuh tentang ahli politik, yang mana sekiranya kita berjaya melakukan itu, maka dengan sendirinya keyakinan anak-anak muda dan pengundi luar dan orang luar kepada ahli politik itu meningkat dan mereka percaya kepada suasana politik.

Begitu juga hari ini kerana kita tahu, kita bukan- kita sayang polis kita ini, bukan tidak sayang, mesti, kerana dia penguat kuasa yang menjaga ketenteraman, keselamatan dan sebagainya. Akan tetapi bila dibuat *survey* dan kajian, itu menggambarkan kebenaran. Kalau Anggota Polis menduduki nombor satu Persepsi Indeks Rasuah, dan berkali-kali *survey* ini dibuat, maka *alhamdulillah* Pasukan Polis yang diketuai oleh *alhamdulillah*, teman saya dari Universiti Teknologi Malaysia, Tan Sri Dato' Seri Acryl Sani Abdullah Sani, saya ucapkan syabas dan tahniah kepada beliau.

Walaupun beliau dua tahun lebih muda daripada saya dan masih lagi memegang jawatan Ketua Polis Negara, tetapi saya kagum kerana akhirnya Jabatan Polis Diraja Malaysia bersetuju dan boleh membenarkan akta ini dibawa ke Parlimen, sudah diluluskan dalam Dewan Rakyat dan menanti kita untuk diluluskan petang ini walaupun ada sedikit pindaan kepada rang undang-undang asal. Ini rang undang-undang baharu. Ada pindaan tetapi dia ada permulaan.

Jangan tidak ada permulaan, jangan tiada langsung. Jadi bila mana ada permulaan, *insya-Allah* dari semasa ke semasa mungkin ada pembaikan dan pindaan. Mana ada akta yang tidak pernah ada pindaan daripada akta yang dimulakan oleh penjajah, diteruskan oleh negara kita, sentiasa macam hari ini, beberapa rang undang-undang semua melalui pindaan-pindaan. Jadi saya rasa ini satu kekuatan dan kita mesti tabik kepada Pasukan Polis kerana akhirnya mereka bersetuju untuk tatakelakuan mereka itu dipantau.

■1850

Ini kerana memanglah kita dengar banyak kes berlaku kematian, penjenayah disyaki di lokap-lokap sel. Kadang-kadang mungkin mereka pun sukar untuk mendapatkan

maklumat. Penjenayah pula jenayah terancang. Semua canggih dan yang terlibat dengan jenayah bukan calang-calang orang, yang berkelulusan.

Akan tetapi kerana banyak sangat pendedahan kepada filem-filem yang mendapat *rating* tertinggi, dengan izin, saya jadi takut tengok filem-filem sekarang ini sama ada filem Bollywoodnya, filem Hindinya, filem Tamilnya, filem Koreanya, semua menjurus kepada jenayah-jenayah dan melihatkan penjenayah sebagai hero dalam filem-filem.

Jadi sebab itu kita takut. Ini terbawa-bawa kepada penonton- penonton. Tambah pula kalau filem itu dalam bentuk drama yang boleh menguasai pemikiran orang dalam masa tiga bulan. Kalau filem, sekali, habis satu hari tetapi drama ini dia kuasai tiga bulan. Ini menguasai. Kalau drama yang lagi panjang, lagi panjang dia boleh mempengaruhi jiwa-jiwa penonton dan sebagainya. Kita lihat yang menjadi kegemaran ialah filem-filem yang bercorak ganas, filem-filem yang bercorak jenayah.

Oleh sebab itulah saya faham. Maknanya Polis mereka penat, mereka letih dan sebagainya kita tahu bahawa secara angkanya, bilangan Polis tidak mencukupi untuk mengawal keadaan-keadaan di luar sana. Tambahan pula dengan sebelum ini kita terpaksa memansuhkan AKSEM dan beri tugas menjaga sempadan darat kepada Polis. Saya rasa memang tidak cukup sebab itu kadang-kadang berlaku benda-benda ini.

Walau macam mana pun keanggotaan itu Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh biar Parlimen lah tentu sedikit. Jangan semua atas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pergi kepada Yang di-Pertuan Agong. Nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri... *[Rakaman kurang jelas]* Saya fikir untuk berlaku adil kepada semualah. Okey, Perdana Menteri berapa? Kata kita hendak buat tujuh. Okey Perdana Menteri empat, tiga itu bagilah Parlimen pula pilih, contohnya. Bagilah ada sedikit kuasa Parlimen. Dalam itu saya fikir, kalau lebih layak anggota suruhanjaya itu kalau dua Dewan Rakyat, pilih satu Dewan Negara. *Something like that*-lah. Baru *fair*-lah saya fikir.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Yang Berhormat, waktu...

Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad: Terima kasihlah, Tuan Yang di-Pertua... *[Tepuk]* *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad: Jaga masa itu.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Selanjutnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding... *[Tepuk]*

6.52 ptg.

Puan Susan Chemerai Anding: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020. Saya menyambut baik usaha kerajaan untuk menubuhkan sebuah badan yang bebas, yang akan berperanan untuk menyiasat sebarang salah laku Polis.

Umum tahu dan sering kita dengar bahawa imej Polis tercemar dengan pelbagai insiden yang tidak sepatutnya berlaku seperti penerimaan rasuah anggota polis, peras ugut, kematian dalam lokap, kekasaran Anggota Polis atau *police brutality*, dengan izin, dan pelbagai salah guna kuasa. Saya percaya, imej tidak baik ini hanya akibat perbuatan segelintir sahaja Anggota Polis dan pada umumnya, Anggota Polis adalah berprinsip dan amanah dalam menjalankan kewajipan. Malangnya, segelintir yang tidak baik ini mampu memburukkan imej polis.

Jadi kita sangat memerlukan suruhanjaya bebas ini walaupun ada pihak yang mendakwa bahawa suruhanjaya yang bakal ditubuhkan ini banyak kelemahannya. Oleh

itu, tidak akan membantu mengendalikan kes-kes salah laku dengan baik. Akan tetapi, saya berpendapat bahawa penubuhan suruhanjaya ini merupakan satu permulaan yang baik dan jika ada kelemahan, masih ada ruang untuk kita memperbaiki RUU ini pada masa depan demi kebaikan PDRM, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Apandi tadi.

Di dalam menjalankan tugas membanteras jenayah dan mengendalikan penjenayah dan kes-kes jenayah, Anggota Polis perlu diberi ruang untuk bertindak mengikut keadaan yang dihadapinya dan banyak tugas ini memerlukan keputusan dan tindakan yang pantas dan perlu banyak bersabar. Jadi, adalah penting dilihat pada isu latihan dan juga disiplin Polis. Kita perlu juga lihat kepada isu seperti kesihatan mental Anggota Polis.

Jadi, kalau kita lihat umpamanya untuk kes-kes jenayah rasuah pula, mungkin ini ada berkaitan dengan kebajikan Anggota Polis. Dengan itu, perkara seperti perumahan, gaji, kenaikan pangkat, aspek peralatan dan sebagainya, mungkin kita perlu kaji dan ditambah baik. Dengan erti kata lain, penubuhan satu Suruhanjaya Bebas yang menyiasat tata kelakuan Polis, tidak mencukupi untuk membaiki imej Polis. Kita kena juga lihat kepada isu-isu lain yang ada kesan ke atas kecekapan dan disiplin seorang Anggota Polis dalam menjalankan tugas dan amanah supaya kebarangkalian untuk membuat salah semasa mengendalikan kes itu dapat dikurangkan. Dengan itu, imej polis dapat juga diperbaiki.

Kita hendaklah memastikan supaya suruhanjaya ini akan menjalankan tugasnya berpandukan prinsip-prinsip dan nilai-nilai seperti kebebasan dalam membuat keputusan, siasatan yang telus, *due process*, dengan izin, dan prinsip keadilan. Justeru itu, IPCC ini perlu dianggotai oleh individu yang berkualiti, ternama, berintegriti dan berdedikasi kepada memastikan imej Polis yang baik sentiasa diangkat. Saya percaya kita ada ramai individu seperti ini yang layak menganggotai IPCC.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding.

Selanjutnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying.

6.57 ptg.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan kerana memberi peluang dan ruang untuk berbahas berkenaan Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020. Walaupun RUU ini telah berjaya diluluskan di Dewan Rakyat, namun, saya mewakili wakil rakyat Pakatan Harapan mengulangi pendirian kami bahawa kami tidak akan menyokong RUU ini.

Hal ini dikatakan demikian kerana RUU ini tidak memenuhi hasrat reformasi institusi yang diharapkan. Apabila kita lihat RUU secara dasarnya, semuanya indah belaka. Akan tetapi, janganlah kita lupa bahawa isi rang undang-undang juga perlu dirangka secara komprehensif. Janganlah kita wujudkan satu Jawatankuasa atau suruhanjaya yang tidak memberikan manfaat. Malah yang lebih teruk, mengabaikan kebajikan rakyat seperti pepatah Melayu iaitu "melepaskan batok di tangga."

Saya ingin membuat beberapa hujahan. Satu kelompangan yang dapat diperhatikan, diperlihatkan dalam RUU ini merupakan pelucutan jawatan yang boleh berlaku pada bila-bila masa tanpa sebab.

Fasal 7 Bahagian III dalam rang undang-undang ini telah menyatakan bahawa pelucutan jawatan seseorang ahli jawatankuasa boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja dan dalam fasal yang sama, tidak menyatakan bahawa lucutan itu memerlukan apa-apa sebab yang tertentu.

Hal ini boleh menyebabkan seseorang itu boleh dilucutkan dengan sesuka hati oleh pihak yang menjadi pencatur kuasa. Pencatur kuasa ini merupakan golongan hanya mementingkan leher dan poket mereka sahaja. Malah, mereka juga mampu melucutkan

jawatan ahli jawatankuasa yang berada dalam suruhanjaya ini sekiranya ahli jawatankuasa tersebut tidak menyebelahi atau menyokong tindakan mereka. Perkara ini mampu mewujudkan budaya kronilisme dalam kalangan pencatur kuasa bagi meletakkan orang mereka dalam suruhanjaya ini.

■1900

Misalnya penukaran Ahli Jawatankuasa dengan mudah akan mengakibatkan Ahli Jawatankuasa yang lain tidak sekuat dengan pihak berkepentingan. Ini pasti akan memberi kesan kepada proses dalam melaksanakan kerja mereka. Kesannya, segala perancangan dan usaha yang ingin dilakukan oleh Suruhanjaya ini akan tergendala dan kemungkinan besar tidak akan dijalankan sama sekali.

Kelompokan yang kedua yang saya dapat kenal pasti merupakan lantikan Setiausaha Suruhanjaya melalui Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. Pemberian kuasa kepada Yang Berhormat Menteri untuk melantik setiausaha bagi suruhanjaya ini akan menimbulkan banyak persoalan dan kesangsian. Malah, perkara ini juga akan membuatkan lantikan Setiausaha tersebut dibuat dengan sesuka hati mengikut kehendak Yang Berhormat Menteri.

Tambahan pula, lantikan ini juga terkait dengan perkara pertama yang saya ketengahkan sebentar tadi iaitu pelucutan pada bila-bila masa tanpa sebab. Sebagai contoh, Menteri kemungkinan boleh melantik sesiapa sahaja yang beliau fikir sesuai malah semestinya akan memberi manfaat dan kepentingan kepada beliau. Jika Setiausaha yang dilantik itu tidak menyebelahi atau berpihak kepada pencatur kuasa, beliau juga boleh disingkirkan melalui fasal 7, Bahagian III dalam RUU ini. Sekiranya perkara ini berlaku, ia akan menggambarkan bahawa integriti dalam pengurusan pentadbiran kerajaan semakin teruk.

Kesannya, segala urusan atau kerja yang dijalankan oleh suruhanjaya akan dipandang tidak berintegriti dan tulus. Bukan sahaja tidak tulus dan integriti, akan tetapi kerajaan akan dianggap lemah kerana dianggap pilih kasih. Apabila perkara ini berlaku, adakah rakyat akan percaya lagi kepada kita sebagai pembuat dasar atau lebih tepat lagi sebagai pemimpin mereka?

Sebenarnya, Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020 seharusnya berada di bawah bidang kuasa Parlimen dan bukannya berada di bawah kuasa bidang eksekutif. Hal ini demikian kerana suruhanjaya ini merupakan sebuah badan bebas tetapi mengapa kuasa pelucutan atau pelantikan setiausaha perlu berada di bawah kuasa eksekutif?

Apabila kita berbicara tentang sebuah badan bebas maka biarlah badan itu bebas secara zahir dan batinnya. Jika kita letakkan suruhanjaya ini di bawah kuasa eksekutif untuk apa kita panggil ia sebagai suruhanjaya bebas atau sebuah badan bebas? Misalnya, Parlimen yang menentukan siapa yang akan dilantik dan siapa yang akan dilucutkan dalam Suruhanjaya ini?

Kesannya, apabila kuasa pelucutan dan pelantikan berada di bawah bidang kuasa Parlimen, nescaya kita tidak akan melihat suruhanjaya ini dimonopoli oleh satu pihak sahaja. Malahan, suruhanjaya ini juga tidak akan menjadi alat politik yang akan digunakan bagi memenuhi kepentingan sesetengah pihak.

Kita juga harus meletakkan kuasa pendakwaan berada di bawah bidang kuasa *judiciary*. Hal ini demikian kerana segala laporan dan aduan dapat diteliti dan disiasat oleh pihak kehakiman serta tindakan boleh diambil secara langsung. Sekiranya segala laporan dan aduan yang dibuat kepada pihak Polis semula, ia akan menimbulkan kesangsian dan persoalan. Antara kesangsian yang timbul adalah adakah siasatan itu dilakukan secara tulus dan berintegriti? Adakah siasatan itu dilakukan tanpa ada campur tangan politik atau pihak-pihak yang berkepentingan? Seumpamanya SPRM yang menyiasat SPRM sendiri yang melibatkan isu pemilikan saham, kita tidak mahu pisang berbuah dua kali dan mengulangi kesilapan yang sama.

Kita mahukan satu siasatan yang tulus, adil dan berintegriti dibuat kepada pihak polis yang didapati bersalah. Perlu diingatkan bahawa pihak polis dan penjawat awam

yang lain juga merupakan rakyat memberikan kepercayaan kepada kita untuk mewakili mereka. Biarlah setiap Anggota Polis yang didapati bersalah dihakimi secara adil serta saksama mengikut laras undang-undang yang betul tanpa kita sebagai pembuat dasar yang menganiayai mereka.

Kesannya segala siasatan yang dibuat berasaskan aduan dan laporan yang diterima dapat dijalankan dengan berintegriti, adil dan saksama. Malahan, keadilan dalam menghakimi mereka yang bersalah amat penting supaya kita mampu menerapkan sifat perikemanusiaan dan membumi kepada rakyat.

Dengan ini, saya menolak RUU ini. Terima kasih.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying kerana mengambil bahagian dalam perbahasan tadi.

Selanjutnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Razali Idris. Tujuh minit Yang Berhormat.

7.05 min.

Datuk Razali bin Idris: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi sedikit ruang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan juga dipanggil IPCC, saya hendak sebut ringkas bagi meningkatkan integriti, mengurangkan salah laku serta meningkatkan keyakinan orang ramai kepada Pasukan Polis. Di sini, merupakan satu permulaan yang baik di mana asas untuk siasat di antara Polis yang berkelakuan tidak baik sudah diwartakan *insya-Allah* selepas ini akan diwartakan untuk dilaksanakan.

Kewujudan undang-undang ini juga sangat teliti apabila kita melihat sesi libat urus seramai 1,059 orang. Mereka diberi taklimat oleh pimpinan tertinggi PDRM dan juga Kementerian Dalam Negeri. Saya hendak nyatakan di sini bahawa bukan semua polis berkelakuan jahat. Hanya segelintir sahaja. Justeru itu, penubuhan Suruhanjaya ini perlu kena teliti dan tertib supaya tidak disalah anggap oleh sesetengah pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberi pandangan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Lantikan Suruhanjaya- kenapakah perlu Anggota Polis dalam Suruhanjaya? Ini kerana kalau Anggota Polis semasa- saya merasakan ia tidak bebas. Kalau bekas Anggota Polis, saya agak setuju.

Selepas suruhanjaya buat siasatan, suruhanjaya ini akan mengesyorkan kepada Suruhanjaya Pasukan Polis untuk diambil tindakan tatatertib. Suruhanjaya IPCC diserahkan kepada Suruhanjaya Polis. Dalam Suruhanjaya IPCC ada Anggota Polis. Dalam Suruhanjaya Pasukan Polis ada Anggota Polis.

Selepas itu, apakah yang akan berlaku? Di sini menampakkan ada sedikit ketidaktelusan dalam sifat lantikan dalam Suruhanjaya IPCC. Itu pandangan saya. Dan rakyat hendak tahu- selepas daripada siasatan tersebut, dia hendak tahu apa yang berlaku, berapa lama siasatan itu akan dirumuskan?

Mesti ada had tempoh. Bukan ikut sesuka hati Suruhanjaya hendak siasat, atau pun kalau kena kepada keluarga kita, mungkin terbabit juga dengan Jawatankuasa Suruhanjaya, maka mungkin kes itu akan dibiarkan. Ini menyebabkan kecelaruan dalam kita menentukan kesalahan seseorang. Ini juga saya hendak bagi contoh.

Dalam Suruhanjaya ada Polis, kita repot kepada Suruhanjaya Polis. Satu ketika dulu, ada prakata daripada seorang Yang Berhormat, "Pengerusi 1MDB - si 'A', report kepada Menteri Kewangan - si 'A', dan report kepada Perdana Menteri - si 'A'." Maka negara kita huru-hara.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, bila kita wujudkan satu Suruhanjaya, ketelusan mesti ada. Tak setuju tak setuju lah. Akan tetapi dalam soal ni kita mesti ada ketelusan untuk

kita memastikan- tidak boleh kita katakan kepada Polis, dan kita menjaga juga kepentingan orang awam. Dan satu lagi, masih ada lagi dalam konteks bebas yang saya fikir perlu dibaiki ataupun diejas sedikit, sebelum kita laksanakan.

■1910

Dalam seksyen 24, disebut butir-butir pengadu terkandung. Dalam hal ini, pengadu memang- dia hendak mengadu tetapi dia rasa takut untuk menterjemahkan identiti. Jadi, dalam seksyen 24 ini kena sebut, kena cakap, "Saya Razali bin Idris, daripada mana, begitu, begini mengadu hal sekian, sekian, sekian..." Jadi, ini menyebabkan pengadu rasa takut untuk mengadu.

Walhal, dalam seksyen 25 ada satu Jawatankuasa Aduan boleh menolak aduan, sekiranya aduan itu remeh. Maksudnya, ada satu Jawatankuasa lagi yang boleh tolak aduan itu. Maka, tidak penting identiti pengadu sebenarnya.

Pengadu memang tersangat takut sebab kes yang diadakan ini agak besar. Kes dia bukan kes curi ayam. Kes dia mungkin kes bunuh. Kes yang agak membawa kepada kemudaratan keluarga dan sebagainya. Di sini sepatutnya kena lihat kembali supaya ia menjadi lebih baik. Jadi, kalau kita tengok situ, tiada kaitan sama ada pengadu menterjemahkan diri ataupun tidak menterjemahkan diri. Jadi, saya memberi cadangan supaya kaji balik sedikit dalam *part* ini, bukan tolak. Kaji sedikit supaya pengadu itu tidak diterjemahkan identitinya.

IPCC merupakan satu perkara ataupun undang-undang bagi memastikan siasatan jenayah telus yang dijalankan untuk Anggota Polis. Ia juga meningkatkan integriti pasukan, menghapuskan persepsi negatif orang awam kepada Polis dan mengelakkan siasatan berat sebelah di antara Polis dan orang kena tahan.

Justeru itu, RUU ini sangat penting, dan ia satu permulaan dan, *insya-Allah*, kita boleh tambah nilai dari masa- ke semasa. Mereka yang tidak mahu sokong, tidak apa. Kita sokong. Akan tetapi, kita hendak minta ada sedikit perubahan supaya tidak diperkatakan seperti mana yang diperkatakan undang-undang ini agak ada bentuk kezaliman. Akan tetapi, saya tidak nampak. Undang-undang ini adalah untuk satu siasatan kepada polis yang melakukan kesalahan. Jadi, saya dengan sepenuh hatinya menyokong undang-undang ini.

Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Razali.

Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz.

7.13 mlm.

Dato' Juhanis binti Abd Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Berdirinya saya di sini kali keduanya adalah untuk membahas Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) 2020.

Sebelum ini, kerajaan pernah cuba memperkenalkan RUU IPCMC, namun terpaksa ditarik balik disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya ialah Suruhanjaya tersebut mempunyai kuasa yang terlalu luas untuk melakukan siasatan, membuat pertuduhan serta turut berkuasa untuk menjatuhkan hukuman. Selain itu, terdapat juga isu ketidaksesuaian peruntukan berkaitan keanggotaan Suruhanjaya yang dicadangkan di mana seseorang yang pernah berkhidmat dalam pasukan atau perkhidmatan awam tidak layak dilantik sebagai Ahli Suruhanjaya.

Berikutan daripada penarikan RUU IPCMC itulah, RUU IPCC 2020 ini diperkenalkan. RUU IPCC ini digubal dengan matlamat untuk mewujudkan sebuah badan bebas yang dinamakan Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis bagi mengurangkan salah laku dalam kalangan Anggota Polis dan seterusnya dapat menjamin keyakinan rakyat terhadap integriti PDRM.

Saya menyokong RUU IPCC yang baharu ini kerana ia mengamalkan prinsip pengasingan kuasa yang jelas selaras dengan sistem pentadbiran negara. IPCC yang akan ditubuhkan boleh berperanan untuk menjalankan siasatan ke atas mana-mana aduan yang dibawa padanya dan mengesyorkan tindakan tatatertib ke atas Anggota Pasukan Polis tanpa menentukan jenis hukuman. Manakala kuasa untuk membuat pertuduhan dan menjatuhkan hukuman akan diserahkan kepada Suruhanjaya Pasukan Polis (SPP) sesuai dengan peruntukan sedia ada di dalam Perkara 140, Perlembagaan Persekutuan.

Selain itu, seperti saya sebutkan tadi, antara sebab penarikan semula RUU IPCMC sebelum ini adalah kerana peruntukan berkaitan keanggotaan suruhanjaya yang dicadangkan di mana seseorang yang pernah berkhidmat dalam pasukan atau berkhidmat perkhidmatan awam tidak layak dilantik sebagai Ahli Suruhanjaya. Namun begitu, bagi RUU IPCC ini, saya lihat terdapat keterbukaan dalam isu ini. Menerusi Suruhanjaya Bebas ini, keanggotaan yang bersifat terbuka kepada semua individu termasuk pernah berkhidmat dalam pasukan PDRM atau perkhidmatan awam berdasarkan kelayakan, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman mereka.

Namun begitu, saya ingin minta penjelasan Yang Berhormat Menteri berkenaan fasal 5 dalam RUU IPCC ini iaitu kuasa melawat ke premis polis, lokap dan pusat tahanan. Persoalan saya, mengapakah perlunya memberi notis awal kepada Ketua Jabatan sebelum melakukan sebarang lawatan tapak di premis-premis ini? Saya merasakan keperluan notis awal ini akan menimbulkan kesangsian di mana terdapat kemungkinan berlaku manipulasi terhadap siasatan bagi melindungi anggota yang terlibat. Pemberian notis awal ini juga mungkin akan mengurangkan keberkesanan lawatan tapak yang akan dilakukan.

Satu lagi perkara yang menarik perhatian saya adalah berkenaan fasal 14(2) RUU IPCC ini yang menyebut berkenaan jawatan Setiausaha Pesuruhjaya yang akan berfungsi sebagai Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah dilantik oleh Menteri Dalam Negeri. Saya berharap agar tidak timbul isu campur tangan politik yang akan mengurangkan kebebasan yang sekali gus melemahkan kredibiliti Suruhanjaya Bebas ini.

Tuan Yang di-Pertua, RUU IPCC ini juga berperanan sebagai *mandatory reference* iaitu semua kes yang melibatkan kecederaan serius, kematian dan jenayah seksual terhadap orang dalam tahanan atau jagaan polis akan dilaporkan ke Suruhanjaya Bebas ini untuk disiasat. Saya yakin peruntukan *mandatory reference* ini dapat memastikan anggota PDRM akan lebih telus, berhati-hati dalam melakukan siasatan sekali gus dapat meningkatkan integriti pasukan PDRM dan mengikis persepsi negatif orang ramai terhadap PDRM.

Dengan ini, saya menyokong.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan.

7.19 mlm.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Salam sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang dan peluang untuk turut sama berbahas dalam perbahasan ini yang melibatkan Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020.

■1920

Al-Quran menegaskan betapa kedudukan adil itu yang tinggi sehingga berada di langit merangkumi seluruh kejadian alam semesta. Firman Allah SWT, *“Dan Allah telah menjadikan langit yang tinggi serta Dia mengadakan neraca keadilan undang-undang supaya kalian tidak melampaui batas dalam menjalankan keadilan dan betulkanlah timbangan itu dengan adil dan janganlah kalian mengurangi neraca timbangan”*. Surah Al-Rahman, ayat 7 hingga 9.

Nabi Muhammad SAW juga menegaskan berkaitan dengan keperluan berlaku adil. Sabda Nabi Muhammad SAW dalam sebuah hadis Qudsi bahawa Allah SWT berfirman; *“Wahai hamba-hamba-Ku, sesungguhnya Aku telah mengharamkan sifat zalim ke atas diri-Ku, dan Aku jadinya kezaliman haram antara kalian. Maka janganlah kalian berlaku zalim sesama kalian”*. Hadis Riwayat Muslim.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyedari bahawa rang undang-undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan suruhanjaya bebas dan mempertingkatkan integriti Pasukan Polis, mengurangkan salah laku dalam kalangan Anggota Polis dan menggalakkan keyakinan orang awam terhadap Pasukan Polis. Ia juga memberi kuasa kepada Menteri Dalam Negeri untuk melantik seorang setiausaha yang akan menjadi Ketua Pegawai Eksekutif.

Selain itu, rang undang-undang ini juga mencadangkan bahawa suruhanjaya boleh menerima aduan atau menguruskan aduan yang dirujuk kepadanya mengenai salah laku dan mengadakan peruntukan bagi penubuhan Jawatankuasa Aduan. Ia juga bertujuan mengenakan kewajipan ke atas pasukan polis untuk merujuk kepada suruhanjaya mengenai apa-apa kejadian yang melibatkan jenayah seksual atau apa-apa kejadian yang mengakibatkan cedera parah atau kematian terhadap mana-mana orang yang pada masa itu berada dalam tahanan atau jagaan Anggota Polis.

Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) juga boleh mengarahkan pasukan petugas untuk menyiasat lanjut jika tidak berpuas hati dengan dapatan atau syor yang dibuat Jawatankuasa Aduan dan hendaklah memaklumkan pengadu mengenai tindakan yang diambil ke atas aduannya. Rang undang-undang itu juga mengandungi peruntukan kesalahan bagi seseorang yang mengugut, menghina atau mencederakan mana-mana orang yang memberikan keterangan di hadapan Suruhanjaya yang dibentuk.

Tuan Yang di-Pertua, adalah sangat penting bagi kerajaan untuk terus membina keyakinan rakyat terhadap pasukan polis kita. Penubuhan IPCC adalah diharapkan akan berjaya mempertingkatkan integriti, mengurangkan salah laku dan meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap Pasukan Polis.

IPCC memberi fokus kepada penubuhan sebuah badan untuk melaksanakan siasatan manakala tindakan dan hukuman tatatertib masih dikekalkan dengan Suruhanjaya Pasukan Polis (SPP). Difahami bahawa IPCC digubal selepas dibuat perbandingan di antara *Independent Office for Police Conduct United Kingdom* dan *Independent Police Complaints Council Hong Kong* yang mana negara itu mempunyai badan pemantau bebas.

Adalah sangat penting untuk IPCC berperanan sebagai badan bebas, menghilangkan persepsi negatif rakyat dan mengelakkan penyiasatan berat sebelah bagi menutup kesalahan Polis. Ia perlu diberikan perhatian dan perlukan penegasan. Kita tidak mahu kes kesalahan Polis dijadikan modal pihak-pihak tertentu untuk merendahkan-rendahkan polis dan dijadikan modal menghentam kerajaan.

Saya ingin mendapatkan maklum balas mengenai kes kematian yang berlaku dalam tahanan Polis yang melibatkan orang kena tuduh (OKT) sepanjang lima tahun terakhir ini dari 2017 hingga 2021 dan statistik terkini pada tahun ini. Saya juga menggesa supaya dipasang CCTV di setiap lokap yang ada di dalam negara ini. Ini mampu untuk mencegah kes kematian di dalam lokap atau kes OKT dipukul dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, adalah penting kita mesti pastikan bahawa IPCC bukannya cara untuk melindungi Pegawai Polis daripada penelitian dan pengawasan bebas. Saya

meneliti satu memorandum bertajuk Tolak Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020 yang telah disediakan oleh beberapa buah pertubuhan NGO di Malaysia.

Saya secara umumnya tidak bersetuju dengan tujuan memorandum ini dihantar. Namun saya mengambil kira beberapa pandangan dan cadangan yang telah dikemukakan. Antaranya adalah berkaitan dengan isu kekurangan kebebasan dan isu kekurangan kuasa. Kementerian Dalam Negeri boleh meneliti pandangan yang dikemukakan dalam memorandum ini.

Maka dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020 ini. Sekian.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Selanjutnya saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek.

7.26 mlm.

Puan Fadhlina binti Dato' Sidek: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberikan ruang kepada saya pada petang ini untuk memberikan sedikit perbincangan berkaitan dengan Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendirian bahawa rang undang-undang ini wajar ditolak memandangkan saranan IPCMC jauh lebih baik daripada rang undang-undang sedia ada. Alasan saya ini berdasarkan beberapa perkara.

Pertama rang undang-undang ini tidak lebih daripada yang kita panggil sebagai ringkasnya 'Polis siasat Polis'. Ini jelas dalam beberapa peruntukan yang saya fikir perlu diberikan penjelasan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri khususnya sebagai contoh perkara 4 yang terkait rapat dengan fungsi suruhanjaya. Kemudian, kuasa suruhanjaya, perkara 5 tentang kuasa suruhanjaya, perkara 26 dan beberapa peruntukan lain yang saya sifatkan begini.

Ada kebimbangan bila kita menyebut bahawa rang undang-undang ini sebagai 'Polis siasat Polis' ini kerana ada label, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, yang disebut sebagai *blue code of silence*, *blue wall* dan juga *blue shield* yang merujuk kepada tindakan ataupun keengganan Pegawai-pegawai Polis ini untuk tidak melaporkan salah laku rakan-rakan mereka. Jadi kebimbangan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimana atau apa jaminan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa IPCC ini tidak akan berlaku isu *blue code*, *blue wall* dan *blue shield* ini? Itu yang pertama,

Kedua, saya juga ingin menyebut bahawa petisyen bahawa rakyat mahukan IPCMC jauh lebih baik atau lebih signifikan daripada rang undang-undang ini adalah berdasarkan petisyen yang telah ditandatangani oleh 200 ribu orang rakyat Malaysia yang melihat bahawa petisyen yang menyokong IPCMC ini jauh lebih dikehendaki daripada rang undang-undang ini.

Ini menunjukkan bahawa, ini bukan sahaja isu yang dibangkitkan di Dewan Rakyat tetapi juga diambil perhatian oleh rakyat yang mahukan saranan-saranan di dalam IPCMC sebelum ini diambil perhatian oleh pihak kerajaan.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasakan bahawa rang undang-undang ini bersifat regresif.

■1930

Ia menjadi regresif kerana ia telah mengetepikan proses perundingan sebelum ini yang telah berjalan bertahun-tahun dan kita telah pun membuat dukungan dan juga membuat saranan melalui IPCMC ini. Jadi untuk itu, saya melahirkan beberapa perkara kebimbangan saya dan mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri khususnya.

Berkaitan pertama, bagaimana jaminan tentang suruhanjaya yang tidak berat sebelah, bebas dan telus apatah lagi apabila kita melihat beberapa pelantikan ini berada dalam lingkungan yang boleh dipersoalkan.

Sebagai contoh pelantikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saraan yang ditentukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan beberapa perkara lain. Saya juga melihat beberapa peruntukan lain juga sedikit yang sedikit membimbangkan adalah berkaitan dengan yang disebut sebagai "Setiausaha", yang mana Setiausaha Suruhanjaya yang berfungsi sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya dilantik oleh Menteri Dalam Negeri.

Satu perkara lagi yang menjadi kebimbangan kita adalah berkaitan dengan yang disebut sebagai pengesyoran. Maknanya, suruhanjaya ini rang undang-undang ini hanya mempunyai kuasa mengesyorkan tindakan tatatertib dan tidak ada kuasa yang signifikan khususnya dalam memberikan jaminan berkaitan dengan bagaimana tindakan tatatertib wajar dilakukan ataupun dilaksanakan. Berbanding dengan IPCMC yang jelas menunjukkan bagaimana proses untuk mengesyorkan tindakan disiplin ini dibawa dan seterusnya diberikan pandangan dan juga tindakan oleh Suruhanjaya tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu beberapa perkara penting yang saya telah pun nyatakan dari awal bahawa memang saya tidak bersetuju dengan rang undang-undang ini dalam konteks, jaminan-jaminan yang diberikan, dan pelantikan-pelantikan ini memang sangat merisaukan dan memberikan kita beberapa keraguan yang penting khususnya berkaitan dengan kuasa dan juga proses-proses yang berlaku. Sebagai contoh, Kuasa Suruhanjaya 5(2)(b) ini juga yang terkait rapat dengan notis lawatan yang boleh memberikan notis awal. Ini sangat meragukan proses ini, bagaimana lawatan ini harus diberikan notis awal sekiranya kita betul-betul mahukan satu kebebasan dalam soal siasatan.

Jadi berdasarkan persoalan-persoalan tersebut dan saya mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab soalan-soalan tersebut dan kebimbangan saya berkaitan dengan *blue wall of silence* ini, *blue code and blue shield* ini supaya ada jaminan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa suruhanjaya ini benar-benar bebas. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Berdasarkan senarai di sini, ada tiga orang lagi Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan nama untuk mengambil bahagian dalam perbahasan iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz, saya tidak melihat Yang Berhormat dalam Dewan pada ketika ini. Seterusnya Yang Berhormat Senator Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin, dan yang terakhir Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau.

Oleh itu, kerana Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz tidak berada dalam Dewan pada ketika ini, saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin, untuk mengambil bahagian dalam perbahasan. Silakan.

7.34 mlm.

Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, Salam Keluarga Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang kepada saya untuk bersama-sama berbahas berkait dengan Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020.

Izinkan saya memulakan perbahasan ini dengan membaca maksud daripada surah An-Nisa, ayat 58 yang bermaksud, "*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya, yakni yang berhak menerimanya, dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, Allah menyuruh kamu untuk*

menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan suruhan-Nya itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar, lagi sentiasa melihat”

Tuan Yang di-Pertua, isu tentang tatakelakuan Polis ini merupakan satu isu yang menjadi polemik besar kepada rakyat khususnya. Apatah lagi ia melibatkan kepada sebuah jentera yang sepatutnya kita memberikan kepercayaan sepenuhnya kepada mereka untuk memastikan keamanan kepada kita di dalam negara yang tercinta ini. Tidak dinafikan dalam keadaan sekarang kita hidup dengan aman, *alhamdulillah* dan cumanya di sana ada juga keperluan untuk kita menambah baik Pasukan Polis kita. Oleh sebab itulah wujudnya IPCC 2020 ini bagi melaksanakan tanggungjawab yang sepatutnya diberikan kepada mereka.

Kita juga dimaklumkan daripada pelbagai sesi libat urus yang dilaksanakan, beberapa juga proses perbandingan telah dilaksanakan oleh kerajaan dan melihat kepada beberapa buah badan seperti *Independent Office for Police Conduct* di *United Kingdom* dan *Independent Police Complaints Council* di Hong Kong di mana kedua-dua negara ini juga mempunyai badan pemantau bebas. Jadi, kita harapkan dengan libat urus ini, dengan perbandingan ini akan menambah baik suruhanjaya yang akan diluluskan selepas ini.

[Datuk Razali bin Idris *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, bila kita mendengar pendapat-pendapat yang berbeza daripada rakan-rakan kita sebentar tadi, saya mengambil positif di mana sekiranya kita betul-betul hendak mewujudkan sebuah suruhanjaya bebas yang kita rasakan penting untuk meningkatkan akauntabiliti dan juga pertanggungjawaban pihak Polis, seharusnya pendapat-pendapat dan pandangan-pandangan itu didengari oleh pihak kementerian.

Saya bersetuju dengan sebagai satu contoh, pada fasal 5(2)(b), kenapa perlu ada notis awal diberikan untuk melakukan lawatan ke mana-mana tempat dan premis seperti Balai Polis, kenapakah perlu? Kalau kita betul kita kata hendak bebas, *rush* sahajalah. Apa yang kita hendak takut.

Ini bukan isu pembangkang ataupun kerajaan. Ini isunya ialah kita badan legislatif dan kita melihat perkara ini satu keadilan dan kekuatan yang sepatutnya diberikan kepada suruhanjaya bebas. Begitu juga dengan timbul polemik- apakah definisi “notis awal”? Sejam setengah kah, dua jam, seminggu? Ataupun, apakah keperluan untuk memberikan notis awal? Ini satu perkara yang saya harap pihak kementerian boleh rungkaikan untuk menjelaskan kepada kami.

Keduanya ialah tentang bila dinyatakan tentang “suruhanjaya bebas” dan keahliannya telah pun dinyatakan dalam rang undang-undang tersebut. Saya bersetuju dengan pendapat beberapa Ahli Parlimen sebentar tadi supaya dibuka keanggotaan itu kepada mereka yang sepatutnya. Pastinya kita memohon kepada kebijaksanaan Yang di-Pertuan Agong untuk bertindak pada dasar nasihat daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Cuma satu lagi yang merunsingkan saya, kalau betullah ia satu individu- individu yang dilantik itu mereka yang komited, mereka yang ada *capabilities*, kenapakah pelantikan Setiausaha pula berada di bawah tugas Menteri? Kenapa- tidak percayakah kepada Suruhanjaya ini untuk melantik Setiausahanya untuk memastikan perjalanan itu lebih tersusun? Kenapakah perlu ada intervensi di peringkat kementerian dalam pelantikan Setiausaha? Ini antara perkara yang juga dibawa oleh beberapa Ahli Parlimen lain, sama ada di Dewan Rakyat mahupun di Dewan Negara ini.

Ketiga, ialah berkenaan dengan syor. Apabila suruhanjaya ini, IPCC ini membuat beberapa syor, adakah syor itu wajib dilaksanakan oleh pihak-pihak seperti SPRM, Suruhanjaya Pasukan Polis atau Ketua Jabatan? Apakah mereka ada obligasi untuk menuruti arahan IPCC ini? Kalau sekiranya ada punca kuasa tersebut, saya amat bersetuju dengan adanya IPCC ini. Namun, kalau tidak ada kuasa tersebut barangkali ia seperti yang dinyatakan tadi ia barangkali umpama, ‘melepaskan batok di tepi tangga.’

Kemudiannya, apakah perbezaan fungsi antara Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) yang telah diwartakan pada 3 September 2009 berbanding dengan Suruhanjaya IPCC 2020 ini?

■1940

Ini sebab menurut laman rasmi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP), fungsi Suruhanjaya ini menerima aduan salah laku daripada orang ramai terhadap pegawai penguat kuasa atau agensi penguatkuasaan secara amnya dan menyiasat serta mengadakan pendengaran berhubung dengan aduan yang diterima. Jadi saya ingin bertanya pada pihak kementerian, apakah rasional Dewan ini untuk mewujudkan satu lagi suruhanjaya yang mempunyai fungsi yang seakan-akan sama seperti suruhanjaya yang sedia ada sebelum ini?

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, SIAP ini adalah bagi menggantikan IPCMC, Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis 2005 bagi tujuan menyemai dan meningkatkan integriti dalam kalangan pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan, sekali gus memperkukuhkan keyakinan orang ramai terhadap peranan mereka.

Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, di kesempatan ini saya mohon agar kementerian dapat menjawab persoalan-persoalan ini dan mudah-mudahan ia dapat membolehkan kami bersetuju dan menyokong Usul ini dengan hati yang lebih terbuka. *Wallahualam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Yang Berhormat, dan yang terakhir dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai. Dipersilakan.

7.41 mlm.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020. Saya memang percaya RUU ini merupakan satu agenda transformasi dalam mempertingkatkan akauntabiliti yang diusulkan oleh Kementerian Dalam Negeri dalam juga menjaga integriti institusi kepolisan negara. Setelah beberapa tahun yang dikaji, diubahsuai dan dibawa semula, saya harap RUU ini akan menepati kehendak keadaan dan mengutamakan rakyat kita.

Kita sedia maklum bahawa RUU ini penting, bukan sahaja untuk rakyat sekalian. Ia juga penting kepada badan kepolisan sendiri sebagai langkah melindungi anggotanya. Pelbagai kes dilaporkan yang berkaitan dengan peranan, tindakan dan salah laku anggota-anggota Polis. Ada yang benar, ada yang tidak dan yang benar amat merisaukan. Polis terima rasuah, Polis bertindak di luar kuasanya, salah laku, integritinya dipersoalkan dan sebagainya. Bukan semua yang terlibat hanya segelintir, namun kerana nila setitik, rosak susu sebelanga.

Datuk Razali bin Idris: Nila bukan nilai.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: *[Ketawa]* Kesemua ini perlu diberikan perhatian yang serius kerana bagi rakyat, Polis merupakan institusi yang diberikan kuasa dalam konteks perundangan dan membekalkan keselamatan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini dalam suatu jawapan daripada kementerian bahawa Kementerian Dalam Negeri memberi tahu bahawa pihak yang membuat rakaman ketika tangkapan atau sesebuah boleh diambil tindakan kerana menghalang pegawai awam menjalankan tugas dan mengganggu siasatan.

Saya memang tidak faham, apakah masalah membuat rakaman video atau audio? Bagaimanakah secara teknikalnya mengganggu siasatan dan dengan siapa konsultasi kajian dan perbincangan diadakan oleh kementerian dalam menentukan perkara tersebut? Bukankah keputusan tersebut hanya berpaksikan satu pihak sahaja? Apa salahnya kalau rakyat hendak rakam sebarang tindakan pihak berkuasa dengan syarat tanpa mengganggu proses pihak berkuasa.

KDN sepatutnya jelasnya definisi syarat tersebut. Kita sedia faham bahawa kamera badan belum lagi ada, peruntukan telah diluluskan. Akan tetapi belum lagi ada perbekalan. Saya percaya mungkin dalam peringkat yang terakhir dalam pemberiannya. Dengan merujuk pemberian ini, adakah Polis boleh merakamkan video, manakala rakyat biasa tidak boleh? Saya mintalah Kementerian Dalam Negeri itu jawab soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik untuk mengetahui bentuk konsultasi yang telah diadakan oleh pihak kementerian dalam menentukan RUU ini sesuai kah secara dasarnya. Dengan siapakah kementerian telah berbincang? Harap kementerian boleh memberitahu Dewan yang mulia ini. Setiap butiran pihak organisasi, agensi dan kepakaran yang telah dirujuk dan yang telah memberikan jaminan bahawa setiap butiran dalam Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020 mempunyai kewajaran dalam mempertahankan dan melindungi rakyat. Saya ulangi, kewajaran dalam mempertahankan dan melindungi rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kita hendak tubuhkan suruhanjaya bebas. Akan tetapi kita menentukan kuasa untuk menentukan hukuman. Ia sekadar mengaum tetapi tidak ada kuasa untuk menghukum yang bersalah. Kalau sekadar hendak mengesyorkan kepada agensi yang berkaitan, saya percaya bahawa memperkasakan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) sudah cukup. Apa yang rakyat inginkan adalah sebuah suruhanjaya yang bebas berkuasa untuk menyiasat, memanggil setiap pegawai yang berkaitan, menentukan keputusan secara bebas dan mengambil tindakan terhadap yang bersalah.

Selain itu, komposisi suruhanjaya tersebut tidak sepatutnya dipengaruhi dengan majoriti bekas anggota. Saya bukan kata jangan ada bekas anggota dalam suruhanjaya. Ya, kita perlukan kepakaran bekas anggota ini dalam suruhanjaya. Akan tetapi jangan bekas atau mantan ini mempengaruhi perjalanan, keputusan dan sebarang tindakan suruhanjaya. Bagaimana kementerian, melalui RUU ini, akan memastikan tiada unsur yang berikut yang saya sebut.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah Suruhanjaya ini dapat mengatasi keganasan, salah laku Polis? Itulah persoalan asas yang perlu kita letakkan semasa penggubalan rang undang-undang ini. Bukan ia bermaksud, kita hendak abaikan kebajikan Anggota Polis. Saya percaya ada banyak lagi cara dalam mempertahankan kebajikan anggota. Akan tetapi suruhanjaya ini pada asasnya perlu mengutamakan rakyat dan menjawab persoalan saya tadi iaitu bagaimanakah suruhanjaya ini dapat mengatasi keganasan salah laku Polis?

Mekanisme yang digunakan dalam menggubal RUU ini penting. Seperti yang dikatakan tadi, ia perlu komprehensif, menyeluruh dan mengutamakan objektif utamanya dalam meletakkan anggota polis bertanggungjawab ke atas ketiap tindakan mereka melalui sebuah suruhanjaya yang bebas dan berkuasa dalam memanggil setiap anggota badan menyiasat dan menentukan hukumannya. Ia perlu dijadikan sebagai Suruhanjaya yang berkuasa dan tidak berakhir sekadar hiasan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dengan kepimpinan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, beliau amat peka dengan kebajikan rakyat dan anggota badan yang dipimpinya. RUU ini sangat bermakna dalam proses mendemokrasikan sebuah sistem. Bukannya mudah. Saya pasti terdapat tentangan hebat yang dihadapi oleh Yang Berhormat Menteri, pegawai kementerian dan juga badan kepolisan.

Namun, mereka berjaya mengemukakan RUU ini. Syabas dan saya ucapkan kepada mereka apa yang saya harap melalui RUU ini adalah sebuah suruhanjaya untuk bebas, bukan sekadar dalam namanya tetapi dalam setiap kuasa yang diperuntukannya. Sekian sahaja. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020. Terima kasih.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai. Mantap berhujah, berbahasa baik. Sembilan orang pembahas berhujah, dan Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai yang terakhir.

Maka, saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri menjawab. Dipersilakan.

■1950

7.50 mlm.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada sembilan orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020.

Seperti mana biasa, pembahas pertama dalam tiga rang undang-undang ini, saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas menjadi pembahas utama dalam ketiga-tiga rang undang-undang, termasuk Rang Undang-undang IPCC ini.

Perkara yang dibangkitkan yang pertama, adakah IPCC mempunyai *absolute power* untuk menyiasat? Memang dalam amalan yang biasa, IPCC boleh menerima aduan, menyiasat dan membuat syor kepada SPP. Akan tetapi, kalau kita semak dalam seksyen 32, "*Suruhanjaya boleh memulakan sesuatu penyiasatan salah laku atas inisiatif sendiri bagi isu melibatkan kepentingan negara*". Jadi, ini boleh dilakukan oleh Suruhanjaya itu sendiri tanpa apa-apa aduan daripada mana-mana pihak.

Kedua, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas juga tentang fasal 5(2)(c) iaitu adakah aduan itu dibuat satu persatu, adakah terdapat bentuk aduan lain yang boleh dibuat oleh pengadu. Suruhanjaya hanya menerima aduan secara bertulis terhadap mana-mana orang berhubung dengan salah laku Anggota Polis dan Suruhanjaya akan menyiasat aduan itu berdasarkan fasal 5(2)(c). Walau bagaimanapun, Suruhanjaya boleh atas inisiatif sendiri, seperti mana yang saya sebutkan tadi, boleh membuat siasatan terhadap salah laku Anggota Polis jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa ia adalah demi kepentingan awam untuk membuat siasatan.

Suruhanjaya hanya menerima aduan secara bertulis dari mana-mana orang mengenai salah laku Anggota Polis kerana dikhuatiri bahawa sekiranya aduan tidak dibuat secara bertulis, kemungkinan terdapat aduan palsu yang dibuat oleh mana-mana orang terhadap Anggota Polis.

Pertama, Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas juga bertanya tentang fasal 6 iaitu bagaimana memastikan ahli IPCC berkelayakan. Kelayakan untuk dilantik sebagai anggota Suruhanjaya adalah seperti berikut- berpengetahuan, berkemahiran, pengalaman atau menunjukkan keupayaan dan profesionalisme dalam perkara yang berhubung dengan undang-undang, pentadbiran, penyiasatan kewangan atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan fungsi Suruhanjaya.

Soalan seterusnya yang diajukan oleh Yang Berhormat Senator Dato Kesavadas ialah tentang fasal 24 yang mewajibkan pengadu membuat aduan dalam bentuk bertulis. Tujuan peruntukan ini mewajibkan pengadu membuat aduan dalam bentuk bertulis adalah untuk menyekat aduan yang tidak berasas. Peruntukan ini adalah untuk memastikan aduan yang sah di kalangan pengadu yang bertanggungjawab.

Peruntukan ini juga adalah bersifat untuk mengelakkan pembaziran. Kalau palsu, dibuat siasatan, ia mewujudkan pembaziran sumber manusia dan kewangan dalam menyiasat aduan salah laku yang tidak berasas.

Peruntukan ini dapat menutup ruang ke atas penerimaan aduan yang bersifat tohmahan semata-mata. Oleh sebab itulah kita minta aduan ini secara bertulis.

Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying, ada dalam Dewan?

Datuk Razali bin Idris: Tidak ada.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Dia dan juga beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang lain bertanya tentang- ramai yang bertanya tentang mengapakah Setiausaha dilantik oleh Menteri Dalam Negeri. Ramai yang bertanyakan, Yang Berhormat.

Setiausaha merupakan suatu jawatan penting dalam IPCC memandangkan Setiausaha merupakan Ketua Pegawai Eksekutif IPCC. Setiausaha berperanan memastikan kelancaran urusan Suruhanjaya dalam melaksanakan kuasa dan fungsinya di bawah Rang Undang-undang IPCC atau apabila ia diluluskan menjadi Akta IPCC. Bawah Rang Undang-undang IPCC, Menteri Dalam Negeri hanya berperanan untuk melantik Setiausaha, namun peranan Setiausaha ini tertakluk sepenuhnya kepada arahan Suruhanjaya dari semasa ke semasa. Hanya melantik Setiausaha.

Akan tetapi, arahan dari semasa ke semasa, skop dan fungsinya mesti ditentukan oleh Suruhanjaya itu sendiri. Yang Berhormat Menteri tidak berhak untuk mencampuri urusan Suruhanjaya. Setiausaha adalah daripada perkhidmatan awam dan tertakluk kepada Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding juga bertanya mengkaji aspek kebajikan, gaji dan keperluan penugasan PDRM. Kerajaan amat prihatin perihal kebajikan anggota PDRM sebagai agensi utama penguatkuasaan dalam memberi khidmat bakti yang tidak berbelah bahagi kepada negara. Penambahbaikan dasar-dasar melibatkan kebajikan sedia ada dilaksanakan secara berterusan sebagai usaha dalam memberikan penyampaian perkhidmatan kepolisian terbaik kepada masyarakat.

Dalam memastikan kebajikan mereka sentiasa terbela, Kementerian Dalam Negeri berusaha menambah baik kemudahan infrastruktur PDRM dengan membina dan membaik pulih perumahan kuarters bagi memastikan warga PDRM dapat menjalani kehidupan dengan suasana yang kondusif dan selesa. Kementerian juga sentiasa meneliti dan membuat kajian secara berterusan untuk menambah baik elaun dan kemudahan lain bagi membantu anggota PDRM terutamanya yang berpangkat rendah dalam menangani kos sara hidup yang kian meningkat.

Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris...

Datuk Razali bin Idris: Boleh jawab.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Adakah IPCC masih bebas dengan pelantikan anggota polis sebagai Jawatankuasa?

Jawapannya, Yang Berhormat, tiada isu *conflict of interest* yang akan timbul sekiranya perwakilan kuasa dan fungsi IPCC diberikan kepada PDRM kerana anggota pasukan PDRM adalah terikat kepada pematuhan semua syarat dan sekatan yang dikenakan oleh IPCC dalam menjalankan tugas dan kuasa IPCC. Maknanya, sebagai seorang ahli jawatankuasa, dia juga terikat kepada fungsi Suruhanjaya IPCC itu sendiri dan tidak boleh bertindak atas kapasiti individu.

Ini bermakna anggota pasukan yang diberi kuasa untuk menjalankan fungsi dan kuasa IPCC masih terikat dengan semua kehendak, tatacara dan perkara yang ditetapkan oleh IPCC berhubung dengan perwakilan kuasa yang diberikan kepada Anggota Pasukan Polis dan ia dijalankan atas nama dan bagi pihak IPCC. Perwakilan kuasa boleh diberikan kepada Pasukan Polis dalam hal untuk menjalankan siasatan salah laku kerana Pasukan Polis merupakan pihak yang mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam bidang kuasa penyiasatan.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying juga bertanya adakah IPCC di bawah kuasa Parlimen. IPCC bukan di bawah kuasa Parlimen, tetapi di bawah bidang kuasa eksekutif. Perkara ini tidak menimbulkan sebarang kesulitan memandangkan IPCC mempunyai obligasi undang-undang seperti mana di bawah fasal 39 iaitu IPCC bertanggungjawab membentangkan laporan tahunan di Parlimen. Ini ada perbezaannya. Ada laporan tahunan yang akan dibentangkan di Parlimen untuk tujuan semak dan imbang. Dapatan daripada Suruhanjaya ini akan dibentangkan laporan tahunannya di Parlimen dan ini mewujudkan ruang supaya pentadbiran dan perjalanan operasi IPCC terbuka untuk penilaian keberkesanan IPCC.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Lim Hui Ying dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris bertanyakan adakah wajar Polis boleh menjadi anggota

IPCC. Saya pun sudah jawab tadi dan tentang Setiausaha pun saya sudah jawab. Lantikan anggota Suruhanjaya terbuka kepada semua individu yang mempunyai kelayakan seperti mana yang ditetapkan dalam Rang Undang-undang IPCC, dan kelayakan pun saya sudah jawab tadi.

■2000

Seterusnya banyak Yang Berhormat Senator Puan Puan Lim Hui Ying juga bertanya tentang fasal 7, pelantikan jawatankuasa suruhanjaya boleh dibatalkan pada bila-bila masa tanpa dinyatakan sebab.

Peruntukan fasal-fasal 7 berhubung dengan tempoh jawatan anggota suruhanjaya yang boleh dibatalkan pada bila-bila masa tanpa dinyatakan sebab merupakan peruntukan lazim yang ada dalam akta berkaitan dengan suruhanjaya. Bermakna dalam suruhanjaya-suruhanjaya yang lain juga ada peruntukan di mana ahli atau anggota suruhanjaya boleh dibatalkan tanpa apa-apa sebab.

Apa yang dimaksudkan sebagai "...tanpa dinyatakan sebab..." bagi pembatalan pelantikan anggota bukannya bermakna Yang di-Pertuan Agong boleh menamatkan atau membatalkan tempoh jawatan anggota suruhanjaya sewenang-wenangnya. Maksud "...tanpa dinyatakan sebab..." dalam fasal ini adalah merujuk kepada sebab pembatalan pelantikan itu tidak diberitahu kepada anggota suruhanjaya tersebut. Bermaknanya ada alasan yang kukuh tetapi kita tidak perlu menyatakan sebab kenapa ahli suruhanjaya tersebut dibatalkan atau ditamatkan perkhidmatan.

Yang di-Pertuan Agong boleh membatalkan pelantikan anggota suruhanjaya atas nasihat Perdana Menteri apabila terdapat hal keadaan yang didapati bahawa pelantikan anggota suruhanjaya itu tidak wajar lagi diteruskan. Antaranya seperti mempunyai masalah kesihatan atau tidak berupaya atau kompeten untuk menjalankan tugasnya lagi sebagai anggota suruhanjaya.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Dato' Juhani binti Abd Aziz minta supaya senarai yang lengkap bagi balai polis yang dipasang CCTV. Kamera badan atau *body-worn*. Kamera yang dibekalkan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) berjumlah 1,230 unit iaitu pada tahun 2014 untuk fasa pertama sebanyak 530 unit jenis *Muvi HDZ Pro Micro Camcorder*. Pada tahun 2015 fasa kedua, sebanyak 700 unit jenis *provision*.

Walau bagaimanapun kesemua *body-worn camera* tersebut telah dicadangkan untuk pelupusan disebabkan beberapa faktor seperti teknologi ketinggalan zaman *out of date technology*, dengan izin, mengalami kerosakan dan tidak ekonomik untuk diperbaiki.

Walau bagaimanapun, dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas, *Rolling Plan 1* (RP1) 2021. Kerajaan telah meluluskan *body-worn camera* bagi kegunaan anggota PDRM. Kos perolehan *body-worn camera* yang diluluskan oleh kerajaan adalah berjumlah RM30 juta dengan kaedah tender terbuka dan tempoh siap projek adalah selama 24 bulan dan tiada jenama atau model ditetapkan.

Kuantiti *body-worn camera* yang bakal diperoleh bergantung kepada proses tender yang dikendalikan oleh Kementerian Dalam Negeri. Status perkembangan terkini projek ini adalah dalam perolehan oleh kerajaan.

Seterusnya...

Puan Fadhlina binti Dato' Sidek: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat.

Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip: Boleh saya tanya sedikit, sedikit sahaja?

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Jika saya tidak benarkan...

[Ketawa]

Puan Fadhlina binti Dato' Sidek: [Ketawa]

Datuk Razali bin Idris: Tidak boleh Yang Berhormat.

Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip: Janganlah macam itu.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Sila... [Ketawa]

Datuk Razali bin Idris: Dia kena minta dengan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip: Projek *body-worn camera* ini agak-agak bila boleh dilaksanakan seawal mungkin? Itu sahaja.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Yang Berhormat Senator sahabat saya. Saya sudah sebut tadi, masih dalam penilaian dan proses perolehan oleh kerajaan. Kita memang hendak cepat RM30 juta Yang Berhormat Senator, kita hendak berikan kebajikan kepada Anggota Polis kita. Jangan bimbang Yang Berhormat Senator, kita akan segerakan atas desakan Yang Berhormat Senator yang prihatin dan sayang kepada Anggota Polis. Hebat Yang Berhormat Senator.

Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip: Cantik!

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz juga tentang suruhanjaya juga ditanya, pun sudah saya jawab. Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek, mengapa kuasa IPCC terhad kepada syor sahaja. Ini bezanya, IPCC dengan IPCMC dan juga IPCC sama dengan SIAP.

Dia hanya menerima aduan, menyiasat dan membuat syor, tidak seperti mana IPCMC, dia menerima aduan, membuat siasatan dan juga menghukum, kuasa menghukum. Dia menerima aduan, disiasat dan dia ada kuasa menghukum. Macam dia mahkamah sedikit. Jadi kebajikan dan kepentingan anggota polis ini nampak sedikit terjejas.

Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris saya sudah jawab. Berapakah lama IPCC akan memberikan keputusan ke atas aduan yang diterima? Lebih kurang enam bulan Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris. Ini pun berdasarkan kepada *case-to-case basis*.

Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan. Hebat Yang Berhormat Senator ini- terjemahan Al-Quran dan hadis. Statistik kes-kes kematian dalam lokap polis bagi tahun 2021 sehingga kini. Jawapan bagi tahun 2021 jumlah kematian dalam tahanan Polis sebanyak 32 kes. Manakala jumlah kematian dalam lokap sebanyak 14 kes.

Bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2022 jumlah kematian dalam lokap dan tahanan yang disiasat oleh Unit Siasatan Jenayah Kematian Dalam Tahanan (USJKT) sebanyak 19 kes, sebanyak tiga kes berpunca daripada COVID-19, tiga kes kerana berpenyakit atau sakit jantung, dua kes bunuh diri, dua kes Tibi, empat kes lain-lain penyakit, dan lima kes masih menunggu analisis makmal, ya Yang Berhormat Senator.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai juga hebat, fasih dalam berbahasa, lancar. Dapat pujian daripada Tuan Yang di-Pertua. Orang awam merakam gambar atau video semasa Polis menjalankan tugas. Tiada sebarang kesalahan dilakukan tetapi sekiranya tujuan rakaman tersebut bagi pengedaran atau penulatan yang bersifat jelek atau mengganggu orang lain, terjumlah kepada satu kesalahan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia.

Pada masa yang sama tindakan juga boleh diambil di bawah Kanun Keseksaan sekiranya tindakan merakam tersebut mengganggu perjalanan siasatan PDRM. Rakam boleh tidak salah, edar untuk tujuan mengganggu siasatan, itu yang salah.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz. Lawatan ke mana-mana tempat dan premis seperti Balai Polis, rumah, kakitangan Polis, lokap dan pusat tahanan dengan memberi notis awal kepada Ketua Jabatan. Tanya kenapa perlu ada notis.

Isu pemberian notis awal ini pernah dibangkitkan oleh Suruhanjaya Hak Manusia (SUHAKAM) dan respons PDRM pada ketika itu adalah seperti berikut. Pihak PDRM merupakan tempat yang sensitif. Oleh itu setiap pergerakan perlu dipantau atas faktor keselamatan termasuk pergerakan pegawai dan Anggota Polis yang melawat lokap.

Polis adalah atas dasar arahan penugasan secara bertulis kepada pentadbiran pejabat lokap IPD yang berkenaan. Termasuk Menteri, Timbalan Menteri pun kalau hendak melawat kena diberitahu awal.

Puan Fadhlina binti Dato' Sidek: Timbalan Menteri, saya ingat ada satu soalan yang sangat spesifik. Saya mohon penjelasan sedikit sebab soalan kami juga yang berkaitan dengan notis ini. Seawal mana notis ini? Notis awal ini. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Kalau ikut jawapan seorang peguam. Seawal tempoh masa yang munasabah mungkin tiga hari atau tujuh hari. Berdasarkan keperluan atau isu-isu atau kes yang hendak dilawati tersebut tetapi pemberitahuan awal mesti dilakukan.

Ini sebab kita tidak hendak sebarang pihak atau mana-mana pihak begitu senang sekali untuk melawat lokap dan boleh menjejaskan *vide* atau keterangan atau keselamatan pesalah atau tahanan di dalam lokap tersebut.

Premis PDRM merupakan tempat yang sensitif. Oleh itu setiap pergerakan perlu dipantau atas faktor keselamatan termasuk pergerakan pegawai dan anggota polis yang melawat lokap. Polis adalah atas dasar arahan penugasan secara bertulis kepada pentadbiran pejabat lokap IPD berkenaan.

Tiada sebarang agenda untuk melindungi lokap polis daripada lawatan SUHAKAM. Malah arahan pentadbiran PDRM yang sedia ada adalah memadai untuk melindungi kepentingan tahanan di dalam lokap.

■2010

Walau bagaimanapun, faktor luaran yang lain seperti infrastruktur lokap yang tidak dilengkapi dengan kelengkapan secukupnya, maka ketiadaan kelengkapan ini tidak mewajarkan tindakan menghukum pasukan polis.

Lawatan mengejut akan menjadi masalah bagi pegawai dan anggota di lapangan kerana mereka tidak dapat mengenali wakil sah SUHAKAM. Sekiranya perkara ini dipraktikkan, ia akan membolehkan sesiapa sahaja keluar dan masuk ke premis Polis yang mana ia akan terjumlah kepada aspek keselamatan yang diganggu gugat.

Akhirnya Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina juga bertanya apakah jaminan bahawa siasatan yang dijalankan oleh IPCC tidak berat sebelah. IPCC hanya mengesyorkan tindakan tatatertib seperti mana yang saya sebutkan tadi dan bukannya mengambil tindakan tatatertib. Ada kebimbangan kerana ada satu label *blue wall of silence, or blue wall*- yang menunjukkan keengganan Pegawai Polis untuk lapor salah laku rakan mereka.

Jawapan- siasatan yang dijalankan tidak akan menjadi berat sebelah memandangkan anggota suruhanjaya IPCC yang dilantik terdiri daripada anggotanya yang bukan dilantik daripada kalangan Anggota Polis semata-mata. Bermakna tujuh orang tadi bukan semuanya daripada Anggota Polis tetapi mempunyai kelayakan-kelayakan daripada perkhidmatan awam dan sebagainya.

Ia terbuka kepada mana-mana orang yang berkelayakan untuk menjadi anggota Suruhanjaya yang terdiri daripada pelbagai bidang dan mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam bidang yang saya sebut awal iaitu undang-undang, pentadbiran, penyiasatan, kewangan atau apa-apa bidang dalam perkara yang berkaitan dengan fungsi suruhanjaya. Memandangkan pelantikan untuk menjadi anggota suruhanjaya ini terbuka kepada pelbagai pihak yang dinyatakan dalam fasal 6(3), maka tiada ruang dan peluang untuk mana-mana siasatan dimanipulasikan oleh mana-mana pihak.

Sekiranya Suruhanjaya tidak berpuas hati dengan siasatan yang dibuat, Suruhanjaya boleh mengarahkan satu pasukan petugas khas ditubuhkan untuk membuat siasatan lanjut berdasarkan fasal 30(2) dan Suruhanjaya mempunyai obligasi untuk

merekodkan dapatan dan memaklumkan kepada pengadu mengenai tindakan yang telah diambil terhadap aduan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah antara penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat dalam perbahasan Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020 di Dewan yang mulia ini sebentar tadi. Bagi jawapan yang tidak sempat saya bacakan, KDN akan mengemukakan jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat sekiranya ada jawapan yang belum puas hati boleh hantar secara bertulis kepada pihak Kementerian Dalam Negeri.

Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan-pertanyaan dan membangkitkan isu-isu berkaitan kementerian saya sepanjang sesi perbahasan sama ada RUU, pemansuhan AKSEM, RUU PKW dan RUU IPCC, saya mengucapkan ribuan terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat. RUU IPCC. Okey terima kasih.

Datuk Razali bin Idris: Okey terima kasih Dato' Sri Timbalan Menteri. Nampak pada gayanya semua berpuas hati dengan apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Dato' Sri Timbalan.

Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip: Betul.

Datuk Razali bin Idris: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibaca kali kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Datuk Razali bin Ibrahim **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 47** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia (Datuk Haji Awang bin Hashim) dan diluluskan]

*[Datuk Razali bin Idris **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Ahli Dewan Negara yang masih lagi bersama-sama walaupun masa sudah ditambah. Tepukan kepada Ahli Dewan Negara... *[Dewan tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan Negara hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 9 Ogos 2022.

Wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 8.18 malam]